




KEMENTERIAN KEWANGAN



Ucapan
Belanjawan



MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT

Ucapan Belanja 2025



Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 10, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA
E-mel: belanjawan2025@treasury.gov.my

Ucapan Belanjawan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2025 diterbitkan pada 18 Oktober 2024.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
<https://belanjawan.mof.gov.my/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-12840-8-7



Rasional Muka Depan

Muka depan tahun ini menggabungkan elemen alam semula jadi dan pembangunan bandar, dengan "2025" memaparkan langit cerah, awan, dan burung yang melambangkan optimisme serta kemajuan ke hadapan. Pemandangan bandar di bahagian bawah melambangkan pembangunan pesat Malaysia dan pemodenan yang dinamik. Rekaan ini mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap pertumbuhan yang seimbang dan mampan, menggabungkan penjagaan alam sekitar dengan kemajuan bandar.

Imej ini menjadi peringatan tentang perjalanan berterusan negara menuju kemakmuran dan ketahanan dalam tahun yang mendatang, masa depan yang gemilang.

Kandungan

16 MUKADIMAH

25 PENCAPAIAN DAN TANTANGAN EKONOMI

28 TUMPUAN 1

MENJANA PERUBAHAN KE PUNCAK MAKNA

28 IKHTIAR 1: TANGGUNGJAWAB FISKAL DAN PENGURUSAN HUTANG

30 IKHTIAR 2: KUTIPAN HASIL

31 IKHTIAR 3: PELUASAN HASIL CUKAI

32 IKHTIAR 4: PENYASARAN SUBSIDI

38 IKHTIAR 5: ANGGARAN PERBELANJAAN 2025

38 IKHTIAR 6: PEMBANGUNAN TERANGKUM

44 IKHTIAR 7: KERJASAMA AWAM-SWASTA

45 IKHTIAR 8: PERANGI RASUAH

46 IKHTIAR 9: INSTITUSI PARLIMEN

46 IKHTIAR 10: REFORMASI PERUNDANGAN

48 IKHTIAR 11: REFORMASI INSTITUSI KERAJAAN

49 IKHTIAR 12: ILTIZAM KECEKAPAN PENTADBIRAN

54 IKHTIAR 13: SEJATI MADANI

57 IKHTIAR 14: PENGGUNAAN SUMBER YANG OPTIMUM

59 IKHTIAR 15: KESELAMATAN SIBER


60 IKHTIAR 16: MUSIBAH DAN BENCANA

- 63 **IKHTIAR 17:** KERANGKA INSENTIF PELABURAN BAHARU
- 67 **IKHTIAR 18:** PELABURAN STRATEGIK
- 68 **IKHTIAR 19:** SYARIKAT MULA NIAGA
- 70 **IKHTIAR 20:** DIGITALISASI DAN AUTOMASI
- 72 **IKHTIAR 21:** ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA
- 73 **IKHTIAR 22:** SOKONGAN PASARAN EKSPORT
- 74 **IKHTIAR 23:** TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026
- 75 **IKHTIAR 24:** KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA 2025
- 77 **IKHTIAR 25:** PERALIHAN TENAGA
- 81 **IKHTIAR 26:** PERLINDUNGAN KHAZANAH ALAM
- 83 **IKHTIAR 27:** KETERJAMINAN MAKANAN
- 85 **IKHTIAR 28:** PERLADANGAN DAN KOMODITI
- 87 **IKHTIAR 29:** DAYA CIPTA KEWANGAN ISLAM
- 89 **IKHTIAR 30:** PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL
- 90 **IKHTIAR 31:** PEMBANGUNAN TANAH WAKAF
- 91 **IKHTIAR 32:** BANTUAN DAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN
- 94 **IKHTIAR 33:** KEMUDAHAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL
- 95 **IKHTIAR 34:** TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA

| | |
|------------|--|
| 97 | TUMPUAN 3 |
| | MENSEJAHTERA RAKYAT KE TAHAP BAHAGIA |
| 98 | IKHTIAR 35: KOS SARA HIDUP RAKYAT |
| 102 | IKHTIAR 36: PENDAPATAN RAKYAT |
| 104 | IKHTIAR 37: PERLINDUNGAN SOSIAL |
| 107 | IKHTIAR 38: PENDIDIKAN ARUS PERDANA |
| 111 | IKHTIAR 39: PENDIDIKAN TINGGI |
| 114 | IKHTIAR 40: KECERDASAN BUATAN (AI) |
| 116 | IKHTIAR 41: PEMERKASAAN TVET |
| 119 | IKHTIAR 42: PENJAGAAN KESIHATAN |
| 124 | IKHTIAR 43: RUMAH KEDIAMAN RAKYAT |
| 128 | IKHTIAR 44: PRASARANA ASAS DESA |
| 129 | IKHTIAR 45: KETERSAMBUNGAN DIGITAL |
| 129 | IKHTIAR 46: PENGANGKUTAN AWAM |
| 133 | IKHTIAR 47: GOLONGAN WANITA |
| 135 | IKHTIAR 48: ANAK MUDA |
| 136 | IKHTIAR 49: KANAK-KANAK |
| 138 | IKHTIAR 50: WARGA EMAS |
| 139 | IKHTIAR 51: ORANG KURANG UPAYA |
| 141 | IKHTIAR 52: ORANG ASLI |
| 142 | IKHTIAR 53: PELUANG KEDUA |
| 143 | IKHTIAR 54: SYIAR ISLAM |
| 145 | IKHTIAR 55: PEMBANGUNAN SUKAN |
| 147 | IKHTIAR 56: KESUKARELAWANAN |
| 148 | IKHTIAR 57: BAHASA DAN KARYA KREATIF |
| 149 | IKHTIAR 58: KESELAMATAN DALAM NEGERI DAN PERTAHANAN |
| 151 | IKHTIAR 59: URUSAN SEMPADAN NEGARA |
| 153 | IKHTIAR 60: PENJAWAT AWAM |
| 158 | PENUTUP |
| 163 | LAMPIRAN I – RINGKASAN BELANJAWAN 2025 |
| 283 | LAMPIRAN II – LANGKAH CUKAI BELANJAWAN 2025 |



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menyantuni mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Stadium Sultan Abdul Halim, Kedah pada September 2024.





“ Sesungguhnya keamanan dan kestabilan ini perlu diperkukuh bagi memupuk semangat perpaduan kaum, negeri, muhibbah serta kasih sayang. ”

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

Ekonomi Negara 2025

pada harga malar 2015


(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹ Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan


Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2025

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN



PERBELANJAAN MENGURUS

¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman
² Tidak termasuk simpanan luar jangka
 Sumber: Kementerian Kewangan



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa membuat lawatan tapak projek pembangunan Jambatan Baharu Yong di Kapit, Sarawak pada September 2024.

Ucapan Belanjawan 2025

Oleh:

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

Ketika membentangkan
Rang Undang-Undang Perbekalan (2025)

Di Dewan Rakyat
Pada Jumaat, 18 Oktober 2024

Tema:
Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat

MUKADIMAH

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu” dibaca bagi kali kedua sekarang.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Saya mulakan pembentangan Belanjawan kali ini dengan mengungkap kalimah suci firman Allah Subhanahu Wa Ta’ala dalam Surah Al Baqarah, ayat 22:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dia yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu, dan langit sebagai binaan, dan menurunkan air dari langit, lalu dengannya dikeluarkan beraneka buah-buahan sebagai rezeki buatmu. Maka janganlah kamu menjadikan sesuatu sebagai sekutu bagi Allah, sedangkan kamu mengetahui.”

2. Imam al-Baydawi dalam tafsirnya yang tersohor “*Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*” menegaskan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta’ala mengatur alam dengan penuh keteraturan. Sunnatullah alam harus digarap tatkala kitaran hujan dari langit menjadi prasyarat penting yang menyuburkan tanaman dan memberikan banyak manfaat kepada manusia. Semuanya diciptakan Allah SWT agar manusia memerhati, merenung, mempelajari, mengolah dan menguruskannya dengan penuh amanah. Tanpa ketinggian ilmu, hikmah dan usaha terancang, kita tidak akan mampu meraih manfaat daripada bumi bertuah ini.

3. Maka kita harus mentadabbur pedoman agung Qurani yang penuh berhikmah ini. Disulami perintah syukur atas rezeki yang dikurniakan Allah SWT, al-Quran menegaskan betapa pentingnya mewujudkan ekosistem yang mantap dan lestari serta tadbir urus yang cekap bagi menguruskan kekayaan sumber alam secara adil dan saksama.

“The virtue of wealth is not to have it but to use it rightly.”

(Aristotle; Etika Nicomachus, Buku IV)

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sebelum saya membentangkan Belanjawan MADANI Ketiga 2025, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan setingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan padu yang bersejarah yang dicapai semalam dalam perkara Kewarganegaraan yang memberikan beberapa implikasi positif lagi bermakna. Pertama, ia bukti permuafakatan yang kukuh antara Ahli-ahli Yang Berhormat. Kedua, pengiktirafan kepada kaum ibu dan hak kanak-kanak.

5. Seterusnya, dengan rasa penuh tanggungjawab kepada negara dan rakyat, saya berdiri di Dewan yang mulia ini bagi membentangkan Belanjawan MADANI Ketiga 2025 yang tercerna dari usaha gigih para perencana setelah mengambil kira tantangan serta ketidaktentuan global yang semakin mengganas.

6. Belanjawan yang bakal terhampar ini pastinya akan mencakup serta mencerminkan cita murni rakyat yang mendambakan sebuah tatanan yang berketerampilan, mampan dan inklusif.

7. Dalam merangka prakarsa ekonomi, pertimbangan asasi terpasak kepada keperluan mengadakan reformasi untuk menjamin pertumbuhan. Pertimbangan dunia sekarang membicarakan pertumbuhan yang rancak tapi tidak boleh terlepas dari usaha bagi merungkai permasalahan kesenjangan dan kemiskinan yang kian melebar.

8. Justeru, kerangka pokok adalah untuk memacu pertumbuhan yang lebih segar mengambil kira perkembangan dan cabang pembelajaran yang baru serta tuntutan zaman tetapi mesti tidak terlepas dari tonggak utama, yakni untuk menjamin kesejahteraan rakyat melalui pendidikan dan kesihatan. Itulah juga menjadi sebahagian besar kerangka **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat** yang telah kita luncurkan, dan kita bertekad serta beriltizam untuk meneruskan agenda reformasi.

KUNJUNGAN MENEMUI RAKYAT

9. Merangka kebijakan ekonomi termasuk Belanjawan seringkali tertumpu kepada kupasan pakar dan pengurus ekonomi serta dialog dengan pengusaha, industri dan perwakilan, peniaga kecil. Namun, tidak dimungkiri kenyataan bahawa banyak sekali pelajaran yang saya perolehi dari kunjungan ke akar umbi.

10. Kunjungan menemui rakyat di akar umbi mengesankan. Malah, membantu saya memahami masalah rakyat dan dalam merangka Belanjawan pada tahun ini, kita menyaksikan sendiri permasalahan rakyat akibat hakisan dan banjir; pendidikan; kesihatan dan dampak sosial. Permasalahan yang ketara ini, jika ditelusuri, adalah *microcosm* dari permasalahan yang lebih luas. Walhasil, selain dari prakarsa ekonomi makro yang diolah dalam Belanjawan, persoalan kritis adalah bagaimana dasar yang mantap, kerangka yang canggih akan menjamin manfaat langsung pada rakyat.

Lahad Datu, Sabah

11. Saya ke FELDA Lahad Datu, Sabah dua bulan lalu dan memantau daerah yang pernah terancam dengan pencerobohan pegganas di Tanduo. Segar kembali kisah insiden tersebut; pengorbanan perajurit, dukungan dan kesabaran rakyat. Perajurit dari Semenanjung terkorban seperti juga perajurit dari Sabah dan Sarawak yang terkorban di Semenanjung. Masalah tanah adat berbangkit dan berakhir dengan penyelesaian kepada penduduk Tambisan. Saya turut berjanji kita memenuhi keperluan sekolah kebangsaan di sana.

Pasar Siti Khadijah, Kelantan

12. Saya berkunjung ke Pasar Siti Khadijah, Kelantan bagi melihat sendiri keadaan pasar yang daif dengan beberapa masalah asas seperti bumbung, tandas, bekalan elektrik dan air yang terus menghimpit warga dan peniaga selain ancaman dari masalah banjir. Namun, semangat mereka tetap cecal dan kuat. Dan inilah satu-satunya peniaga di pasar yang menyatakan bahawa barangan yang mereka perolehi adalah murah akibat ringgit yang menguat dan bekalan dari Thailand dianggap murah. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak 5.5 juta ringgit bagi menambah baik keadaan pasar ikonik tersebut.

Kapit, Sarawak

13. Lawatan saya ke Kapit, Sarawak baru-baru ini adalah bagi meninjau kemajuan beberapa projek pembangunan termasuk IPD Kapit dan jalan. Kapit merupakan daerah yang terpencil dan miskin. Namun, saya terharu saat disapa seorang ibu dari desa berhampiran yang hadir hanya untuk menghadiahkan kepada saya sehelai *vest* yang dibuat dari manik yang ditenun sendiri. Ketua masyarakat Iban menyerahkan pakaian tradisional yang amat mengesankan buat saya. Ternyata semangat Segulai Sejalai begitu mengakar dan menjalar hingga ke akar umbi. Di akhir acara, saya berkunjung ke Rumah Panjang Robert, Nanga Sebatu untuk ketemu pimpinan, tuai rumah selain masyarakat setempat. Projek jalan termasuk 2 juta ringgit tambahan telah diluluskan bagi kerja-kerja menangani permasalahan hakisan tebing Sungai Rajang yang berdekatan rumah panjang tersebut.

Alor Setar, Kedah

14. Musibah banjir lazimnya turut memusnahkan tanaman. Malah, yang paling terkesan adalah keluarga miskin yang sering kali menetap di kawasan pinggir sungai. 13 juta ringgit telah disediakan bagi memperbaiki infrastruktur dan kemudahan asas yang terjejas, selain bantuan buat warga yang terkesan.

15. Justeru, bagi memaknai Ekonomi MADANI, dasar-dasar yang mengkhususkan kepada maksud tersebut menyusul sebagai ikhtiar mengemudi Malaysia ke landasan tepat dan gagah.

- *Pertumbuhan serta pemerataan ekonomi diatur seperti di bawah:*
 - Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP);
 - Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR);
 - Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS);
 - Pelan Tindakan KL20; dan
 - Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera.

- *Kebijakan fiskal dipandu melalui:*
 - Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal;
 - Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta; dan
 - Penyasaran subsidi.

- *Tatakelola dan integriti diangkat dengan:*
 - Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional;
 - Pindaan Akta Audit 1957; dan
 - Ikhtiar Reformasi Kerenah Birokrasi.

16. Dalam suasana ekonomi dunia yang beragam ini, Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin bagi memastikan ekonomi negara kekal teguh dan berdaya saing, selain punyai *fundamentals* yang kukuh bagi menepis sebarang gejala yang mampu menggoncang sistem ekonomi negara.

17. Di samping itu, apa yang kita usulkan ini adalah untuk menangani isu kelas bagi menjawab permasalahan kemiskinan dan kesenjangan. Dan sekiranya kita berjaya menangani hal ini dengan bijak dan berhemah, maka pastinya kita dapat mencapai kesaksamaan lantas dapat menyatukan keseluruhan kaum di bumi bertuah ini.

18. Pemenang Hadiah Sains Ekonomi untuk tahun 2024 dianugerahkan kepada Daron Acemoglu, Simon Johnson, dan James A. Robinson; tiga sosok yang diiktiraf kerana berupaya mengesahkan dan memperakui apa yang pernah dihujahkan oleh pakar ekonomi Perancis Thomas Piketty pada sedekad lalu mengenai kesenjangan yang kian parah dan ketara.

19. Mereka mengusulkan reformasi, yakni reformasi yang telah saya gerakkan semasa kali pertama menjawat jawatan Menteri Kewangan lebih dua dasawarsa yang lalu, dan saya masih kekal teguh dan konsisten di jalur ini. Sementara yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin akan terus tenggelam dalam lembah kemiskinan. Justeru, penghargaan setingginya kepada ketiga-tiga mereka kerana berjaya memecahkan tembok usang tersebut dan menekankan betapa reformasi mesti disegerakan.

20. Negarawan Rom Kuno Marcus Tullius Cicero menyatakan, “*prosperity demands of us more prudence and moderation than adversity*”. Menyemangati maksud itu, maka untuk kembali meletakkan tatanan ini ke landasan tepat, kita mesti berhemah dalam soal perbelanjaan negara sementara kita memahami bahawa adalah kelaku biasa di mana-mana negara bekas penjajah untuk “*spend big to win big*” tanpa mengambil peduli mengenai dampak jangka masa panjang kepada negara. Walhasil, kemakmuran yang dicapai akhirnya tidak diragukan lagi menjadi tidak mampan dan bersifat sementara seraya hutang terus membengkak untuk dibeban dan ditinggalkan kepada generasi akan datang.

21. Lantaran itu, kita berusaha untuk mengelak pembaziran dan ketirisan dengan gigih dan sama sekali tidak akan membiarkan rakyat menderita akibat dari kekurangan serta kekangan yang ada.

22. Biarpun demikian, Malaysia kini berada di persimpangan. Meski ekonomi dunia berdepan cabaran yang terus mengasak tanpa henti, namun dengan dasar serta kebijakan yang telah digerakkan, Malaysia berjaya menarik beberapa pelaburan besar yang strategik yang akan menjamin kemakmuran yang berpanjangan buat negara.

23. Atas semangat yang sama, Kerajaan, melalui Belanjawan kali ini akan memberi lebih penekanan terhadap usaha pemulihan ekonomi, menguasai aspek inovasi, selain memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama. Dengan tumpuan tersebut, maka, ia secara tidak langsung akan memperkukuh iltizam negara dalam membina serta membangun masa depan yang hijau, digital, dan berdaya tahan sambil terus membela warga yang lemah dan melarat supaya tidak ada yang terpinggir dalam usaha menggapai status negara berpendapatan tinggi.

24. Saat mengambil alih tampuk pemerintahan negara, Kerajaan MADANI menetapkan satu halatuju yang jelas bahawa ketelanjuran lalu tidak harus dipertahankan dan diulangi. Maka, prinsip tatakelola yang baik mesti terus mengakar dan disemarakkan.

25. Kita tidak mahu bahawa pimpinan dan para petinggi politik, pengusaha, penjawat awam, rakyat dilihat terpisah dari kerangka mengangkat martabat rakyat. Ini bukan Belanjawan Kementerian Kewangan semata, tetapi ini adalah Belanjawan rakyat. Justeru, saya ingin merangkul seluruh kekuatan rakyat sepertimana yang pernah saya lontarkan sebelum ini bahawa tidak pernah kita punyai kesempatan terbaik untuk melakar agenda memperkasa ekonomi dan mengangkat martabat rakyat seperti yang kita saksikan sekarang. Negara harus terkenal dengan contoh tatakelola yang baik, pimpinan yang punya nilai, dan yang tidak menggunakan kuasa dan kedudukan untuk menjaga lingkungan. Dengan penuh tawaduk saya membentangkan Belanjawan ini agar dihadham maksud dan manfaatnya buat rakyat dan negara.

PENCAPAIAN DAN TANTANGAN EKONOMI

26. Meskipun ekonomi dunia serba galau dek hiruk-pikuk geopolitik tidak berkesudahan; kedudukan ekonomi negara kalis tantangan dan terus mengukuh.

- Pertumbuhan ekonomi suku kedua 2024 mencapai 5.9 peratus, ketimbang 4.2 peratus suku pertama.
- Pengangguran setakat Ogos 2024 menurun kepada 3.2 peratus, kadar ini terendah sejak Januari 2020.
- Tahap inflasi Ogos 2024 turun 1.9 peratus setelah tiga bulan berturut-turut berada pada paras 2 peratus. Namun, kita tidak berganjak dalam hal meredakan kenaikan kos sara hidup yang membebankan rakyat.
- Kita mencipta sejarah tahun lalu apabila meraih pelaburan diluluskan 329.5 bilion ringgit– tertinggi pernah direkodkan. Bagi separuh pertama 2024, kita berjaya meraih pelaburan diluluskan 160 bilion ringgit, melonjak ketimbang 135.6 bilion ringgit.
- Ringgit diiktiraf salah satu mata wang dengan prestasi terbaik di dunia. Kesungguhan semua pihak berjaya mengukuhkan ringgit 14.4 peratus ketimbang dolar Amerika dalam suku ketiga 2024; pencapaian terbaik sejak tahun 1973.

- Sejarah tercipta tahun ini apabila nilai pasaran ekuiti domestik mencecah angka tertinggi melepasi 2 trilion ringgit selain Indeks Bursa FBM KLCI kembali melepasi 1,600 mata.
- Kita berjaya kekalkan taraf kredit berdaulat oleh Moody's, S&P Global dan Fitch masing-masing pada A3, A- dan BBB+ dengan tinjauan "stabil".
- Firma terkemuka global turut meningkatkan taraf pasaran saham Malaysia iaitu JP Morgan kepada taraf (neutral), HSBC (neutral), Goldman Sachs (neutral) dan Nomura (wajaran tinggi).

27. Prestasi ekonomi mengatasi jangkaan, sama ada dari segi pertumbuhan, pelaburan dan nilai ringgit; menggambarkan keyakinan pelabur dan kejayaan awal daripada langkah pembaharuan Ekonomi MADANI. Dengan itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2024 diunjur lebih kukuh antara 4.8 hingga 5.3 peratus; ketimbang antara 4 ke 5 peratus sebelumnya. Malah, Bank Dunia juga menaikkan unjuran pertumbuhan Malaysia kepada 4.9 peratus, ketimbang 4.3 peratus April lalu.

28. Tahun hadapan, kita yakin ekonomi negara berkembang kukuh antara 4.5 hingga 5.5 peratus, didukung langkah dan strategi Belanjawan MADANI Ketiga 2025.

29. Tidak dimungkiri kenyataan bahawa kejayaan-kejayaan ini selain dari perkembangan serantau dan dasar-dasar fiskal. Namun, kita tidak boleh khayal dengan kejayaan-kejayaan ini seandainya kita menyimpang daripada komitmen atau iltizam kepada agenda reformasi. Budaya selesa, *culture of complacency* mesti dihentikan.

30. Maka, Belanjawan MADANI Ketiga akan menghimbau:

- *perihal menelusuri Ekonomi MADANI;*
- *perihal mengislah lebih tegas;*
- *perihal menghapus kerenah birokrasi;*
- *perihal menaikkan gaji dan pendapatan;*
- *perihal menangani kos sara hidup.*

31. Walhasil, segala ikhtiar yang dibentang hari ini adalah untuk menyusul setiap penanda aras Ekonomi MADANI dengan tiga tumpuan iaitu membugar ekonomi, menjana perubahan dan mensejahtera rakyat.

I. MENJANA PERUBAHAN KE PUNCAK MAKNA

32. Bagi menjamin perubahan, tekad reformasi yang kita anjurkan mesti terpasak kemas dengan keyakinan bahawa ia mesti diperhebat dengan mencakup langkah-langkah pembaharuan fiskal yang lebih segar dan secara lebih agresif, memungkinkan rombakan institusi serta meningkat tahap keupayaan dan ketangkasan serta mutu perkhidmatan kepada rakyat.

IKHTIAR 1: TANGGUNGJAWAB FISKAL DAN PENGURUSAN HUTANG

33. Justeru, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) telah menetapkan penanda aras yang jelas terkait pengurusan hutang dan defisit fiskal.

34. Kerajaan MADANI mewarisi bebanan hutang yang menggunung. Paras hutang tahun lalu adalah pada 1.2 trilion atau lebih 64 peratus KDNK. Jika termasuk liabiliti, paras hutang hampir mencecah 1.5 trilion ringgit atau melebihi 80 peratus KDNK. Bagi setiap seringggit pungutan cukai, 16 sen perlu dibelanja hanya untuk membayar faedah hutang; dan ini tidak termasuk hutang pokok.

35. Hutang akan terus meningkat selagi tidak dikurangkan defisit. Maka, langkah-langkah tegas dan berperingkat telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar defisit secara konsisten iaitu:

- daripada 5.5 peratus (2022);
- kepada 5 peratus (2023);
- seterusnya anggaran 4.3 peratus (2024);
- dan unjuran 3.8 peratus (2025).

36. Atau dengan erti kata lain, jumlah hutang baharu yang kian menurun:

- daripada sekitar 100 bilion ringgit (2022);
- kepada lebih 90 bilion ringgit (2023);
- seterusnya dianggar 85 bilion ringgit (2024);
- dan unjuran 80 bilion ringgit (2025).

37. Dan lebih bermakna lagi apabila dapat dikurangkan kadar defisit dan pinjaman baharu secara berperingkat setiap tahun membolehkan kita mencapai sasaran jangka sederhana FRA iaitu defisit fiskal pada kadar 3 peratus dan paras hutang di bawah 60 peratus KDNK.

IKHTIAR 2: KUTIPAN HASIL

38. Pada tahun ini, kutipan hasil diunjur semula lebih tinggi iaitu kepada 322 bilion ringgit ketimbang 308 bilion. Kerajaan juga menjangkakan, kutipan hasil tahun 2025 terus meningkat kepada 340 bilion ringgit.

39. Kita bersyukur peningkatan hasil yang nyata. Kendatipun begitu, asas hasil masih rendah, malah antara terendah sementara perbelanjaan subsidi memuncak ke paras tertinggi di rantau Asia.

- Untuk menangani kemelut ini, asas hasil perlu diperluas. Cukai yang dipungut masih antara terendah yakni 12.6 peratus kepada KDNK pada 2023 ketimbang negara tetangga seperti Thailand (16.1 peratus), Filipina (14.1 peratus) dan Singapura (13.7 peratus).
- Lebih jelas, kita menanggung subsidi, insentif dan bantuan mencecah 80 bilion ringgit tahun lalu; yang turut dinikmati golongan kaya dan warga asing.

40. Arakian, reformasi fiskal tahun hadapan akan lebih agresif mencakup peluasan hasil cukai secara progresif dan penyasaran subsidi hanya kepada majoriti rakyat yang memerlukan.

IKHTIAR 3: PELUASAN HASIL CUKAI

❖ *Penambahbaikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan*

41. Bagi maksud menambah hasil dan meluaskan asas percukaian, maka Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) akan dilaksanakan lebih progresif dan tidak membebankan rakyat awam.

42. Cukai Jualan tidak akan dikenakan ke atas barangan makanan asas yang digunakan oleh rakyat. Cukai Jualan akan dikenakan ke atas barangan bukan keperluan asas seperti barang premium yang diimport seperti ikan salmon dan avokado.

43. Skop Cukai Perkhidmatan akan diperluas meliputi perkhidmatan komersial antaranya perniagaan seperti perkhidmatan kewangan berasaskan fi.

44. Bagi memastikan kelangsungan perniagaan, Kerajaan akan melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan serta industri berkaitan sebelum memuktamadkan skop peluasan dan kadar cukai yang dikenakan. Peluasan skop dan semakan kadar SST secara progresif akan dilaksanakan berkuat kuasa 1 Mei 2025. Sebahagian hasil akan dimanfaatkan untuk menambah baik bantuan tunai kepada rakyat terbanyak selain meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

❖ *Cukai Dividen*

45. Kerajaan bercadang meluaskan asas cukai secara progresif dengan memperkenalkan cukai dividen pada kadar 2 peratus ke atas pendapatan dividen melebihi 100 ribu ringgit yang diterima oleh pemegang saham individu bermula tahun taksiran 2025. Ikhtiar ini dilaksanakan supaya cukai pendapatan yang dikutip tidak hanya bergantung kepada sumbangan penerima gaji, tetapi turut merangkumi sumbangan pemilik syarikat serta individu dengan milikan harta saham jutaan ringgit.

46. Pertimbangan akan diberikan bagi mengecualikan pendapatan dividen daripada simpanan Kerajaan seperti KWSP, amanah saham di bawah PNB dan pendapatan dividen dari luar negara.

IKHTIAR 4: PENYASARAN SUBSIDI

47. Subsidi dari segi prinsip sepertimana juga sedekah tidak sewajarnya diambil manfaat oleh golongan maha kaya. Selama ini, kita membelanjakan subsidi secara pukal untuk bahan api, elektrik, air, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan hatta barangan asas seperti ayam. Pasti pendekatan sedemikian tidak munasabah tatkala negara terhimpit dengan bebanan hutang dan asas hasil yang rendah.

48. Seperti yang diungkapkan dengan bijaksana oleh Confucius dalam *The Analects*:

过而不改，是谓过矣 (Guò ér bù gǎi, shì wèiguò yǐ)

Jika berlaku kesilapan, dan kita tidak memperbetulkannya,
maka itulah kesilapan yang sebenar.

“If you make a mistake and do not correct it, this is a true mistake.”

49. Kesilapan fatal inilah—menurut Confucius—yang telah menjerumuskan kita ke perangkap putaran ganas ‘一错再错’ (*yī cuò zài cuò*) iaitu mengulangi kegagalan yang sama berulang kali!

50. Justeru, Kerajaan perlu akur untuk mengambil pendekatan berani menyasarkan subsidi supaya tidak lagi dibelanja secara pukal. Langkah ini telah membawa penjimatan bermakna yang boleh dibelanjakan untuk kepentingan lain. Umpamanya:

- Penyasaran subsidi elektrik tahun 2023 telah menjana penjimatan 4 bilion ringgit. Penyasaran ini hanya melibatkan pengguna elektrik melebihi 600 kilowatt-jam yang perlu membayar penuh tanpa subsidi sementara 85 peratus rakyat kekal menikmati subsidi elektrik.
- Pelarasan tarif air juga telah dilaksanakan tahun ini sesuai dengan kehendak hampir semua negeri termasuk negeri-negeri pembangkang.

- Harga ayam telah kita apungkan sepenuhnya. Sekarang, Kerajaan tidak lagi perlu membelanjakan 1.2 bilion ringgit setahun untuk subsidi ayam.
- Subsidi diesel telah disasarkan membawa penjimatan lebih 4 bilion setahun. Bahkan rakyat di bawah meraih manfaat menerusi bantuan tunai BUDI MADANI 200 ringgit sebulan, selain sektor logistik terpilih, nelayan dan pengangkutan awam kekal menikmati diesel bersubsidi.

Penyasaran subsidi diesel terbukti berjaya mengekang ketirisan akibat penyeludupan dan penggunaan oleh sektor perniagaan tidak layak. Sejak dilaksanakan, jualan diesel bersubsidi menurun 30 peratus dengan penjimatan lebih 600 juta ringgit sebulan meskipun subsidi masih disediakan untuk pengangkutan awam, nelayan dan sektor logistik. Dan sejak dilaksanakan, harga pam telah dikurangkan 40 sen seliter kepada 2 ringgit 95 sen.

51. Maka, tidak harus timbul sebarang kemusykilan dalam pendekatan ini kerana Kerajaan akan pertahankan kepentingan rakyat terbanyak. Setiap penyasaran subsidi adalah untuk membetulkan ketempangan amalan subsidi pukal yang memberi manfaat kepada kelompok elit maha kaya dan warga asing.

❖ *Penyasaran Subsidi Petrol RON95*

52. Kenyataan yang tidak dapat disangkal adalah bahawasanya, warga asing dan 15 peratus teratas pengguna mahakaya menikmati 40 peratus subsidi petrol RON95 bernilai 8 bilion ringgit. Seyogianya diperingatkan bahawa dana 8 bilion ringgit ini lebih baik dimanfaatkan bagi peningkatan kemudahan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam.

53. Sehingga kini, harga RON95 Malaysia ialah 2 ringgit 5 sen ketimbang negara tetangga seperti Thailand (5 ringgit 85 sen), Indonesia (3 ringgit 38 sen), Singapura (9 ringgit 2 sen) dan Arab Saudi (2 ringgit 66 sen). Harga yang rendah menyebabkan Kerajaan menanggung jumlah subsidi RON95 tahun 2023 mencecah 20 bilion ringgit.

54. Namun, Kerajaan komited untuk mengekalkan subsidi untuk majoriti rakyat, seperti yang dilaksanakan dalam penyasaran subsidi elektrik, apabila 85 peratus rakyat tidak terkesan. Bagi mengelakkan kekeliruan, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa tanggungan subsidi masih diteruskan untuk 85 peratus rakyat. Maknanya, Kerajaan akan terus menanggung subsidi yang dianggar berjumlah 12 bilion ringgit untuk keperluan 85 peratus rakyat.

55. Kerajaan bercadang untuk melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun 2025. Penjimatan yang dicapai daripada ini akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat terbanyak.

❖ *Penyasaran Subsidi Pendidikan & Kesihatan*

56. Matlamat asal penubuhan sekolah berasrama penuh (SBP) adalah untuk membantu murid cemerlang dan dari keluarga susah serta pedalaman mendapatkan pendidikan terbaik. Subsidi bagi seorang murid SBP mencecah 15 ribu ringgit setahun. Namun, berdasarkan angka terkini, didapati 30 peratus murid dari keluarga berpendapatan tinggi.

57. Begitu juga di peringkat pendidikan tinggi, umpamanya purata yuran pengajian setahun yang dibayar oleh penuntut sarjana muda farmasi ialah 3,000 ringgit ketimbang kos keseluruhan pengajian berjumlah 30 ribu ringgit. Subsidi ini diberikan tanpa mengambil kira pendapatan keluarga.

58. Seandainya subsidi pendidikan dikurangkan secara berperingkat bagi kumpulan pendapatan 15 peratus teratas, kutipan yang diraih boleh dimanfaatkan untuk menambah baik prasarana SBP dan IPTA tersebut untuk manfaat semua pelajar.

59. Penyasaran subsidi seumpama ini akan turut melibatkan kesihatan awam. Golongan berpendapatan tinggi wajar menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan lebih baik di hospital Kerajaan. Penjimatan diraih dapat dimanfaatkan untuk membiayai peranti perubatan untuk pesakit miskin dan menaik taraf peralatan hospital dan klinik awam.

❖ *Penguatkuasaan*

60. Sejak 2022 hingga September 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan dengan hasil rampasan mencecah hampir 2 bilion ringgit. KPDN dan JKDM disediakan 60 juta ringgit untuk terus membanteras ketirisan wang rakyat.

61. Setakat September 2024, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berjaya memecahkan tembok penguasaan kartel dan penipuan bida melibatkan jumlah penalti dikenakan hampir 600 juta ringgit melibatkan lebih 350 syarikat. Tahun hadapan, MyCC disediakan 27 juta ringgit untuk terus memecahkan tembok penguasaan kartel.

IKHTIAR 5: ANGGARAN PERBELANJAAN 2025

62. Kerajaan terus mengekalkan Belanjawan mengembang meskipun bertekad mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat. Anggaran Belanjawan 2025 adalah yang tertinggi pernah diumumkan iaitu 421 bilion ringgit meliputi 335 bilion ringgit belanja mengurus, 86 bilion ringgit belanja pembangunan, tidak termasuk 2 bilion ringgit simpanan luar jangka.

63. Selain peruntukan pembangunan oleh Kerajaan, projek secara usaha sama awam-swasta (PFI) bernilai 9 bilion ringgit turut dilaksanakan serta pelaburan langsung domestik oleh syarikat GLIC bernilai 25 bilion ringgit. Ini menjadikan pelaburan awam untuk pembangunan tahun 2025 yang berjumlah 120 bilion ringgit.

IKHTIAR 6: PEMBANGUNAN TERANGKUM

64. Sekarang bukan masanya melaksanakan projek mega. Pembangunan negara akan menumpukan kepada projek-projek berkepentingan rakyat serta kemudahan yang menyokong kawasan perindustrian mengikut keutamaan negeri. Umpamanya:

- Perak:**
- 1)** Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) sebagai hab hijau berteknologi tinggi pertama di Asia Tenggara yang diterajui oleh SD Guthrie dan PNB.
 - 2)** Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan utara Perak dan Pulau Pinang.

- 3) Lembah Teknologi Tinggi Automatif (AHTV) di Tanjong Malim sebagai hab automotif negara dipacu oleh Proton dan Geely.
- 4) Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC) sebagai hab industri maritim serantau.

Pahang:

- 1) Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi melibatkan sungai-sungai di Pahang.
- 2) Pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands dengan menaik taraf Jalan Dari Bulatan McDonalds ke Persimpangan Brinchang.

Johor:

- 1) Projek pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat kepada enam lorong Fasa 3 dari Simpang Renggam ke Machap.
- 2) Projek RTS Johor-Singapura yang dijangka beroperasi pada 2027.
- 3) Projek Pembinaan Baraj dan Takungan Air Pinggiran Sungai di Sungai Sedili Besar, Kota Tinggi.

Kelantan:

- 1) Projek pembinaan Loji Rawatan Air Machang.
- 2) Projek Pemanjangan Landasan Kapal Terbang di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

- Melaka:**
- 1) Pembinaan Pusingan U Bertingkat dan Direct U-Turn dari Persimpangan Pulau Gadong hingga Persimpangan Taman Cheng Perdana, Melaka Tengah.
 - 2) Pembinaan Pasar Besar Melaka Sentral.
- Perlis:**
- 1) Projek pembinaan jalan menghubungkan Jalan Pesisir Pantai ke Kuala Sanglang serta naik taraf Jalan Persiaran Wawasan, Kangar daripada dua kepada empat lorong.
 - 2) Projek naik taraf Pos Kawalan dan pembinaan blok baharu di Kompleks ICQS Wang Kelian.
- Selangor:**
- 1) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat 2.
 - 2) Pembesaran Pelabuhan Klang ke arah aspirasi sebagai 10 pelabuhan terbaik dunia. Kerajaan turut akan melebarkan jalan di Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara Klang.
- Kedah:**
- 1) Pembesaran Kulim Hi-Tech Park yang akan menempatkan syarikat semikonduktor seperti Infineon.
 - 2) Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Kulim.

- Kuala Lumpur:**
- 1) Membangun Rantau Warisan dengan membaik pulih Bangunan Sultan Abdul Samad, Bangunan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Carcosa Seri Negara oleh Khazanah.
 - 2) Projek Lebuhraya Laluan Istana – Kiara (LIKE) daripada Jalan Duta ke Jalan Istana.
- Negeri Sembilan:**
- 1) Projek Naik Taraf Jalan Bahau-Keratong, Jempol.
 - 2) Projek Naik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuala Sawah.
- Pulau Pinang:**
- 1) Projek LRT Pulau Pinang.
 - 2) Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.
 - 3) Projek Batu Kawan Industrial Park 3.
- Terengganu:**
- 1) Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus.
 - 2) Loji Janakuasa Solar Hibrid Cypark, Merchang.
 - 3) Projek Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid Kenyir dan hab hidrogen hijau.

65. Kerajaan MADANI menunaikan kesepakatan pemimpin terdahulu terkait Perjanjian Malaysia 1963. Maka tidak harus dipertikai sebab Sabah Sarawak diberi perhatian khusus. Jurang pembangunan antara negeri perlu dirapatkan khususnya melibatkan prasarana asas seperti jalan raya, elektrik dan air bersih. Oleh itu:

- Peruntukan pembangunan Sabah dan Sarawak terus diberi keutamaan dan adalah yang tertinggi antara negeri iaitu masing-masing 6.7 bilion ringgit dan 5.9 bilion ringgit.
- Pemberian Khas Sarawak tidak pernah dikaji sejak 1969. Di bawah MADANI, tahun ini kita menaikkan kadar kepada 300 juta ringgit ketimbang 16 juta (Sarawak) dan 125.6 juta (Sabah). Mulai 2025, Kerajaan bercadang menaikkan kadar Pemberian Khas Sarawak dan Sabah sekali ganda lagi kepada 600 juta ringgit.
- Sebanyak 17 pakej kerja Pan Borneo Sabah Fasa 1B telah dikeluarkan SST dengan nilai kontrak 9.7 bilion ringgit. Ini meliputi jajaran Kota Belud ke Kudat; Tawau ke Kampung Lot M dan Telupid ke Ranau. Sementara, Pan Borneo Sarawak dijangka siap November 2024. Secara keseluruhan, Projek Pan Borneo Sarawak dan Sabah telah menelan belanja sebanyak 25.1 bilion ringgit.
- Kerajaan telah memuktamad empat pakej kerja Sabah Sarawak Link-Road (SSLR) Fasa 2 bernilai 7.4 bilion ringgit. Dua pakej sudah dianugerahkan, manakala baki pakej sebelum hujung tahun.

- Kerajaan juga bersetuju melaksanakan Projek Pembesaran Lapangan Terbang Tawau, Sabah dan Lapangan Terbang Miri, Sarawak dengan kos 253 juta ringgit.
- Kerajaan Persekutuan dan Sarawak bekerjasama membangunkan Pusat Kanser Sarawak yang dianggarkan 1 bilion ringgit. Saya memuji kesediaan Sarawak yang mendahulukan pembiayaan bagi pembinaan projek.

IKHTIAR 7: KERJASAMA AWAM-SWASTA

66. Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta atau PIKAS menggariskan hala tuju ampuh dalam memperkukuh hubungan strategik badan awam dan swasta. Tumpuan utama untuk meningkatkan pelaburan swasta sebanyak 78 bilion ringgit dan menjana 900 ribu peluang pekerjaan menjelang 2030.

67. Projek pembangunan akan dilaksanakan dengan mengambil kira elemen 'pengguna bayar' bagi meredakan bebanan fiskal Kerajaan. Projek berkepentingan rakyat yang mengguna pakai pendekatan PPP termasuklah:

- Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor;
- Lebuhraya Bertingkat Juru dan Sungai Dua, Pulau Pinang;
- Lebuhraya WISE dari Gopeng ke Kuala Kangsar, Perak;
- Projek Tanaman Padi Lima Musim Dua Tahun di kawasan MADA Kedah dan Perlis; dan
- Manakala, Lebuhraya WCE bagi jajaran Banting ke Gelang Patah diberi keutamaan dalam perancangan.

IKHTIAR 8: PERANGI RASUAH

68. Sejak mengemudi negara, semua tahu ketegasan saya dalam soal memerangi rasuah kerana rasuah ialah barah senyap yang menjatuhkan moral rakyat dan keyakinan pelabur. Tidak guna ditetapkan hala tuju ekonomi dan pelbagai dasar sekiranya pelaksanaan masih ditakuk lama – salah guna kuasa, seleweng dana dan mengkayakan kelompok sendiri. Masa depan negara bergantung kepada kejayaan kita membanteras rasuah.

69. Kerajaan memberi kebebasan sepenuhnya untuk SPRM menyiasat dan mengambil tindakan tegas bagi mengheret pesalah rasuah ke muka pengadilan. Angka menunjukkan peningkatan lebih 20 peratus penangkapan dan pembukaan kertas siasatan untuk tahun 2023 ketimbang sebelumnya.

70. Bagi tahun hadapan, peruntukan SPRM ditingkatkan kepada 360 juta ringgit ketimbang 338 juta ringgit.

71. Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) telah digubal bagi menghapus segala bentuk rasuah melalui strategi ampuh dan terperinci. Antara ikhtiar lain yang menyusul termasuklah RUU Kebebasan Maklumat dan RUU Perolehan Kerajaan bertujuan memperkasa tatakelola dan kecekapan perkhidmatan awam.

72. *“Follow The Public Money Audit”*. Akta Audit telah dipinda untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa menyemak dan mengaudit pengurusan dana awam termasuk syarikat yang menerima jaminan Kerajaan. Sejumlah 200 juta ringgit disediakan kepada Jabatan Audit Negara, meningkat ketimbang 173 juta ringgit. Ini sesuai dengan peranan lebih besar bagi memulakan pengauditan terhadap hampir 2,000 syarikat dan entiti yang menerima peruntukan dan jaminan Kerajaan.

IKHTIAR 9: INSTITUSI PARLIMEN

73. Pimpinan MADANI terus memelihara kebebasan Institusi Parlimen. Belanjawan 2025 meningkatkan peruntukan Parlimen kepada 180 juta ringgit ketimbang 166 juta ringgit. Sebahagian peruntukan adalah untuk memperkasa peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai wadah semak danimbang.

74. Sejumlah 20 juta ringgit disediakan untuk menyokong *All-Party Parliamentary Group Malaysia Sustainable Development Goals* yang merentasi kawasan parlimen dan parti politik.

IKHTIAR 10: REFORMASI PERUNDANGAN

75. Peruntukan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang juga dinaikkan kepada 209 juta ringgit ketimbang 194 juta ringgit, sesuai dengan komitmen reformasi perundangan dan institusi.

76. Lebih 3,000 undang-undang lapuk perlu dikaji semula. Kerajaan akan membentuk Pasukan Reformasi Perundangan bagi menerajui pengemaskinian khususnya undang-undang komersial seperti Akta Kontrak 1950 supaya seiring dengan peredaran zaman.

77. Kerajaan akan membentangkan RUU Kredit Pengguna pada Mesyuarat akan datang. Sebuah Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna akan ditubuhkan bagi mengawal selia penyedia kredit bukan bank dan penyedia perkhidmatan kredit seperti syarikat pemfaktoran, pemajakan bukan bank dan “Beli Sekarang Bayar Kemudian”.

78. Peranan institusi kehakiman sebagai badan bebas terus diperkasa. Lebih 60 juta ringgit disediakan bagi menaik taraf prasarana kehakiman termasuk pembangunan sistem e-Kehakiman yang menyokong agenda digital.

IKHTIAR 11: REFORMASI INSTITUSI KERAJAAN

79. Entiti Kerajaan dengan peranan hampir sama telah dipusatkan bagi memastikan mandat penubuhan ditunaikan dengan lebih efektif. Ini termasuk penggabungan:

- Perbadanan InvestKL dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- Razak School of Government (RSOG) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).
- Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Dengan penggabungan ini, keberkesanan operasi dapat dipertingkatkan supaya mampu beroperasi tanpa pembiayaan Kerajaan. CAAM dipertimbangkan sebagai badan berkanun diasingkan saraan.

80. Terkait tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP):

- Garis Panduan Pengurusan dan Tatakelola BBP telah disediakan supaya badan berkanun mencapai tujuan penubuhan dan tidak tersasar daripada tujuan asal.

- Pejabat Penyelaras Rasionalisasi BBP ditubuhkan bagi menelusuri semula hala tuju BBP, keupayaan kewangan serta pertindihan peranan. Sekitar 544 entiti di bawah ekosistem BBP terlibat dan turut diperluas merangkumi Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG).

IKHTIAR 12: ILTIZAM KECEKAPAN PENTADBIRAN

81. Kerajaan MADANI bertekad melaksanakan reformasi perkhidmatan awam yang menjunjung prinsip tatakelola yang baik bagi memacu produktiviti. Rang Undang-Undang Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam akan digubal meliputi tiga anjakan besar: mengurangkan birokrasi, mempercepat proses dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

82. Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam menumpukan lima keberhasilan meliputi Nilai dan Tatakelola, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Organisasi, Penyampaian Perkhidmatan dan Sinergi Strategik Awam dan Swasta.

❖ *Pasukan STAR*

83. Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang diterajui Ketua Setiausaha Negara bertanggungjawab menyelaras isu-isu berkepentingan rakyat seperti sekolah dan klinik daif, kesesakan di hospital dan kaunter imigresen serta kelancaran urusan perniagaan.

84. Antara pencapaian besar Pasukan STAR termasuklah memendekkan proses kelulusan di bawah Ikhtiar Reformasi Kerenah Birokrasi. Umpamanya:

- Ikhtiar *Kulai Fast Lane* telah memendekkan tempoh kelulusan sijil perakuan siap kerja (CCC) kepada 14 hari ketimbang 30 hari dan kelulusan lesen operasi kepada 1 hari ketimbang 30 hari.
- Permit Pembinaan Ekspres di Kulim pula membolehkan kilang dapat beroperasi dalam tempoh 10 bulan ketimbang 24 bulan sebelum ini.

85. Tahun hadapan, 25 juta ringgit disediakan kepada STAR antaranya untuk bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi memperluas Ikhtiar Reformasi Kerenah Birokrasi di semua agensi Kerajaan. Ini termasuk mengkaji peraturan yang boleh memendekkan proses kelulusan untuk kemudahan rakyat, peniaga dan pelabur.

❖ *Mempercepat Urusan Kerajaan*

86. Kita mengakui dengan sistem baharu dan pengiktirafan yang Kerajaan berikan, ada perubahan positif melibatkan perkhidmatan Kerajaan hasil sebahagian besar penjawat awam yang dedikasi dalam menjalankan tugas.

87. Adapun, masih terdapat keperluan menambah baik beberapa hal yang dilihat merumitkan rakyat yang mahu berurusan dengan Kerajaan. Ada sesetengah kes terpaksa mengambil cuti untuk menyelesaikan permohonan. Adakala juga perlu beratur panjang untuk nombor giliran dan sekiranya habis, terpaksa datang pada hari lain. Ini belum lagi rakyat dibebankan dengan mengisi pelbagai borang untuk maklumat yang sama.

88. Kerajaan MADANI bertekad menoktahkan permasalahan ini. Iltizam kita supaya tiada lagi keperluan beratur panjang di pejabat Kerajaan, proses permohonan diselesaikan secara dalam talian dan tujuan rakyat ke pejabat Kerajaan hanya untuk mengambil dokumen yang dilulus atau diperbaharui sahaja dengan tarikh temu janji telah ditetapkan dalam talian.

89. Walaupun Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk membantu rakyat, adakalanya ia merumitkan rakyat untuk memohon kerana melibatkan pelbagai kementerian dan agensi dengan kriteria yang berbeza. Kerajaan bersetuju membentuk saluran berpusat di UTC bagi membantu rakyat susah untuk memohon bantuan merentasi pelbagai agensi.

90. Urusan Kerajaan melibatkan perniagaan juga perlu dinilai semula. Ini juga satu hal yang merumitkan. Mengapa perlu dibebankan syarikat dengan terpaksa mendaftar secara berasingan dengan KWSP, PERKESO dan HRD Corp sedangkan maklumat pekerja adalah sama? Sebaiknya, pendaftaran syarikat dapat disekalikan. Kerajaan bertegas untuk menelusuri hal ini.

91. Perkhidmatan kaunter-kaunter Kerajaan terus ditambah baik:

- Jabatan Pengangkutan Jalan telah mula menambah 1 jam waktu operasi di kaunter.
- Sebuah UTC akan dibangunkan di Seberang Perai, Pulau Pinang. Semua UTC juga akan dibekalkan dengan Sistem Penggiliran (QMS) supaya rakyat mendapat nombor giliran secara dalam talian sebelum berurusan.
- Ikhtiar Kiosk Sentuhan MADANI akan dilaksanakan dengan menghimpun pelbagai kiosk perkhidmatan Kerajaan di kawasan tumpuan ramai seperti di pusat beli-belah supaya rakyat boleh berurusan dengan Kerajaan di luar waktu pejabat.
- Sistem iPayment yang dibangunkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebagai platform bayaran tanpa tunai akan digunakan di semua kaunter Kerajaan bermula tahun 2025.

❖ *Perkhidmatan Bergerak*

92. Perkhidmatan Bergerak terus diperbanyak dengan peruntukan 100 juta ringgit. Ini bagi memenuhi keperluan masyarakat desa dan pedalaman yang terpaksa menempuh perjalanan panjang untuk keluar.

- Perkhidmatan Komuniti Bergerak Sabah Sarawak diperluas ke Kampung Pangaraan, Sabah dan Pulau Bruit, Sarawak.
- Klinik bergerak oleh hospital pengajar universiti diteruskan seperti rawatan saringan mamogram oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- Klinik Gigi Bergerak ditambah 9 lagi menjadikan 54 buah di seluruh negara.
- Bank BSN Bergerak ditambah 4 lagi menjadikan 16 buah terutamanya untuk Sabah dan Sarawak bagi memudahkan penyaluran bantuan Kerajaan.
- Perkhidmatan JPN dan mahkamah bergerak juga ditambah baik.

IKHTIAR 13: SEJATI MADANI

93. Sejati MADANI sepertimana diumumkan bahawa setiap pedesaan, miskin bandar, di kampung, pedalaman dan rumah panjang diberi peruntukan antara 50 ribu hingga 100 ribu ringgit. Pendekatan ini merupakan suatu anjakan bagi memperkasa rakyat akar umbi untuk memutuskan sendiri aktiviti ekonomi pilihan mereka. Kerajaan hanya bertindak memantau dan memberi galakan, seraya kekuatan adalah daripada akar umbi.

94. Setakat ini, ikhtiar Sejati MADANI berjaya membenih lebih 6,400 kegiatan ekonomi pedesaan. Umpamanya:

- Kampung Tebuk Haji Dollah, Selinsing, Perak menggunakan tiga dron untuk membaja dan meracun 600 ekar sawah. Ini telah menjimatkan masa petani kepada 20 minit, ketimbang 90 minit sebelum ini.
- Kampung Kuala Bibang, Semporna telah membangunkan teknologi pengeringan hasil laut yang memendekkan masa memproses hasil laut kepada 3 jam ketimbang 3 hari secara tradisional. Ini meningkatkan hasil penduduk kepada 25 ribu ringgit sebulan.

- Kampung Sayong Pinang, Kota Tinggi, Johor dari suku kaum Jakun telah melaksanakan program sewaan bot untuk aktiviti memancing, berkanu dan ATV di perkampungan mereka. Ini telah menambah pendapatan Orang Asli Sayong Pinang mencecah 15 ribu ringgit sebulan.
- Projek ikan keli sangkar berjaya menambah pendapatan komuniti Mukim Dusun, Kota Bharu, Kelantan.

95. Tahun hadapan, ikhtiar Sejati MADANI bakal diperhebat dengan jalinan kerjasama yang lebih meluas. Lebih banyak pengurusan tertinggi jabatan akan dilibatkan untuk mengetuai ikhtiar Kampung Angkat MADANI. Universiti dan institusi TVET juga dilibatkan bagi memberi khidmat di peringkat komuniti. Syarikat-syarikat mega diseru untuk terlibat sama dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat yang susah dan memerlukan. Peruntukan keseluruhan 1 bilion ringgit disediakan untuk Ikhtiar Sejati MADANI meliputi:

Pertama: 600 juta ringgit untuk merancakkan ekonomi pedesaan di kampung-kampung, bandar-bandar, pedalaman dan perkampungan Orang Asli; manakala jawatankuasa kampung yang akan memutuskan aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada komuniti masing-masing.

- Kedua: 200 juta ringgit bagi memperluas Kampung Angkat MADANI di 200 kampung seluruh negara yang diterajui pengurusan kementerian dan jabatan.
- Ketiga: 100 juta untuk universiti awam turut melaksana Kampung Angkat MADANI serta institusi TVET memberi khidmat TVET seperti baik pulih rumah dan pendawaian elektrik kepada komuniti.
- Keempat: 100 juta ringgit untuk memperkasa komuniti PPR seluruh negara melalui pelbagai program sosioekonomi.
- Kelima: Saya amat menerima baik tawaran syarikat sawit utama seperti KLK, IOI, SD Guthrie, TH Plantations dan United Plantations yang sudi untuk mengambil pekebun kecil sawit angkat yang berjiran dengan ladang mereka. Syarikat ini sedia menyediakan bantuan meliputi bekalan benih terkini dan baja terbaik serta pematuhan piawaian mampan.

96. Selanjutnya, proses perolehan bagi projek-projek berkepentingan rakyat akan dimudahcara:

- Had nilai bagi kerja gotong-royong ditingkatkan kepada 200 ribu ringgit ketimbang 100 ribu ringgit;
- Had nilai sebut harga bagi kerja penyelenggaraan dan penggantian lif melibatkan perumahan rakyat dan kuarters dinaikkan sehingga 1.2 juta ringgit;
- Had nilai untuk lantikan terus dan sebut harga bagi semua kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil turut dinaikkan masing-masing kepada 200 ribu ringgit dan 1 juta ringgit sebagai tambahan kepada projek sekolah, klinik daif dan fasiliti kesihatan sedia ada.

IKHTIAR 14: PENGGUNAAN SUMBER YANG OPTIMUM

97. Acap kali berlaku keterlanjuran sama ada melibatkan jabatan, agensi dan syarikat Kerajaan yang agak menonjol. Kita harus peringatkan bahawa dana yang dibelanjakan itu ialah dana rakyat, dan kita hanya pemegang amanah. Atas alasan itu, Kerajaan seharusnya membatalkan perjalanan rombongan 68 pegawai ke satu pameran di Berlin, Jerman baru-baru ini. Soal ini walau nilainya mungkin dianggap kecil, tetapi ia bermakna sekiranya digunakan untuk kepentingan rakyat. Mungkin ada juga yang meremehkan tetapi hal ini yang sering saya peringatkan di peringkat Jemaah Menteri. Arahan ini dipanjangkan dan perlu diberi perhatian serius oleh semua entiti Kerajaan meliputi kementerian, jabatan, agensi, syarikat dan badan berkanun.

98. Saya juga mengarahkan untuk mengoptimum sumber termasuk menilai keperluan perjawatan di pejabat perwakilan dan agensi luar negara. JPA dan Wisma Putra telah mengenal pasti 64 daripada 126 pejabat luar negara tidak beroperasi di bawah satu bumbung. Lantaran itu, Kerajaan telah memutuskan agar operasi mereka dipindahkan ke Pejabat Canseri atau digabungkan dengan pejabat berdekatan bagi menjimatkan kos lantas mengoptimumkan sumber.

99. Kerajaan akan meneliti semua ruang dan bangunan yang kosong milik agensi Kerajaan, GLIC dan GLC agar sumber yang tidak digunakan ini akan dimanfaatkan untuk tujuan prasekolah, taska dan pusat latihan kemahiran. Pasukan STAR akan menelusuri usaha ini.

100. Dalam transformasi digital, paksinya ialah MyDigital ID. Sepertimana kad pengenalan diri, MyDigital ID ialah Aplikasi Tunggal Kerajaan yang memusatkan semua agensi meliputi antaranya PADU, JPJ dan LHDN. Kerajaan terus berusaha meningkatkan kefungsian dan pengalaman pengguna MyDigital ID.

101. Antara kebijakan lain dalam memanfaatkan sumber Kerajaan termasuklah menyalurkan sebahagian hasil yang diraih daripada penjualan nombor plat khas untuk membantu rakyat susah. Antaranya termasuklah:

- Menampung bayaran mendapatkan lesen motosikal oleh 15 ribu anak muda kurang mampu seperti murid sekolah menengah, mahasiswa dan belia yang mencari kerja.

- Memberi bantuan pembelian tiket penerbangan bagi 60 ribu mahasiswa kurang mampu khususnya dari Sabah dan Sarawak untuk pulang ke kampung halaman.
- Mengedarkan 67 ribu keluarga susah dengan topi keledar secara percuma untuk keselamatan anak-anak.

IKHTIAR 15: KESELAMATAN SIBER

102. Negara-negara yang mencanang kebebasan keterlaluan kini telah mengambil beberapa tindakan untuk mengekang keterlanjuran, termasuk yang menyebabkan kematian melalui aplikasi media sosial. Ancaman siber kini semakin menggugat tata hidup bermasyarakat dan menjadi lebih membimbangkan. Isu *scam*, pornografi kanak-kanak, pembulian siber di media sosial sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa ialah isu besar yang mesti dibendung.

103. Transaksi mencurigakan lebih 380 juta ringgit berjaya disekat dalam membendung kes *scam* di Malaysia. Kendatipun demikian, isu *scam* masih dilihat parah dengan kes yang kian meningkat.

- Peranan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan terus diperhebat dengan peruntukan 20 juta ringgit.
- Sebuah Portal Fraud Kebangsaan telah diluncurkan sebagai ikhtiar memerangi penipuan dalam talian. Portal ini mempermudah pengesanan transaksi mencurigakan secara automatik.

- Akta 574 Kanun Keseksaan dan Akta 593 Kanun Prosedur Jenayah telah dipinda bagi membolehkan tindakan lebih berkesan diambil oleh badan penguat kuasa untuk mengekang sindiket akaun keldai, pada tahun ini.

104. Bagi mengekang buli siber yang kian merunsingkan, Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian akan digubal. Ini bagi memastikan penyedia perkhidmatan turut bertanggungjawab dalam meningkatkan tahap keselamatan khususnya melibatkan kanak-kanak.

105. Sesuai dengan komitmen membenteng keselamatan siber negara dan pengubalan Akta Keselamatan Siber 2024, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) akan diberi tambahan perjawatan seramai 100 orang dengan tambahan peruntukan 10 juta ringgit.

IKHTIAR 16: MUSIBAH DAN BENCANA

106. Kita menghadapi musibah banjir kilat yang melanda ibu kota dan beberapa bandar lain. Sebagai langkah segera, saya telah arahkan untuk penyaluran segera 150 juta ringgit kepada PBT dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mulakan kerja pembersihan longkang dan pengorekan sungai di kota-kota yang terkesan.

107. Pada masa yang sama pengurusan bencana negara terus ditambah baik di samping menyegerakan pelaksanaan projek tebatan banjir melibatkan kerjasama semua kontraktor.

- Peruntukan hampir 600 juta ringgit disediakan untuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai persiapan mendepani musibah banjir. Ini termasuk lebih 300 juta ringgit yang telah disediakan untuk persiapan sekiranya berlaku bencana pada bila-bila masa.
- 20 juta ringgit geran padanan disediakan segera kepada Yayasan GLIC dan GLC untuk memperhebat respons dan penyaluran bantuan kepada mangsa di kawasan terjejas banjir.
- PBT serta warga bandar perlu bersama-sama memastikan longkang dan parit tersumbat yang mengakibatkan banjir kilat dapat ditangani segera.
 - Sejumlah 50 juta ringgit disediakan bagi kerja-kerja pembersihan dan naik taraf longkang dan parit.
 - Bagi memastikan pelaksanaan segera, JPS dan PBT dibenar untuk melaksanakan perolehan sehingga 1 juta ringgit melalui kaedah sebut harga atau secara undian dalam kalangan kontraktor G1 hingga G3 berdaftar.

- Setakat ini, Kerajaan telah berjaya menyiapkan lapan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai 540 juta ringgit. Seterusnya, 12 projek RTB dengan kos 3 bilion ringgit telah dikeluarkan SST dan berjalan mengikut jadual antaranya melibatkan:
 - RTB Sungai Damansara, Selangor;
 - RTB Sungai Likas, Kota Kinabalu, Sabah;
 - RTB Sungai Triang, Bera, Pahang;
 - RTB Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus, Terengganu; dan
 - Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 2, Kota Bharu.

108. Mutakhir ini sering terjadi insiden tanah jerlus dan tanah runtuh. Ini termasuk kejadian menyayat hati yang menimpa seorang wanita warganegara India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Bagi mengawal kejadian ini daripada berulang, beberapa projek akan dilaksanakan meliputi:

- Lebih 250 juta ringgit untuk memperbaiki cerun seluruh negara;
- 21 juta ringgit untuk mengekang isu tanah jerlus di Kerian Laut, Perak, Kedah dan Perlis; dan
- 10 juta ringgit bagi melaksanakan Kajian Geoteknikal Struktur Lapisan Tanah di jalan-jalan utama sekitar Segi Tiga Emas Kuala Lumpur.

II. MEMBUGAR EKONOMI KE MEDAN JAYA

109. Negara harus dipacu lebih pantas agar mampu bersaing dengan bergaya. Dasar dan prakarsa baharu yang telah diumumkan perlu ditelusuri dan dilaksanakan dengan berkesan tanpa berlengah. Dasar menaikkan siling bermakna kesungguhan dalam ikhtiar mengangkat ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Dan menurut kerangka Ekonomi MADANI, penyegaran ekonomi negara yang mampan berpaksikan teknologi dan daya cipta akan hanya bermakna seandainya ia melimpah dan bermanfaat kepada rakyat dengan kenaikan lantai. Ini bermaksud pendapatan rakyat ditingkatkan termasuk di kalangan golongan profesional, pekerja, pekebun, petani dan nelayan.

IKHTIAR 17: KERANGKA INSENTIF PELABURAN BAHARU

110. Suatu anjakan baharu perlu dilakukan bagi meraih pelaburan lebih bermakna. Pendekatan lama dalam memberi galakan dan insentif kepada pelabur tanpa mengambil kira limpahan ekonomi yang diraih tidak lagi boleh digunakan. Umpamanya, pelaburan pusat data tidak sepatutnya menjadi rebutan sekiranya ia tidak memberi nilai tambah kepada rakyat dari segi peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan perkongsian kepakaran. Maka, sekarang anjakan segar dan penekanan harus dilakukan supaya galakan yang diberikan dapat memberi limpahan ekonomi kepada rakyat dan negara dan tidak hanya lebih menguntungkan syarikat pelabur.

111. Kerajaan bersetuju memperkenalkan Kerangka Insentif Baharu yang menumpukan aktiviti bernilai tinggi ketimbang insentif sedia ada yang berasaskan produk tertentu. Kerangka ini dijangka dilaksanakan pada suku ketiga 2025:

Pertama: Bagi meningkatkan tahap kerencaman sektor ekonomi E&E melalui aktiviti bernilai tambah tinggi seperti perkhidmatan reka bentuk litar bersepadu (IC) dan bahan termaju, galakan cukai bagi peningkatan eksport diperluas kepada aktiviti reka bentuk IC.

Kedua: Bagi menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat dalam bidang AI dan teknologi terkini, potongan cukai khas diberikan kepada institut pengajian tinggi swasta dan institut latihan kemahiran swasta yang membangunkan kursus baharu seperti teknologi digital, AI, robotik, internet kebendaan (IoT), sains data, FinTech dan teknologi mampan.

Ketiga: Bagi mengukuhkan rantaian bekalan tempatan dan ekosistem sektor utama, Ikhtiar Ketahanan Rantaian Bekalan diperkenalkan dengan insentif:

- (i) Perbelanjaan perusahaan multinasional (MNE) sehingga 2 juta ringgit setahun diberi potongan cukai dua kali untuk tempoh 3 tahun berturut-turut.
- (ii) MNE atau pembekalnya yang membuat pelaburan usaha sama dengan pembekal tempatan lain diberi potongan cukai ke atas jumlah pelaburan dibuat.
- (iii) Pembekal tempatan yang terlibat dalam Ikhtiar ini akan diberi pakej insentif cukai yang bersesuaian berasaskan keberhasilan; dan
- (iv) Dana padanan pelaburan lebih 100 juta ringgit disediakan melalui platform pendanaan awam ekuiti untuk pengembangan pembekal tempatan dalam sektor E&E, kimia khusus dan peranti perubatan.

Keempat:

Perkumpulan ekonomi diwujudkan mengikut keistimewaan negeri seperti tenaga boleh baharu di Perlis dan Sabah, industri kimia khusus di Pahang dan Terengganu.

Kelima: Bagi mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah, insentif cukai pendapatan pada kadar istimewa ditawarkan bagi pelaburan dalam 21 sektor ekonomi di negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak, tertakluk kepada keberhasilan limpahan ekonomi.

Keenam: Bagi memastikan pelaburan berlandaskan ESG, galakan cukai seperti elaun cukai pelaburan atau pengecualian cukai pendapatan diberikan bagi aktiviti CCUS.

Kerangka Insentif Pelaburan Baharu ini akan terus disokong melalui fasilitasi pelaburan yang inklusif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang di seluruh negara. Langkah ini termasuk memperkenalkan dana pelaburan strategik bernilai 1 bilion ringgit sebagai usaha meningkatkan kapasiti bakat tempatan dan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dilaksanakan di negara ini.

112. Kerajaan juga telah menyatakan kesediaan melaksanakan cukai minimum global (GMT) ke atas syarikat multinasional. Kendatipun GMT memberi hasil tambahan, masih terdapat risiko yang memberi kesan negatif terhadap iklim pelaburan. Dalam mengurangkan kesan GMT, Kerajaan komited untuk memperkemas insentif sedia ada, mewujudkan insentif bukan cukai baharu serta mengkaji kebolehlaksanaan Kredit Cukai Pelaburan Strategik.

113. Bagi memudah cara pelabur strategik, MIDA akan menjadi pihak berkuasa melulus untuk pas pengajian melibatkan graduan bukan warganegara lepasan universiti tempatan bagi memenuhi keperluan modal insan dalam sektor-sektor NIMP.

IKHTIAR 18: PELABURAN STRATEGIK

114. Tahun hadapan, sejumlah 200 juta ringgit disediakan meliputi Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) dan Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF) bagi menyokong pertumbuhan PKS dan syarikat pertengahan serta menggalakkan pendayaciptaan.

115. GLIC melalui ikhtiar GEAR-uP akan meningkatkan pelaburan langsung dalam negara berjumlah 120 bilion ringgit bagi tempoh 5 tahun dengan 25 bilion ringgit dilaburkan tahun hadapan. Umpamanya:

- KWAP melalui Dana Pemacu 6 bilion ringgit akan memperkukuh pasaran persendirian tempatan meliputi ekuiti persendirian, prasarana dan hartanah. Pelaburan ini untuk merangsang pertumbuhan pengurus dana tempatan melalui model unit kerjasama co-GP dengan 500 juta ringgit mula

dilaburkan tahun hadapan melibatkan lapan sektor utama seperti pusat data, peralihan tenaga dan pembuatan canggih.

- Khazanah pula menyediakan 1 bilion ringgit bagi menerajui pelaburan yang menyokong industri semikonduktor tempatan.

116. Kerajaan menyokong pembangunan industri unsur nadir bumi (REE) tempatan melalui kerjasama dengan negara seperti China dan Australia yang punyai keupayaan teknologi. Sebagai langkah awal, Kerajaan bercadang meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 selain memulakan pemetaan potensi sumber REE di seluruh negara.

IKHTIAR 19: SYARIKAT MULA NIAGA

117. Kerajaan akan terus menyokong sepenuhnya pengembangan syarikat mula niaga tempatan.

- (1) Saudara Azarol Faizi Zakaria Ansari, pengasas BateriKu mula dengan berniaga kecil-kecilan. Meraih manfaat daripada pembiayaan Dana Perintis di bawah KWAP, kini beliau berjaya mengembangkan perniagaan dengan 1.5 juta pelanggan, melatih 1,000 juruteknik gig serta melahirkan 100 usahawan di bawahnya.
- (2) Syarikat Vitrox bermula secara kecil-kecilan oleh dua jurutera muda lepasan USM. Kini, syarikat ini telah membesar sebagai peneraju bidang elektronik utama

dengan menjadi pembekal kepada pasaran asia, eropah dan Amerika Syarikat.

- (3) Greatech Technology Berhad merupakan syarikat tempatan yang berjaya menembusi pasaran global dalam sektor elektrik dan elektronik dan tersenarai sebagai *Forbes Asia's Best Under A Billion*.

118. Pada tahun hadapan:

- *National Fund-of-Funds* (NFOF) akan ditubuhkan di bawah Khazanah yang beroperasi bulan hadapan dengan dana 1 bilion ringgit. NFOF akan menyokong pengurus dana modal teroka melabur dalam syarikat mula niaga dengan 300 juta ringgit disediakan untuk 2025.
- KWAP di bawah Dana Perintis menyediakan 1 bilion ringgit untuk turut menyokong aktiviti syarikat mula niaga tempatan dengan 200 juta khusus untuk 2025.
- Cradle Fund diperuntukkan 65 juta ringgit bagi membantu syarikat mula niaga berpotensi untuk berkembang ke peringkat serantau dan global. Ini juga termasuk 15 juta ringgit geran padanan sebagai galakan untuk GLC bekerjasama dengan syarikat mula niaga melalui ikhtiar modal teroka korporat.

- Bagi memperkukuh ekosistem modal teroka supaya kekal berdaya saing dalam menarik pelaburan asing, proses kelulusan aliran dana rentas sempadan di bawah Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing kini dimudah cara dan boleh dibuat berdasarkan jumlah saiz mandat dana.

IKHTIAR 20: DIGITALISASI DAN AUTOMASI

119. Kerangka Dasar transformasi digital yang tegas berjaya menarik pelaburan masuk. Malaysia berjaya meraih pelaburan berjumlah 16.9 bilion dolar Amerika untuk tempoh sehingga 2038 daripada syarikat gergasi teknologi dunia AWS, Microsoft, Google dan Oracle. Ini mencerminkan tahap keyakinan mereka terhadap potensi Malaysia sebagai pintu masuk bagi prasarana awan serantau.

120. Sekarang ialah masa syarikat tempatan merebut peluang pelaburan ini. Manfaat haruslah sampai kepada rakyat meliputi peluang pekerjaan, pembangunan pusat kecemerlangan dan pemerkasaan masyarakat.

121. Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) disediakan 10 juta ringgit bagi mengadun usaha meningkatkan penggunaan AI melalui kerjasama dengan akademia dan industri.

122. Malaysia mengambil langkah berani untuk menjuarai ekonomi digital serantau melalui pengisytiharan penubuhan Rangkaian Keselamatan AI ASEAN (*ASEAN AI Safe*). Ini turut dianggotai negara tetangga dalam usaha menggembelng kepakaran dan keselamatan AI di negara masing-masing.

123. Ke arah pelaksanaan sepenuhnya e-Invois pada 1 Julai 2025, Kerajaan bercadang supaya perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT, pakej perisian komputer dan fi perundingan diberikan elaun modal dipercepatkan untuk dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun.

124. Kerajaan juga bercadang melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat awal tahun hadapan bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing. Hasil kutipan levi ini akan disalurkan semula kepada industri bagi merekayasa proses perniagaan ke arah automasi dan mekanisasi.

125. Bagi meningkatkan kapasiti perniagaan PMKS dengan beralih ke arah pendigitalan:

- 50 juta ringgit disediakan sebagai Geran Padanan Digital PMKS dan Geran Digital Penjaja di bawah BSN untuk usahawan tempatan kekal berdaya saing dalam pasaran.
- 100 juta ringgit juga disediakan oleh SKMM untuk tempoh 5 tahun bagi memperkasa fungsi Pusat NADI di seluruh negara sebagai platform komuniti meningkatkan pendapatan melalui aktiviti keusahawanan dalam talian.

IKHTIAR 21: ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA

126. Memorandum Persefahaman Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) telah dimeterai pada Januari 2024 menandakan pencapaian besar kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Singapura.

- Kerajaan meluluskan Forest City sebagai Pulau Bebas Cukai bagi menyokong aktiviti pelancongan dan ekonomi setempat. Pakej galakan cukai bagi Zon Kewangan Khas Forest City turut diumumkan bagi merancakkan aktiviti perkhidmatan kewangan seperti perkhidmatan perniagaan global kewangan dan Fintech.
- Skim Pejabat Keluarga Tunggal telah diluncurkan untuk Zon Kewangan Khas Forest City bagi menggalakkan pengurusan dana Keluarga. Bagi menjayakan pengoperasian Pejabat Keluarga, Suruhanjaya Sekuriti akan berperanan sebagai pihak berkuasa melulus untuk pemberian Pas Residen serta Pas Penggajian kepada masing-masing Pelabur Keluarga Pengasas dan profesional pelaburan Pejabat Keluarga berkaitan.
- Bagi memacu pertumbuhan JSSEZ sebagai zon ekonomi khas yang mampan, Kerajaan juga akan menyediakan insentif khas yang boleh menarik pelaburan berkualiti dan menawarkan pekerjaan bernilai tinggi. Insentif khas ini akan diumumkan menjelang akhir tahun ini.

- Invest Malaysia Facilitation Centre – Johor (IMFC-J) juga sedang ditubuhkan bagi memudah cara pelaburan di JSSEZ. Pusat ini bertujuan mengurangkan birokrasi di pelbagai peringkat bagi mempercepat kelulusan.

IKHTIAR 22: SOKONGAN PASARAN EKSPORT

127. Jumlah perdagangan bagi tempoh Januari-September 2024 melonjak 10.2 peratus kepada 2.14 trilion ringgit. Kita meraih lebih dagangan bagi 53 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

128. Pemberdayaan PMKS akan terus diperhebat bagi menyokong usahawan tempatan menembusi pasaran eksport.

- Khazanah akan melancarkan Program Syarikat Mid-Tier dengan dana 1 bilion ringgit bertujuan menyediakan pembiayaan yang menyokong pembinaan keupayaan syarikat tempatan.
- Bagi mendorong para pengeksport tempatan memperluas operasi mereka ke pasaran luar, 750 juta ringgit disediakan di bawah Skim Insentif Pemampanan Pengeksport oleh EXIM Bank.
- 40 juta ringgit juga disediakan di bawah MATRADE sebagai geran bayaran balik bagi membantu pengeksport Malaysia mempromosi produk dan perkhidmatan buatan Malaysia di pentas antarabangsa khususnya meneroka pasaran baharu di Afrika, Amerika Latin, Timur Tengah.

129. Dalam memacu sektor logistik:

- Kerajaan bercadang supaya syarikat logistik yang menjalankan aktiviti kompleks logistik pintar diberi elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus bagi tempoh 5 tahun. Ini bagi meningkatkan kapasiti industri logistik dengan mengadaptasi teknologi IR4.0.
- Kerajaan turut bersetuju untuk membina dan menaik taraf jalan Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara Klang, Selangor dengan kos 107 juta ringgit.

IKHTIAR 23: TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

130. Persiapan rapi dilakukan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. Hampir 550 juta ringgit disediakan bagi mempergiat promosi dan aktiviti pelancongan merangkumi:

- persediaan Tahun Melawat Malaysia 2026;
- penganjuran aktiviti budaya, acara pelancongan dan capaian penerbangan ke Malaysia; dan
- pemerkasaan ekonomi komuniti melalui seni termasuk mempromosi kraf tangan dan batik.

131. Sejumlah 110 juta ringgit disediakan bagi melengkapkan kawasan pelancongan, menjalin kerjasama ekopelancongan dan menyokong pencalonan UNESCO seperti:

- Menambah baik kemudahan di Taman Negara Endau Rompin, Johor; Pulau Redang, Terengganu dan Pantai Tusan Bekenu, Sarawak;
- Menjalinkan kerjasama ekopelancongan dengan UNDP dan Habitat Foundation; dan
- Pencalonan UNESCO untuk Tapak Lombong Bijih Timah Sungai Lembing, Pahang, budaya perarakan Chingay dan tarian singa.

132. Bagi memelihara Kuala Lumpur sebagai bandar raya budaya dan kreatif, Khazanah menyediakan 600 juta ringgit untuk memulih serta mengangkat nilai Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara. Ini termasuk membina jambatan bertingkat yang menghubungkan Taman Botani Perdana dengan Carcosa Seri Negara.

IKHTIAR 24: KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA 2025

133. Kepengerusian ASEAN 2025 peluang terbaik Malaysia mengemudi ASEAN berpandukan Wawasan Komuniti ASEAN 2045. Kita beriltizam melakar hala tuju ASEAN lebih berdaya tahan, berdaya cipta dan berpaksikan rakyat. Malaysia berpegang teguh kepada pendekatan bersama dalam memahat agenda pembaharuan di peringkat ASEAN termasuk menggerakkan pembangunan di kawasan bersempadan dengan negara tetangga untuk kemakmuran bersama.

134. Tentunya mencabar untuk melunas amanah besar pada detik ini, apalagi ASEAN teruji dengan persaingan kuasa-kuasa besar, isu Laut China Selatan, krisis Myanmar, hal keterjaminan makanan serta perubahan iklim. Atas kelebihan yang ada, Malaysia akan membawa ASEAN mengharungi masa depan dengan yakin, termasuk memperkukuh kerjasama ekonomi serantau menerusi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC + China buat julung kalinya.

135. Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 melibatkan penganjuran lebih 270 mesyuarat dan aktiviti melibatkan semua negeri. Saya berharap, penganjuran ini dapat menjana pendapatan usahawan khususnya penyedia khidmat logistik, perhotelan, pelancongan termasuk jualan kraf tangan.

136. Bagi menyokong penggiat kraf tangan sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, Kerajaan menetapkan semua Kementerian dan Jabatan yang terlibat dengan penganjuran mesyuarat dan aktiviti, hendaklah memperoleh kraf tangan daripada pengusaha tempatan yang boleh mengetengahkan kehalusan, keunikan dan keaslian hasil tangan anak tempatan untuk dikongsikan kepada semua. Sebagai contoh, beg dokumen yang saya gunakan hari ini ialah kerja seni tenunan songket hasil pereka tempatan, Adiguru Rasiah Yusoff dari Kampung Tikat Penambang, Kelantan.

IKHTIAR 25: PERALIHAN TENAGA

137. Rencana NETR adalah untuk mengalihkan sektor tenaga ke arah mencapai sasaran gas rumah hijau sifar bersih seawal 2050. Tahun hadapan, lebih 300 juta ringgit disediakan di bawah Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara, ketimbang 100 juta tahun ini.

138. Beberapa projek NETR juga memasuki fasa pelaksanaan seperti:

Pertama: Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid Kenyir dan hab hidrogen hijau di Terengganu

- Projek ini berupaya menghasilkan sehingga 1,000 megawatt dan separuh kapasiti ini akan digunakan untuk projek hab hidrogen hijau pertama di Terengganu melibatkan kerjasama PETRONAS dan TNB.

Kedua: Program Large Scale Solar (LSS)

- Projek ini untuk membangunkan loji jana kuasa solar berskala utiliti dengan tawaran kuota 2,000 megawatt. Proses bidaan telah ditutup dan penilaian dijangka selesai selewat-lewatnya Disember 2024.

139. Bagi meningkatkan capaian tenaga boleh baharu:

- Program Net Energy Metering (NEM) dilanjutkan kepada 30 Jun 2025 agar lebih banyak bumbung premis dimanfaatkan untuk pemasangan solar *photovoltaic* (PV).
- Pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) diteruskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak 1 bilion ringgit sehingga tahun 2026.
- UEM Lestra dan TNB akan melabur 16 bilion ringgit untuk meningkatkan keupayaan rangkaian transmisi dan pengedaran serta menyahkarbon kawasan perindustrian.
- Ikhtiar akses grid terbuka akan dilaksanakan melalui Program Corporate Renewable Energy Scheme (CRESS) untuk membolehkan syarikat korporat memperoleh bekalan elektrik daripada penjana TBB pilihan.
- Program khusus yang mengutamakan reka bentuk struktur penjanaan TBB dwifungsi seperti konsep *agrivoltaic* bakal diperkenalkan bagi mengelakkan kesan negatif loji jana kuasa TBB terhadap pengeluaran bahan makanan.

140. Susulan penggubalan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga, ikhtiar meningkatkan kecekapan tenaga terus diperhebat:

- e-Rebat sehingga 70 juta ringgit disediakan bagi menggalakkan pengguna dan industri membeli kelengkapan elektrik cekap tenaga.
- Kontrak Prestasi Tenaga akan diperkenalkan untuk kegunaan semua agensi Kerajaan bagi mencapai penjimatan bil elektrik sehingga 10 peratus.
- Ke arah Putrajaya bandar rendah karbon, ruang bumbung di laluan pejalan kaki sepanjang hampir 5 kilometer dan tempat parkir kereta akan dipasang solar untuk menjimatkan tenaga elektrik.

141. Bagi menyokong pelaksanaan CCUS di Malaysia:

- Aktiviti penggunaan karbon diperluas sebagai produk hiliran dan akan disediakan galakan cukai berdasarkan Kerangka Insentif Baharu yang menekankan kerencaman ekonomi. Akses pembiayaan mampan khususnya pembiayaan campuran juga dimudah cara.
- Kerajaan berhasrat untuk membentangkan RUU Rangka Kerja Kawal Selia Progresif Mengenai CCUS dalam masa terdekat.

142. Terkait Kenderaan Elektrik (EV):

- Kerangka insentif cukai EV sedia ada telah distruktur supaya selari dengan hasrat untuk menggalakkan peralihan kepada EV pemasangan tempatan CKD. Pada masa ini, syarikat PERODUA sedang merancang untuk mengeluarkan EV berharga di bawah 100 ribu ringgit bagi memenuhi permintaan rakyat.
- Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik CKD sehingga 2,400 ringgit akan diteruskan dengan peruntukan 10 juta ringgit.

143. Bagi menyokong ekonomi kitaran, Kerajaan bercadang:

- Potongan cukai ke atas sumbangan atau penajaan *Smart Artificial Intelligence – Driven Reverse Vending Machine* dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026; dan
- Skop pelepasan cukai bagi pembelian pengecas kenderaan elektrik diperluas meliputi pembelian mesin kompos sisa makanan untuk kegunaan isi rumah sehingga tahun taksiran 2027.

144. Kerajaan akan memperkenalkan Cukai Karbon ke atas industri besi dan keluli serta tenaga di Malaysia menjelang tahun 2026. Cukai ini bertujuan menggalakkan penggunaan teknologi rendah karbon. Hasil daripada cukai ini akan dimanfaatkan untuk membiayai program penyelidikan dan teknologi hijau.

IKHTIAR 26: PERLINDUNGAN KHAZANAH ALAM

*“Dan dengan sederap rentak dan sesyahdu suara
kita tetap bertekad melindungi rimba terdera.
Kau yang pendera usah berhelah atau berpura
kerana sedalam kuburmu rimba akan membela.”*

Petikan puisi ‘Langkah Lestari’ (A. Samad Said)

145. Belanjawan 2025 kekal komited melindungi khazanah alam:

- Dana *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) ditingkatkan kepada 250 juta ringgit, ketimbang 200 juta ringgit bagi menyokong usaha negeri melindungi hutan dan hidupan liar. Kriteria pengagihan EFT ditetapkan semula iaitu 50 peratus peruntukan yang diagihkan tertakluk kepada prestasi perbelanjaan Kerajaan negeri, ketimbang 30 peratus pada masa ini.
- Peranan orang asli dan veteran beruniform dalam membenteng kawasan hutan simpan kekal amat dihargai. Kerajaan meningkatkan lantikan renjer komuniti kepada 2,500 orang ketimbang 2,000 orang dengan peruntukan 80 juta ringgit.

- Sekitar 4 peratus sungai dikategorikan tercemar antaranya Sungai Anak Bukit, Kedah; Sungai Pegalan, Sabah dan Sungai Entanak, Sarawak. Projek Pembersihan Sungai Bersama Komuniti akan dilaksanakan di bawah Program Denai Sungai Kebangsaan dengan peruntukan 10 juta ringgit.
- Kerajaan bersetuju menaik taraf loji rawatan kumbahan serantau sedia ada dan membina rangkaian paip pembentungan di Sungai Kim Kim, Johor untuk mengekang pencemaran air.

146. Bagi melindungi generasi masa hadapan, Kerajaan bercadang meminda Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 bagi memperluas sumber sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) serta memperketat kawalan tatakelola pengeluaran dana.

IKHTIAR 27: KETERJAMINAN MAKANAN

147. Antara kelemahan ketara kita, kebergantungan yang tinggi kepada import makanan walhal punyai kesuburan tanah dan kemampuan meningkatkan keterjaminan makanan negara. Tahun hadapan:

- 300 juta ringgit disediakan bagi menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri, menokok ketimbang 150 juta tahun ini. Ini antaranya untuk menyokong pengeluaran bawang di Perak, ternakan talapia merah di Pahang dan peningkatan hasil padi di Negeri Sembilan.
- Kerajaan bersama badan swasta akan memanfaatkan hampir 8,800 ekar tanah terbiar milik lembaga kemajuan wilayah dan agensi rangkaian mereka untuk melaksanakan projek pertanian seperti perusahaan ayam organik dan lembu serta tanaman berkelompok.
- Agrobank menyediakan kemudahan pinjaman 200 juta ringgit kepada pengusaha agromakanan yang menyokong keterjaminan makanan dan pertanian lestari.
- Sejumlah 27 juta ringgit turut disediakan sebagai insentif kepada petani dan penternak untuk meningkatkan ternakan lembu pedaging, ruminan kecil kambing pedaging, kambing tenusu dan bebiri serta pengeluaran bawang tempatan.

148. Terkait industri padi negara:

- Projek Penanaman Padi lima Musim dua Tahun di kawasan MADA Fasa 1 dimulakan melibatkan hampir 1 bilion ringgit dengan keluasan hampir 11 ribu hektar. Ini mampu meningkatkan hasil padi sebanyak 15 peratus selain melonjakkan pendapatan 6,100 pesawah sebanyak 43 peratus.
- Pengurusan padi di Sekinchan, Sabak Bernam terbukti menghasilkan padi lebih banyak sehingga 12 tan sehektar. Kerajaan akan memulakan projek rintis bagi memperoleh baja termasuk baja organik mengikut kawasan penanaman padi secara tender terbuka.
- 65 juta ringgit disediakan bagi membangunkan pengairan dan saluran jelapang padi serta meluaskan estet padi FELCRA di Sabah dan Sarawak.

149. Kesejahteraan pesawah dan nelayan terus dipelihara:

- Sejumlah 2.78 bilion ringgit disediakan sebagai subsidi, bantuan dan insentif untuk pesawah dan nelayan, meningkat ketimbang 2.6 bilion ringgit.

- Kerajaan bersetuju menaikkan kadar siling bantuan bina baharu atau penempatan semula rumah nelayan kepada 84 ribu ringgit ketimbang 56 ribu ringgit untuk Semenanjung dan 90 ribu ringgit ketimbang 68 ribu ringgit untuk Sabah dan Sarawak.

IKHTIAR 28: PERLADANGAN DAN KOMODITI

150. Belanjawan 2025 meningkatkan peruntukan FELDA, FELCRA dan RISDA kepada 2.6 bilion ringgit ketimbang 2.4 bilion ringgit.

151. Bagi memperkukuh sektor sawit negara:

- Kerajaan bercadang menaikkan nilai ambang kenaan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit bagi Semenanjung Malaysia kepada 3,150 ringgit, manakala bagi Sabah dan Sarawak kepada 3,650 ringgit. Manakala, struktur julat harga pasaran dan kadar duti eksport minyak sawit mentah disemak semula mulai 1 November 2024. Layanan semasa bagi eksport minyak sawit mentah dari Sabah dan Sarawak juga akan dikekalkan.
- Insentif galakan kepada pekebun kecil menanam semula sawit juga diteruskan bagi menggantikan sawit tua yang tidak lagi produktif dengan peruntukan 100 juta ringgit.

- Malaysia sebagai antara pengeluar minyak sawit terbesar dunia punyai potensi menghasilkan bahan api penerbangan mampam (SAF) daripada sisa kilang kelapa sawit. Petronas akan menjalin kerjasama dengan syarikat perladangan sawit utama bagi penghasilan SAF daripada sisa kilang kelapa sawit.
- Kerajaan telah menyediakan galakan cukai automasi sektor perkilangan, perkhidmatan, pertanian dan sektor komoditi dalam bentuk Elaun Modal Dipercepatkan dalam tempoh 1 tahun serta pengecualian cukai pendapatan ke atas perbelanjaan modal yang sama. Melalui galakan cukai ini, syarikat dapat mengadaptasi teknologi yang lebih maju seperti dron dan AI dalam operasi perladangan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.
- Komitmen mempertahankan industri sawit diperhebat bagi menangkis salah tanggap Eropah dan meningkatkan tahap kelestarian sawit dengan peruntukan 65 juta ringgit.

152. Terkait perusahaan getah:

- Program Galakan Pengeluaran Lateks Pekebun Kecil di bawah RISDA akan dilaksanakan secara geran padanan 60 juta ringgit. Ini sebagai galakan pekebun kecil getah menghasil getah lateks bagi memenuhi keperluan industri.
- Ladang-ladang getah milik persendirian yang terbiar akan diusahakan semula dengan peruntukan 20 juta ringgit. Ikhtiar

ini dilaksanakan melalui pendekatan pajakan tanah, iaitu tanah terbiar akan dipajak untuk diusahakan semula dan keuntungan dibahagikan mengikut persetujuan antara pekebun kecil, agensi pelaksana serta pemilik tanah.

- Serangan perosak seperti kulat pestalotiopsis, ulat bungkus dan kulapuk jelaga menyebabkan kerugian jutaan ringgit. 10 juta ringgit bagi melaksanakan mitigasi dan kawalan penyakit agar tidak terus merebak.

IKHTIAR 29: DAYA CIPTA KEWANGAN ISLAM

153. Petunjuk Ekonomi Islam Global 2023 mengekalkan Malaysia pada kedudukan teratas untuk tahun ke-10 berturut-turut. Adapun banyak lagi ruang boleh diteroka bagi mengangkat sektor kewangan Islam ke tahap lebih adil berlandaskan maqasid syariah selain berupaya menyaingi produk konvensional.

154. Sektor kewangan Islam perlu dipacu supaya lebih berdaya cipta. Sejumlah 100 juta ringgit dana padanan disediakan bagi menggalakkan inovasi pembiayaan kewangan Islam baharu berasaskan nilai Islam supaya tidak lagi bergantung kepada produk patuh syariah yang mirip konvensional. Antara pembiayaan yang diperintiskan termasuklah berasaskan prinsip musharakah yang melibatkan perkongsian risiko dan keuntungan yang adil. Kemudahan ini tertumpu kepada projek kewangan iklim termasuk projek keterjaminan makanan dan dilaksanakan dengan padanan dana daripada institusi perbankan Islam dan pelabur swasta.

155. Program iTEKAD yang ditawarkan 13 bank dan 70 rakan pelaksana telah membantu lebih 8,000 usahawan mikro berpendapatan rendah. Tahun hadapan, 20 juta ringgit geran padanan disediakan dengan 5 juta ringgit khusus untuk menyumbang kepada caruman insurans atau takaful bagi usahawan mikro. Ini akan dipadankan dengan sumbangan syarikat insurans atau pengendali takaful untuk manfaat peniaga dan penjaja kecil, penghantar barang dan makanan serta peserta Ikhtiar Pendapatan Rakyat yang rosak tanaman akibat bencana.

156. Kerajaan juga menyokong pelaburan berimpak sosial lain termasuk pembiayaan P2P patuh syariah dan pendanaan awam ekuiti di bawah program MyCIF dengan menyediakan geran padanan 40 juta ringgit.

157. Bagi merencanakan kajian dalam bidang ekonomi Islam, sejumlah 10 juta ringgit diperuntukkan bagi menyokong usaha sama antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan INCEIF University dalam meningkatkan lagi kefahaman serta pemakaian nilai-nilai universal ekonomi Islam. Perkembangan penyelidikan dan pembangunan program akademik akan terus mencambah aplikasi ekonomi Islam dalam pembentukan dasar semasa yang selaras dengan prinsip maqasid Shariah yang adil, inklusif, lestari untuk kemakmuran bersama.

IKHTIAR 30: PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL

158. Hampir keseluruhan negara dunia mengiktiraf pensijilan halal Malaysia. Usaha sama JAKIM, HDC dan MATRADE harus dilipatgandakan dalam memperkukuh industri halal negara dan menyokong syarikat halal tempatan.

- Ke arah mempercepat urusan pengeluaran sijil halal, juruaudit halal JAKIM akan ditambah sebanyak 100 orang lagi. Sistem MYeHALAL juga ditambah baik bagi memusatkan 20 agensi Kerajaan dan 100 badan pensijilan halal luar negara di bawah satu platform.
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan SME Bank menawarkan pembiayaan khusus kepada PMKS halal dengan dana tersedia hampir 600 juta ringgit.
- Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) juga sedia menjamin sehingga 80 peratus pembiayaan PKS halal dengan nilai jaminan sehingga 1 bilion ringgit.
- MATRADE ditugaskan untuk memacu perkembangan kapasiti lebih banyak perusahaan halal supaya lebih berdaya saing dengan peruntukan 20 juta ringgit.

IKHTIAR 31: PEMBANGUNAN TANAH WAKAF

159. UDA Holdings Berhad berperanan besar dalam membangunkan tanah-tanah wakaf. Dua projek utama yang dilaksanakan iaitu Wakaf Seetee Aisah dan Wakaf Mohd Hashim berjaya memberi pulangan ekonomi kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

160. Tahun hadapan, Wakaf MADANI terus diperkasa dengan penglibatan meluas agensi-agensi Kerajaan:

- KWAP menyediakan dana 300 juta ringgit bagi meningkatkan pembangunan tanah wakaf untuk membina rumah persaraan mandiri warga emas kepada para pesara pendapatan rendah.
- UDA dengan dana 200 juta ringgit akan terus menumpukan pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat di tanah-tanah wakaf.
- LPPSA akan menyediakan dana untuk penjawat awam yang membeli rumah di atas tanah wakaf.
- SJKP pula akan menjamin pinjaman pembeli rumah pertama bernilai sehingga 500 ribu ringgit yang dibangunkan di atas tanah-tanah wakaf.
- Setakat 10 Oktober lalu, 22 ribu orang pemegang unit amanah ASNB telah mewakafkan pelaburan unit amanah mereka, sebanyak 73 juta unit. Hasil daripada Wakaf ASNB disalurkan ke

projek wakaf untuk kemaslahatan ummah. Kerajaan akan terus menggalakkan wakaf pelaburan seumpama ini.

- Wakaf MARA MADANI akan terus berusaha menarik sumbangan wakaf daripada sektor korporat termasuk figura yang pernah meraih manfaat daripada MARA bagi mencapai sasaran dana 1 bilion ringgit.

IKHTIAR 32: BANTUAN DAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

161. Dalam memacu ekonomi subur, tidak hanya tergantung kepada konglomerat utama. 90 peratus ekonomi melibatkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang menggaji hampir separuh pekerja dan menyumbang 40 peratus kepada KDNK. Memandangkan ini, Kerajaan memutuskan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan PMKS dalam bidang-bidang tumpuan seperti keterjaminan makanan, peralihan tenaga dan digital.

162. Institusi Kewangan Pembangunan dan agensi Kerajaan memainkan peranan besar dalam membangun usahawan tempatan di setiap peringkat perniagaan mereka. Umpamanya, hampir 40 tahun lalu, Bank Pembangunan merupakan institusi pertama yang menyediakan pinjaman kepada Ramly Burger. Kini, perusahaan Ramly Burger telah berkembang maju termasuk kejayaan terkini membina kilang melalui kemudahan pembiayaan Skim Transformasi Digitalisasi Industri. Pada masa yang sama, BSN juga menyediakan pinjaman mikro untuk para peniaga kecil Ramly Burger.

163. Secara keseluruhan, 40 bilion ringgit disediakan sebagai kemudahan pinjaman serta jaminan pembiayaan perniagaan di bawah agensi-agensi Kerajaan.

- Pinjaman bersaiz mikro tersedia sehingga 3.2 bilion ringgit, antaranya oleh TEKUN dan BSN bagi membantu penjaja kecil termasuk komuniti OKU, masyarakat Cina serta Bumiputera.
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad menyediakan dana pembiayaan 6.4 bilion ringgit antaranya bagi menyokong pembiayaan sektor pembangunan infrastruktur, digitalisasi, pelancongan, logistik dan pengangkutan serta tenaga boleh baharu dan peralihan.
- Kerajaan melalui SJPP akan terus menjamin pembiayaan PKS sehingga 20 bilion ringgit termasuk jaminan 5 bilion ringgit khas untuk PKS Bumiputera.
- Dana pinjaman PKS 3.8 bilion ringgit disediakan oleh BNM antaranya bagi menyokong usahawan untuk beralih ke arah digital dan automasi selain terus membantu sektor agromakanan dan amalan lestari.

- 650 juta ringgit juga akan dikhususkan untuk menyokong wanita dan belia menceburi bidang keusahawanan.
- Bagi memelihara modal insan, sosial dan kebajikan masyarakat India, 130 juta ringgit disediakan khusus untuk melaksanakan pelbagai program termasuk pembiayaan perniagaan komuniti India.

164. Kerajaan mencadangkan had amaun pinjaman atau pembiayaan Skim Pembiayaan Mikro bagi tujuan pengecualian duti setem dinaikkan daripada 50 ribu ringgit kepada 100 ribu ringgit mulai 1 Januari 2025.

165. Bagi meluaskan akses PMKS kepada pinjaman atau pembiayaan alternatif, Kerajaan mencadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan PMKS dengan pelabur melalui platform *Initial Exchange Offering* (IEO) mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026.

166. Kerajaan terus menyokong aktiviti perniagaan badan-badan koperasi termasuk menyediakan modal pusingan. Dana pembiayaan sehingga 100 juta ringgit disediakan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

IKHTIAR 33: KEMUDAHAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

167. Pendirian saya kekal bahawa keadaan warung, gerai dan pasar perlu dijamin tahap keselesaan serta keselamatannya. Tahun hadapan, 100 juta ringgit disediakan bagi:

- membina gerai-gerai dan membaik pulih prasarana pasar awam di semua PBT seluruh negara;
- menyediakan ruang niaga kepada penjaja kecil Tamu Desa Sabah dan Sarawak; serta
- menaik taraf kemudahan perniagaan di bawah DBKL dan MARA.

IKHTIAR 34: TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA

168. Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera adalah dengan tekad membawa pengarah dan kebijakan baharu. Tidak boleh lagi kita terkurung dengan cara lama – mengurus agensi dengan tatakelola rendah, menggunakan agensi bagi memperkaya kerabat sendiri sehingga lupa agenda utama mengangkat darjat dan martabat Bumiputera.

❖ *Usahawan Bumiputera*

169. Pemusatan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Ekuinas di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputra adalah untuk menyokong perniagaan Bumiputera di sepanjang kitaran perniagaan mereka. Umpamanya, Ekuinas akan melabur dalam syarikat pertengahan dan setelah itu, syarikat yang berjaya disenaraikan dan mendapat pelaburan sewajarnya daripada PNB.

170. Tahun hadapan, 800 juta ringgit pembiayaan di bawah MARA dan PUNB tersedia untuk lebih ramai usahawan Bumiputera termasuk untuk menyokong artisan tempatan.

171. Kerajaan bersetuju memperuntukkan 1.3 bilion ringgit untuk memperkasa kontraktor G1-G4 khususnya Bumiputera. Ini memberi peluang kepada kontraktor melaksanakan projek-projek kecil dan sederhana seperti pembinaan jalan raya serta pembaikan dan penyelenggaraan prasarana awam.

172. Pada masa yang sama, sejumlah 200 juta ringgit disediakan untuk Skim CAKNA 2 bagi menyokong aliran tunai kontraktor G1-G4 menyiapkan projek berskala kecil Kerajaan bernilai sehingga 1.5 juta ringgit.

❖ *Tanah Rizab Melayu*

173. Buat pertama kalinya dalam sejarah, Kerajaan MADANI telah bersetuju supaya 50 ekar daripada pembangunan projek strategik Bandar Malaysia diperuntukkan sebagai Tanah Rizab Melayu. Ini hanya permulaan dalam mengenal pasti tanah-tanah Kerajaan yang sesuai bagi memastikan aspek pembangunan turut tidak mengabaikan keseimbangan sosioekonomi jangka panjang di kawasan bandar.

174. PNB dan PHB akan terus meningkatkan kerjasama membangun tanah rizab Melayu dalam projek perumahan mampu milik, penginapan pelajar dan pembangunan komersial.

III. MENSEJAHTERA RAKYAT KE TAHAP BAHAGIA

175. Tanggungjawab pemimpin dan penjawat awam adalah untuk berkhidmat dengan penuh amanah dan keikhlasan bagi membebaskan rakyat dari segala bentuk penindasan dan belenggu, sekali gus mengangkat martabat pentadbiran negara ke tahap yang lebih tinggi dan terpuji. Peringatan tersebut selaras dengan seruan ayat al-Quran dalam surah al-Balad yang memerintahkan agar membebaskan manusia dari segala belenggu perhambaan dan penindasan demi mencapai matlamat kebahagiaan dan kesejahteraan hidup yang sebenar.

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾ أَوْ إِطْعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾
أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾ ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾

Dan apakah engkau mengetahui: apakah amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan? (Di antara amal-amal itu - bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba abdi. Atau memberi makan pada hari kelaparan. Kepada anak yatim daripada kaum kerabat. Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah (fakir). Kemudian, orang yang beriman dan saling berpesan dengan kesabaran serta berpesan dengan kasih sayang (Surah Al-Balad: 12-17)

IKHTIAR 35: KOS SARA HIDUP RAKYAT

176. Perlu ditekankan bahawa, langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki pengurusan, meluruskan dari ketempangan, mengelak dari ketirisan termasuk kebijakan penyasaran subsidi dan peluasan asas hasil itu adalah di antara lain bagi mengupayakan bantuan yang lebih bermakna kepada rakyat.

177. Maka, untuk tahun 2025 kita akan memberi peningkatan tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) iaitu kepada 13 bilion ringgit ketimbang 10 bilion ringgit. Peningkatan ini terus memberi manfaat kepada 9 juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara.

- Tahun hadapan, 5.4 juta penerima STR akan menerima SARA sehingga 100 ringgit sebulan, ketimbang 700 ribu penerima tahun ini.
- Bantuan SARA akan dikreditkan ke dalam MyKAD penerima bermula April 2025 dan ini boleh dibelanjakan untuk membeli barangan asas seperti makanan dan minuman, ubat-ubatan, barang persekolahan serta kebersihan diri di lebih 600 pasar raya dan kedai runcit seluruh negara.
- Kategori bujang akan menerima STR 600 ringgit.
- Penambahan peruntukan 3 bilion ringgit membolehkan kadar maksimum yang diterima isi rumah meningkat kepada 4,600 ringgit, ketimbang 3,700 ringgit.

- Kita akui dan mendengar rungutan tentang kos sara hidup. Lantaran itu, kita mengambil langkah serta kebijakan ekonomi yang merupakan peningkatan peruntukan dan kadar maksimum bantuan tunai yang tertinggi pernah diberikan Kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat.

178. Ini juga akan ditambah melalui peningkatan peruntukan bantuan tunai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 2.9 bilion ringgit; ketimbang 2.4 bilion ringgit.

- Kadar bantuan kebajikan bulanan kepada rakyat miskin akan ditingkatkan:
 - Kadar Bantuan Warga Emas dinaikkan kepada 600 ringgit sebulan ketimbang 500 ringgit sebulan.
 - Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin turut dinaikkan iaitu:
 - daripada 200 ringgit kepada 250 ringgit seorang bagi anak berusia 6 tahun dan ke bawah; serta
 - daripada 150 ringgit kepada 200 ringgit seorang bagi anak lingkungan usia 7 hingga 18 tahun;
 - tertakluk kepada kadar maksimum 1,000 ringgit sekeluarga.

- Untuk Wilayah Persekutuan, Kadar Bantuan Am juga dinaikkan kepada 150 ringgit ketimbang 100 ringgit dengan kadar maksimum sekeluarga sebanyak 500 ringgit sebulan. Saya menyeru semua Kerajaan Negeri untuk turut menambahbaik Kadar Bantuan Am Negeri.

179. Jika dihitung keseluruhan bantuan STR, SARA dan JKM:

- Isi rumah miskin dengan tiga anak layak menerima bantuan lebih 13 ribu ringgit setahun, yakni suatu peningkatan amat ketara ketimbang 11 ribu ringgit pada masa ini.
- Untuk warga emas miskin pula layak menerima bantuan lebih 10 ribu ringgit setahun ketimbang 8,000 ringgit.
- Ini bermakna tidak ada rakyat di Malaysia yang berpendapatan kurang 1,000 ringgit sebulan. Dan ini belum mengambil kira bantuan daripada Kerajaan Negeri, Zakat dan Yayasan.
- Maka, tanggungjawab kita adalah untuk pastikan tiada keciciran. Oleh itu, pihak JKM dan ICU, JPM harus berganding bahu dan menggandakan usaha verifikasi golongan miskin.

180. Pada kesempatan ini, saya ingin umumkan bahawa bayaran bagi STR 2024 Fasa 4 akan disalurkan kepada penerima bermula 7 November depan melibatkan peruntukan 1.7 bilion ringgit.

181. Seluruh jentera Kerajaan digerakkan bagi menggembelng kekuatan mengawal harga dan bekalan barangan untuk termasuk menghapus tembok penguasaan kartel yang meratah keuntungan mahabesar daripada wang rakyat.

182. Sejumlah 1 bilion ringgit disediakan untuk menganjurkan ikhtiar menangani kos sara hidup dengan lebih meluas.

- Ini meliputi Program Payung RAHMAH yang ditingkatkan peruntukan kepada 300 juta ringgit, ketimbang 200 juta ringgit. Jualan RAHMAH akan diperhebat bagi menawarkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan di semua DUN setiap bulan.
- 700 juta ringgit dikhususkan untuk memperbanyak saluran program kos sara hidup lain bagi mengawal harga barang, termasuk melalui usaha sama dengan pengusaha pasar raya, pasar borong, kedai runcit, pasar tani, koperasi dan sebagainya.

183. Selain itu, 250 juta ringgit disediakan bagi mengedarkan barangan keperluan asas di kawasan pedalaman dan desa termasuk memperluas ke kawasan baharu di Magandai, Kota Marudu, dan Nanga Pelawan, Bintulu.

184. Saya juga ingin mengumumkan bahawa:

- Pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan insurans perubatan dinaikkan kepada 4,000 ringgit.
- Pelepasan cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan perubatan sehingga 10 ribu ringgit adalah juga meliputi bahagian bayaran perubatan yang dilakukan oleh pembayar cukai di bawah produk insurans dan takaful perubatan serta kesihatan dengan ciri-ciri pembayaran bersama.
- Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber luar negara dan telah tertakluk kepada cukai pendapatan di negara sumber serta diterima oleh individu di Malaysia, yang pada masa ini diberikan secara bertempoh sehingga 31 Disember 2026, dilanjutkan sehingga 31 Disember 2036.

IKHTIAR 36: PENDAPATAN RAKYAT

185. Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan soal pendapatan rakyat. Penstrukturan ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa.

186. Untuk itu, Kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada 1,500 ringgit sebulan kepada 1,700 ringgit sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.

187. Kerajaan juga memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum 1,700 ringgit membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh 6 bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

188. Kementerian Sumber Manusia juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja. Umpamanya, gaji permulaan Juruteknik Industri dan Pengeluaran (2,290 ringgit), Jurutera Mekanikal (3,380 ringgit) dan Profesional Pereka Kandungan Kreatif (2,985 ringgit).

189. Selanjutnya, Dasar Gaji Progresif ialah ikhtiar Kerajaan MADANI untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan pendapatan pekerja. Dasar ini sudah mula dilaksana secara rintis pada Jun lalu dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun hadapan. Dasar Gaji Progresif diperuntukkan 200 juta ringgit dan akan memanfaatkan 50 ribu pekerja.

190. Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) merupakan ikhtiar kita menoktahkan kemiskinan tegar melalui peningkatan pendapatan rakyat. Melalui ikhtiar IPR INSAN, Saudari Normaladiana Mohd Yazal yang merupakan OKU fizikal, telah membantu suaminya berniaga dan berjaya meraih pendapatan untuk keluarga hampir dua kali ganda. Tahun hadapan, 250 juta ringgit disediakan untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikuti program IPR bagi menambah pendapatan mereka.

IKHTIAR 37: PERLINDUNGAN SOSIAL

191. Agenda perlindungan sosial akan terus diperkasa bagi memastikan rakyat terbanyak dilengkapi dengan simpanan persaraan yang munasabah serta caruman insurans daripada musibah.

- Bagi menggalak lebih ramai pekerja tidak formal dan mereka yang tidak punyai pendapatan tetap menabung untuk persaraan, insentif padanan i-Saraan KWSP ditingkatkan kepada 20 peratus ketimbang 15 peratus, tertakluk kepada had maksimum insentif padanan tahunan 500 atau 5,000 ringgit seumur hidup.
- Program i-Suri diteruskan secara insentif padanan melalui caruman Kerajaan dan caruman secara aktif daripada pencarum.
- Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri akan menanggung sehingga 70 peratus caruman pekerja dengan peruntukan 100 juta ringgit. Ini sebagai persediaan ke arah penetapan caruman wajib sebagai salah satu syarat memperbaharui lesen vokasional bagi individu bekerja sendiri tahun hadapan. Syarikat pengendali juga diseru untuk menanggung baki caruman sebagai iltizam membela kebajikan pekerja.

- Program insurans sosial iaitu Skim Perlindungan Tenang diteruskan dengan kerjasama Bank Negara, industri insurans dan takaful untuk manfaat sehingga 2 juta penerima STR. Mereka layak menuntut baucar 30 ringgit untuk membiayai sebahagian daripada kos membeli produk Perlindungan Tenang yang menawarkan perlindungan akibat kematian, kemalangan diri dan risiko am seperti kebakaran dan banjir.
- Ke arah negara menua, KWSP sedang mengkaji semula skimnya bagi memperkukuh pendekatan pemindahan antara generasi iaitu sebahagian simpanan KWSP ahli boleh dipindahkan terus ke dalam akaun KWSP ahli keluarga terdekat.
- Kerajaan bercadang untuk melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas caruman dalam Skim Persaraan Swasta dan bayaran premium anuiti tertanggung sehingga tahun taksiran 2030.

- Kerajaan komited memberi layanan adil kepada semua pekerja tanpa mengira kewarganegaraan sesuai dengan piawaian antarabangsa. Kerajaan bercadang mewajibkan semua pekerja bukan warganegara untuk mencarum KWSP. Cadangan ini akan dilaksanakan secara berfasa.

192. Bagi mengurangkan kos penyerahhakkan dan menggalakkan hibah perlindungan insurans serta takaful kepada ahli keluarga, surat cara penyerahhakkan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga secara pemberian kasih sayang atau melalui pemegang amanah akan dikenakan duti setem pada kadar berperingkat antara 10 ringgit hingga 1,000 ringgit berdasarkan nilai pindah milik.

IKHTIAR 38: PENDIDIKAN ARUS PERDANA

193. Wajar merenung seketika bait-bait nukilan penyair W.S. Rendra 'Sajak Anak Muda'. Jika ditelaah, akan terjentik dhamir untuk mendamba perubahan dan mencerna *reform* agar pendidikan lebih bermutu dan mampu memberi pencerahan di samping serta mendamba pemikiran kritis.

*"Kita adalah angkatan gagap
yang diperanakkan oleh angkatan takabur.
kita kurang pendidikan resmi
di dalam hal keadilan,
karena tidak diajarkan berpolitik,
dan tidak diajar dasar ilmu hukum."*

*"Bukan pertukaran pikiran.
ilmu sekolah adalah ilmu hafalan,
dan bukan ilmu latihan menguraikan.
Dasar keadilan di dalam pergaulan."*

*"Lalu akhirnya
Menikmati masa bodoh dan santai.
Di dalam kegagapan,
Kita hanya bisa membeli dan memakai,
Tanpa bisa mencipta."*

(Petikan Sajak Anak Muda oleh W.S. Rendra)

194. Pendidikan sewajarnya memberdaya ilmu dan menyemai nilai serta membentuk akhlak. Demikianlah yang dirumuskan oleh junjungan besar Rasulullah SAW:

أدبني ربي فأحسن تأديبي

*“Bahawa Tuhanku telah menitipkan akan daku
dengan sebaik-baik adab”*

195. Kementerian Pendidikan diberi peruntukan 64.1 bilion ringgit, ketimbang 58.7 bilion ringgit tahun ini – peruntukan tertinggi dalam sejarah.

196. Keutamaan saya kekal memastikan ruangan pembelajaran yang selesa, selamat dan bermakna untuk anak-anak menimba ilmu.

- 2 bilion ringgit disediakan untuk projek naik taraf dan penyelenggaraan sekolah seluruh negara.
 - 1 bilion ringgit khusus untuk menyelenggara semua jenis sekolah terutamanya keadaan bilik darjah yang uzur: Ini termasuklah di sekolah kebangsaan, sekolah cina, sekolah tamil, sekolah agama, sekolah dalam kem tentera dan sekolah pendidikan khas OKU.
 - 1 bilion ringgit pula bagi menaik taraf prasarana daif di 543 buah sekolah terutamanya di Sabah dan Sarawak.

- Sebanyak 44 sekolah baharu mula dibina tahun hadapan antaranya:
 - SK Bandar Putra Indah, Batu Pahat, Johor;
 - SMK Bandar Seri Putra (2), Hulu Langat, Selangor;
 - SMK Lok Kawi, Putatan, Sabah;
 - SMK Semeling, Sungai Petani, Kedah; dan
 - SK Dudong, Sibu, Sarawak.

- Bagi memastikan capaian internet di sekolah desa dan pedalaman, Kerajaan bersetuju melaksanakan Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke Sekolah-sekolah Luar Bandar dengan peruntukan 100 juta ringgit. Projek *Point of Presence* (POP) sedia ada juga diteruskan dengan peruntukan lebih 800 juta ringgit.

- *Alhamdulillah*, berkat kesungguhan semua, kita berjaya membaik pulih tandas lebih 8,300 sekolah dalam masa singkat. Tumpuan seterusnya adalah untuk membaik pulih kemudahan lain seperti kantin dan musolla dengan peruntukan 100 juta ringgit.

- Kemudahan lain seperti dewan juga dinaik taraf melalui komitmen badan swasta dan syarikat Kerajaan. Saya menyeru supaya badan swasta, alumni dan dermawan untuk mengambil tanggungjawab korporat menyumbang ke arah persekitaran sekolah anak-anak yang selesa.

197. Hanya ketinggian ilmu yang dapat mengeluarkan rakyat dari kepompong kedaifan hidup melarat. Tahun hadapan, 17 jenis bantuan pendidikan terus disediakan dengan peruntukan 5.3 bilion ringgit.

- Bantuan makanan asrama: 2 bilion ringgit.
- Rancangan Makanan Tambahan (RMT): 870 juta ringgit meningkat ketimbang 784 juta ringgit. RMT bakal memanfaatkan lebih 860 ribu murid dan peluang diberikan kepada pembekal sajian makanan oleh syarikat di daerah.
- Hampir 800 juta ringgit Bantuan Awal Persekolahan disediakan kepada semua 5.2 juta murid tahun 1 hingga tingkatan 5 tanpa mengira pendapatan ibu bapa.
- Selain itu, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ditingkatkan kepada 180 juta ringgit ketimbang 150 juta ringgit tahun ini.
- Bagi meningkatkan akses pendidikan pelajar dari keluarga susah, Kerajaan bersetuju bayaran gaji atau upah kepada tenaga pengajar oleh institusi dan organisasi dengan objektif pendidikan yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dibenarkan sebagai perbelanjaan kebajikan.

198. Sejak 2002, sudah 22 tahun kadar Geran Per Kapita (PCG) TVET tidak disemak semula. PCG ialah sumber kewangan utama sekolah dan kadar lama tidak lagi dapat menampung kos pembelajaran

yang kian meningkat. Sekolah kurang murid di pedalaman pula bergantung kaedah PCG yang sama. Bermakna, kurang murid selama ini kurang dana.

- Kerajaan bersetuju kadar PCG bagi Pendidikan TVET ditingkatkan sebanyak 15 peratus menjadikan peruntukan keseluruhan PCG berjumlah lebih 900 juta ringgit.
- Peruntukan khas 10 juta ringgit disediakan sebagai Bantuan Persekolahan kepada semua 687 sekolah pedalaman.

199. Selanjutnya, Kerajaan bersetuju Elaun Sara Hidup bagi siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru ditingkatkan kepada 530 ringgit sebulan ketimbang 430 ringgit.

IKHTIAR 39: PENDIDIKAN TINGGI

200. Falsafah pendidikan perlu terus diterapkan dalam prakarsa pendidikan tinggi. Langkah awal yang dimulakan perlu ditingkatkan dengan lebih gigih lagi. Di antara strategi lanjutan termasuklah peningkatan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penguasaan bahasa-bahasa lain terutamanya Inggeris. Universiti perlu pantas memperkenalkan disiplin baharu yang membuka ruang penerokaan pemikiran dan teknologi baharu. Pimpinan universiti dan para ilmunan perlu diberi ruang dan wewenang untuk menggagaskan pembaharuan ke arah kemantapan dan peningkatan mutu.

201. Kementerian Pendidikan Tinggi diperuntukkan 18 bilion ringgit ketimbang 16.3 bilion ringgit tahun ini.

202. Terkait kemudahan untuk anak-anak melanjutkan pelajaran ke menara gading:

- Peruntukan keseluruhan 4 bilion ringgit disediakan dalam bentuk biasiswa, pinjaman dan elaun pendidikan.
- GLIC dan GLC turut komited memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus biasiswa dikhususkan untuk pelajar daripada keluarga pendapatan rendah dan menengah.
- Kerajaan menyarankan agar sektor korporat lebih bermurah hati dan lebih giat menyediakan biasiswa pelajaran di peringkat sijil teknik dan vokasional sehingga ke tahap universiti, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah. Kerajaan akan membenarkan perbelanjaan seumpamanya layak untuk potongan cukai.
- Ke arah melahirkan graduan dengan kebolehpasaran tinggi, sesuai dengan tuntutan industri, PTPTN menyediakan dana pembiayaan pendidikan berjumlah 500 juta ringgit khusus untuk memberi keutamaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang STEM di IPTA.

203. Bagi menggalakkan tabungan pendidikan tinggi anak-anak:

- Kerajaan bercadang supaya pelepasan cukai individu ke atas simpanan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi.
- Di bawah Ikhtiar Geran Padanan Ihsan (GAPAI), Kerajaan juga bersetuju meluaskan kriteria pemberian geran padanan sehingga 5,000 ringgit ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT kepada keluarga berpendapatan sehingga 6,000 ringgit, ketimbang 4,000 ringgit, bagi tempoh dua tahun.
- Permodalan Nasional Berhad akan melaksanakan Program Celik MADANI iaitu pembukaan akaun ASB bernilai 50 ringgit secara percuma kepada 100 ribu pelajar baharu yang melanjutkan pengajian peringkat tinggi.

204. Belanjawan MADANI Ketiga kekal dengan komitmen meningkatkan mutu institusi pendidikan tinggi. Secara keseluruhan 635 juta ringgit disediakan untuk menambah baik prasarana, mengganti peralatan usang dan meluas capaian internet di semua universiti awam.

205. UiTM disediakan peruntukan tambahan 20 juta ringgit bagi melahirkan lebih ramai jurutera E&E mengambil kira pentingnya memastikan penyertaan Bumiputera dalam bidang semikonduktor sebagai sektor berpertumbuhan tinggi negara.

IKHTIAR 40: KECERDASAN BUATAN (AI)

206. Kita melihat petanda positif seperti penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan pertama negara di Universiti Teknologi Malaysia dalam masa yang singkat. Ini memberikan harapan kepada kita bahawa ada petanda-petanda institusi pendidikan kita sudah menuju ke arah kecemerlangan.

207. Tahun hadapan, pendidikan berkaitan AI akan diperluas ke semua universiti penyelidikan dengan peruntukan 50 juta ringgit, meningkat ketimbang 20 juta tahun ini.

- Universiti Malaya menumpukan AI bidang perubatan bagi menangkis tantangan penyakit maut seperti kanser.
- Universiti Putra Malaysia akan menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia dengan kerjasama NACSA bagi menyusul AI pengkomputeran kuantum sebagai persiapan mendepani ancaman keselamatan siber serba rumit.
- Universiti Sains Malaysia menelusuri AI semikonduktor selari dengan status Malaysia sebagai hab semikonduktor dunia yang meningkatkan kerjasama termasuk dengan Intel dan Infineon.
- Universiti Kebangsaan Malaysia menerajui AI alih bahasa dalam usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

208. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus menyuburkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, komersial dan daya cipta.

- Dana R&D ditingkatkan kepada 600 juta ringgit ketimbang 510 juta ringgit di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Kumpulan Wang Amanah *Malaysia Science Endowment* (MSE) turut disediakan dana 170 juta ringgit. Tabung ini akan dimanfaatkan untuk menyediakan geran padanan untuk badan swasta dan industri memacu program R&D.
- Program *Malaysia Techlympics* dengan peruntukan 10 juta ringgit terus diperhebat sebagai dorongan bagi melahirkan anak tempatan yang pakar dalam bidang robotik dan teknologi AI.

IKHTIAR 41: PEMERKASAAN TVET

209. Selaras dengan Dasar TVET Negara, Kerajaan meningkatkan peruntukan TVET kepada 7.5 bilion ringgit ketimbang 6.8 bilion ringgit. Keutamaan diberikan untuk:

- meningkatkan kerjasama dengan industri;
- menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli; dan
- membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat.

210. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama PROTON melalui PROTON Advanced Automotive Technology Institute di Melaka yang menyumbang kurikulum, bantuan tenaga pengajar serta keperluan latihan. Bagi menggalakkan kerjasama seumpama ini:

- Geran padanan 50 juta ringgit disediakan untuk lebih banyak industri mengikuti Program “Anak Angkat ILKA”.
- GLC akan menerajui pembangunan latihan kemahiran baharu untuk industri masing-masing seperti TNB (peralihan tenaga) dan SD Guthrie (mekanisasi dan automasi perladangan).

- Syarikat akan diberikan potongan cukai atas peralatan dan mesin baharu yang disumbangkan kepada ILKA, politeknik atau kolej vokasional berdaftar mulai tahun taksiran 2025 hingga 2027.
- Majikan akan diberi kebenaran untuk menggunakan sehingga 50 peratus dana HRD Corp ketimbang 30 peratus pada masa ini bagi tujuan membiayai kemudahan latihan kemahiran termasuk kos peralatan dan ubah suai fasiliti latihan.
- Majikan yang mengambil OKU dan bekas banduan bekerja akan diberi insentif sebanyak RM600 sebulan selama tiga bulan di bawah seliaan PERKESO.

211. Peluang pendidikan dan latihan TVET akan dipertingkatkan:

- Kolej vokasional dan sekolah menengah teknik terus menyediakan pendidikan kepada 77 ribu orang pelajar dengan peruntukan 1.2 bilion ringgit.
- PTPK menyediakan pembiayaan sehingga 500 juta ringgit untuk manfaat lebih 20 ribu pelatih termasuk 100 juta ringgit khusus untuk bidang keutamaan NIMP seperti MRO, EV, aeroangkasa, AI.

- HRD Corp akan memanfaatkan dana 3 bilion ringgit untuk menawarkan 3 juta peluang latihan. HRD Corp juga menguntukkan semula dana khas 15 peratus daripada jumlah kutipan levi bagi melaksanakan Program Latihan MADANI khusus untuk golongan rentan. Majikan turut dibenarkan menggunakan levi untuk membiayai elaun sehingga 1,000 ringgit selama setahun bagi graduan melalui HRD Corp termasuk menjalani latihan kemahiran.
- Khazanah menyediakan 200 juta ringgit melalui Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) bagi membekalkan 11 ribu bakat tempatan kepada sektor utama seperti semikonduktor.
- GiatMARA dan kolej komuniti disediakan 55 juta ringgit untuk mengupaya 10 ribu anak-anak huffaz dari institusi tahfiz dan pondok dengan latihan kemahiran dalam tempoh 5 tahun.
- GiatMARA juga akan menyediakan latihan jangka pendek kepada lebih 3,000 pekerja gig.
- Kerajaan mencadangkan potongan dua kali ke atas perbelanjaan syarikat yang melaksanakan Program Latihan Berstruktur (MySIP) di bawah TalentCorp turut diperluas kepada pelajar yang mengikuti latihan berstruktur yang dijalankan oleh badan kawal selia industri dan dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2030.

- PERKESO akan membina sebuah Pusat Rehabilitasi yang serba canggih di Terengganu dengan kos hampir 600 juta ringgit. Pusat ini akan menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh meliputi rawatan pemulihan sehingga program kembali bekerja, sekali gus mengukuhkan usaha mewujudkan sumber manusia yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

IKHTIAR 42: PENJAGAAN KESIHATAN

212. Tanggungjawab pemimpin dan Kerajaan – seperti yang terungkap dalam Thirukural:

உறுபசியும் ஓவாப் பிணியும் செறுபகையும்
சேரா தியல்வது நாடு

adalah untuk membangun sebuah negara yang bukan sahaja komited mengangkat martabat kehidupan rakyat yang miskin dan daif, bahkan untuk membasmi wabak penyakit dan musuh yang membinasakan.

(Thirukural : 734)

213. Kehidupan pascanormal menuntut sebuah tatanan penjagaan kesihatan yang lebih rumit serta pepaduan utuh badan kesihatan awam dan swasta selari dengan pertimbangan yang ditaakul dalam Kertas Putih Kesihatan negara.

214. Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua tertinggi iaitu 45.3 bilion ringgit ketimbang 41.2 bilion ringgit. Menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menjalankan tugas-tugas asas termasuk memastikan kemudahan perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti, selesa dan mesra rakyat.

❖ *Selenggara dan Naik Taraf Prasarana Kesihatan*

215. Tahun hadapan, sejumlah 1.35 bilion ringgit disediakan bagi menyelenggara prasarana kesihatan termasuk memperbaiki tandas hospital yang uzur dan wad-wad pesakit yang usang.

216. Kerajaan juga terus menaik taraf klinik-klinik daif seluruh negara. Di bawah MADANI, peruntukan bagi maksud ini ditingkatkan setiap tahun iaitu 100 juta ringgit (2023), 150 juta ringgit (2024) dan 300 juta ringgit untuk tahun hadapan.

❖ *War on Sugar*

217. Malaysia antara paling obes di rantau Asia Tenggara. Dan salah satu musuh utama penyakit tidak berjangkit ialah gula.

218. Bagi menyokong gerakan *War on Sugar*, Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari 2025 sebanyak 40 sen seliter.

219. Tambahan hasil yang diraih akan dimanfaatkan untuk menampung perbelanjaan kesihatan awam antaranya meliputi:

- Penambahan bekalan ubat SGLT-2 inhibitors bagi kegunaan rawatan diabetes.
- Penyediaan rawatan Dialisis Peritoneal untuk pesakit buah pinggang tahap akhir kepada lebih banyak pesakit selain FELDA yang turut menambah baik pusat dialisis mereka.

220. Sebagai menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat, 27 juta ringgit disediakan bagi merancang lagi aktiviti sukan dan riadah rakyat termasuk penganjuran Hari Sukan Negara.

221. Kerajaan bercadang memperluas skop pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan perubatan meliputi bayaran ujian pengesanan penyakit, pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan dan kit ujian pengesanan penyakit sebagai langkah ke arah amalan penjagaan kesihatan sendiri.

❖ *Perkhidmatan Kesihatan Awam Berdaya Tahan*

222. Sistem dan struktur perkhidmatan kesihatan awam perlu diperkasa supaya lebih berdaya tahan, mampan dan mandiri.

- Ikhtiar Rakan KKM akan diperkenalkan melibatkan kerjasama GLIC bagi menyediakan pilihan perkhidmatan kesihatan berbayar pada kadar berpatutan kepada pesakit. Pelaksanaan ini akan bermula di lima hospital KKM yang mempunyai permintaan tinggi serta infrastruktur sesuai seperti Hospital Cyberjaya dengan peruntukan awal 25 juta ringgit.
- Kerajaan juga meningkatkan jalinan kerjasama dengan 91 hospital swasta bagi menyumber luar pesakit KKM melibatkan perkhidmatan seperti kardiologi, radiologi dan nefrologi. Pendekatan ini secara tidak langsung mewujudkan elemen persaingan mendapatkan harga terbaik buat Kerajaan. Penyumberluaran akan diteruskan melibatkan Institut Jantung Negara bagi pesakit jantung dari kalangan pesara Kerajaan yang berumur 65 tahun dan ke atas.

- Kerajaan akan melaksanakan dasar *off-take* atau perolehan khusus daripada syarikat yang membuat pelaburan domestik baharu untuk mengeluarkan produk farmaseutikal dan peranti perubatan kritikal. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong keterjaminan bekalan ubat dari sumber tempatan, malah berupaya mengurangkan kos dalam jangka masa sederhana. Kerajaan juga akan menggalakkan pelaburan untuk mewujudkan pengeluaran vaksin halal.

❖ *Pusat Kecemerlangan Kesihatan*

223. Perlu diiktiraf, pakar-pakar kesihatan terbaik negara yang berkhidmat di hospital Kerajaan termasuk di Pusat-pusat Kecemerlangan seperti Hospital Serdang untuk rawatan jantung; Hospital Selayang untuk Transplant & Hepatobiliari; Institut Kanser Negara, Putrajaya; Institut Endokrin Putrajaya; Institut Urologi dan Nefrologi, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Kuala Lumpur.

224. Bagi mengukuhkan Pusat-Pusat Kecemerlangan yang telah dikenal pasti, Kerajaan menyediakan peruntukan 100 juta ringgit termasuk untuk perolehan peralatan terkini. Di samping pusat kecemerlangan sedia ada, Kerajaan juga sedang melaksanakan kerja-kerja awalan bagi menubuhkan Pusat Kanser di Kuching dan Hospital Pakar Jantung di Kota Kinabalu.

❖ *Penyakit Jarang Jumpa*

225. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Tabung Penyakit Jarang Jumpa. Tahun hadapan:

- Peruntukan bagi menampung kos perubatan penyakit jarang jumpa ditingkatkan kepada 25 juta ringgit.
- Skim mySalam juga diperluas untuk turut meliputi penyakit jarang jumpa dan Rheumatoid Arthritis.
- Sumbangan ke dalam Tabung Penyakit Jarang Jumpa juga layak mendapat potongan cukai bersamaan jumlah sumbangan sebenar.

IKHTIAR 43: RUMAH KEDIAMAN RAKYAT

226. Kerajaan MADANI meletakkan keutamaan memastikan perumahan mampu milik untuk rakyat:

- Hampir 900 juta ringgit bagi melaksanakan 48 Program Residensi Rakyat (PRR) dan 14 projek Rumah Mesra Rakyat termasuk dua projek PRR baharu di Port Dickson dan Seberang Perai Tengah. 30 projek PRR dijangka siap penghujung 2025 yang bakal memanafaat hampir 17,500 penghuni baharu.

- SJKP telah luluskan 12.8 bilion ringgit Jaminan Kerajaan kepada lebih 57 ribu pembeli rumah pertama. Ini termasuk Saudara Venukannan Balakrishnan, seorang pemandu e-hailing yang tidak punyai pendapatan tetap. Melalui SJKP, beliau mengecap impian memiliki rumah sendiri di Rawang bersama isteri tersayang. Kerajaan akan terus menjamin pembiayaan perumahan sehingga 10 bilion ringgit bagi manfaat 20 ribu pembeli rumah.
- Kerajaan bersetuju menyeragamkan dan menaikkan bantuan bina baharu rumah rakyat antaranya penghuni PPRT, nelayan, Kampung Baru Cina, kepada maksimum 90 ribu ringgit. Kadar siling baik pulih rumah rakyat juga ditingkatkan kepada maksimum 20 ribu ringgit.

227. Perumahan PPR dilaksanakan puluhan tahun untuk manfaat rakyat susah. Kerajaan terus menggembleng usaha memastikan persekitaran PPR dan komuniti perumahan yang lebih manusiawi.

- Rumah strata kos rendah dan sederhana awam diselenggara termasuk mengganti lif-lif usang dengan peruntukan hampir 200 juta ringgit.
- 48 buah Taman Awam MADANI dinaik taraf meliputi kawasan rekreasi serta landskap serba indah di bandar dan pekan kecil dengan peruntukan hampir 100 juta ringgit.
- Kampung Baru Cina diperuntukkan 84 juta ringgit antaranya untuk menaik taraf kemudahan asas dan sosial bagi

kegunaan komuniti. KPKT juga diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan keperluan di perkampungan kaum India.

- Program Anak Kita terus diperkasa dengan peruntukan 30 juta ringgit sebagai ikhtiar bersepadu menangani isu keciciran 80 ribu anak-anak. Yayasan Hasanah juga menelusuri isu keciciran termasuk menarik minat anak-anak menceburi bidang TVET.
- Usaha menangani isu malpemakanan dalam kalangan anak-anak di PPR Lembah Klang diperhebat melalui projek rintis yang turut dibiayai bersama Pertubuhan Kanak-Kanak Sedunia dengan peruntukan 5 juta ringgit.
- Aktiviti ekonomi rakyat seperti perusahaan makanan menggunakan platform Dapur Digital oleh Pepper Labs dipergiat dengan peruntukan 5 juta ringgit.
- 180 kamera litar tertutup berdefinisi tinggi dan 45 butang cemas akan dipasang di Putrajaya dan Labuan bagi meningkatkan tahap keselamatan.
- Kerajaan akan membentuk sebuah rangka kerja pemerikasaan komuniti bagi memperkukuh peranan persatuan penduduk sebagai pemudah cara di peringkat komuniti. Persatuan penduduk diberi latihan kepimpinan sewajarnya oleh Yayasan Sime Darby, NGO dan agensi Kerajaan berkaitan.

228. Bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama, Kerajaan bercadang memberikan pelepasan cukai individu sehingga 7,000 ringgit ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan seperti berikut:

- Pelepasan cukai sehingga 7,000 ringgit diberikan bagi rumah kediaman berharga sehingga 500 ribu ringgit.
- Pelepasan cukai sehingga 5,000 ringgit diberikan bagi rumah kediaman berharga melebihi 500 ribu hingga 750 ribu ringgit.

Pelepasan ini boleh dituntut bagi tiga tahun taksiran berturut-turut ke atas perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

IKHTIAR 44: PRASARANA ASAS DESA

229. Prasarana asas di kawasan kampung, desa dan pedalaman terus ditumpukan bagi memberi keselesaan kepada rakyat dengan peruntukan hampir 2.9 bilion ringgit.

- Jalan-jalan kampung akan dibina dan dibaiki seperti di Kota Belud, Sabah; Pasir Puteh, Kelantan dan Kuala Lipis, Pahang dengan peruntukan hampir 1.8 bilion ringgit.
- Projek bina dan baiki jambatan serta pemasangan dan selenggara lampu jalan kampung diteruskan melibatkan kos dan peruntukan lebih 350 juta ringgit.
- Bekalan air bersih dan elektrik di Sabah dan Sarawak meliputi 5,150 buah rumah dengan peruntukan hampir 500 juta ringgit.
- Kerajaan juga menyokong kerjasama universiti awam dalam menambah baik prasarana kampung seperti kejayaan projek pemasangan solar di Pulau Tuba oleh Universiti Malaysia Perlis.

IKHTIAR 45: KETERSAMBUNGAN DIGITAL

230. Digital Nasional Berhad (DNB) telah diambil alih oleh entiti swasta susulan liputan 5G yang melepasi 80 peratus kawasan berpenduduk di Malaysia. Melangkah ke hadapan:

- Kerajaan akan mengumumkan rangkaian kedua 5G sebagai usaha meningkatkan daya saing bidang ICT.
- Kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan 5G terutamanya dalam memacu kes-kes penggunaan 5G oleh industri menjelang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

231. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dengan dana lebih 300 juta ringgit bersetuju untuk menambah baik capaian internet di universiti awam, sekolah, kem-kem tentera dan institusi MARA.

IKHTIAR 46: PENGANGKUTAN AWAM

232. Kerajaan akan terus pastikan sistem pengangkutan awam yang cekap, berpatutan dan selesa untuk manfaat semua rakyat.

- Perkhidmatan Udara Luar Bandar Sabah Sarawak diteruskan dengan peruntukan lebih 200 juta ringgit. Ini termasuk membuka laluan baharu dari Kota Kinabalu ke Layang-layang dan Miri ke Long Banga.

- Prasarana pula telah membuat perolehan 250 bas elektrik tahun ini. Kementerian Pengangkutan juga telah memulakan perolehan 12 gerabak tren penumpang KTMB bagi keselesaan penumpang. Manakala 50 gerabak tren lagi akan diperolehi secara pajakan melalui kerjasama Kerajaan-Kerajaan dengan negara China.
- Pas Bulanan My50 diteruskan bagi manfaat 180 ribu pengguna Lembah Klang menggunakan bas dan rel Prasarana.
- Perkhidmatan bas henti-henti terus disokong dengan peruntukan lebih 270 juta ringgit dan setiap bandar utama di semua negeri akan dipastikan dapat menerima manfaat.
- Capaian bas ditingkatkan di Lembah Klang. 10 juta ringgit disediakan bagi menambah lorong bas khas melibatkan Jalan Ipoh, Jalan Cheras dan Jalan Gombak sepanjang 47 kilometer.
- 100 hentian bas di Lembah Klang akan ditambah baik melibatkan kerjasama GLC dan badan swasta bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna perkhidmatan bas awam.

- Prasarana akan menyediakan kemudahan van untuk anak-anak ke sekolah daripada stesen tren terpilih dengan bayaran 50 sen sehala. Sebagai permulaan, stesen yang terlibat ialah di LRT Sri Rampai dan LRT Melati.
- Kerajaan juga bersetuju memberikan tambang percuma kepada semua mahasiswa universiti, politeknik, kolej komuniti dan matrikulasi di seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan BAS.MY.

233. Penyelenggaraan jalan diberi keutamaan bagi mengurangkan kes-kes kemalangan akibat keadaan jalan yang tidak selamat.

- 2.8 bilion ringgit disediakan untuk menyelenggara Jalan Persekutuan:
 - 1 bilion ringgit dikhaskan untuk segera membaiki jalan bukan utama seperti jalan sekunder, jalan FELDA dan jalan industri serta jalan yang rosak akibat banjir; dan
 - 450 juta ringgit juga dikhaskan untuk kontraktor G1-G4, meningkat ketimbang 300 juta tahun ini.

- Untuk jalan negeri, 5.5 bilion ringgit dana MARRIS disediakan. Kerja pembersihan jalan juga ditambah baik meliputi longkang, saluran air, bahu jalan dan persekitaran sehingga selamat digunakan. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan perolehan sebuah jambatan sementara Bailey kepada semua kerajaan negeri menggunakan peruntukan MARRIS tahun 2025 sebagai persediaan awal kerajaan negeri bagi menangani masalah jalan terputus akibat bencana banjir.
- 178 juta ringgit bagi memasang lampu-lampu jalan baharu dan lampu isyarat pintar di Jalan Persekutuan seluruh negara.
- 30 juta ringgit disediakan untuk terus memanfaatkan peranan 115 Jurutera Daerah sebagai barisan hadapan dalam menyegerakan penurapan Jalan Persekutuan yang berlubang.
- Kerajaan bersetuju memasang *High-Speed Weigh in Motion* di lokasi-lokasi terpilih bagi mengekang nahas jalan raya disebabkan kenderaan lebih muatan.

IKHTIAR 47: GOLONGAN WANITA

234. Purata wanita memegang jawatan lembaga pengarah dalam 100 syarikat teratas yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah pada kadar 32.2 peratus setakat 10 Oktober. Kendatipun sasaran 30 peratus penglibatan wanita telah kita capai, ini masih belum dipenuhi oleh 39 syarikat dalam lembaga pengarah mereka. Kerajaan menyeru supaya sasaran ini dicapai semua syarikat sebelum akhir 2027.

235. Kerajaan akan terus menggalakkan wanita kembali bekerja.

- Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) diperhebat di bawah Kementerian Wanita sebagai usaha melahirkan lebih ramai tokoh korporat dalam kalangan wanita.
- Program *Returnship* akan diperintiskan bagi menggalakkan wanita kembali bekerja dalam sektor kewangan. Program anjuran BNM dan SC ini akan menyediakan kemudahan latihan dan kemudian menghubungkan dengan bakal majikan yang bersesuaian untuk kembali bekerja.
- Kerajaan bercadang memberikan potongan cukai tambahan sebanyak 50 peratus bagi penggajian yang dibayar untuk tempoh 12 bulan, kepada majikan yang menggaji wanita kembali bekerja.

- Sejumlah 470 juta ringgit dana pembiayaan disediakan oleh SME Bank, BSN, Bank Rakyat dan MARA dalam menyokong PMKS wanita mendapatkan modal kerja, membeli aset dan seterusnya meningkatkan kapasiti perniagaan ke tahap lebih tinggi.

236. Terkait pembudayaan kerja dan kehidupan yang seimbang di samping menyokong agenda ekonomi penjagaan kepada pekerja, Kerajaan mencadangkan galakan cukai kepada majikan seperti berikut:

- Potongan cukai tambahan 50 peratus ke atas perbelanjaan kos pembangunan kapasiti dan perolehan perisian yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan pengaturan kerja fleksibel; dan
- Potongan cukai tambahan 50 peratus bagi kemudahan cuti penjagaan tambahan berbayar oleh majikan sehingga 12 bulan kepada pekerja yang menjaga anak atau ahli keluarga yang sakit atau kurang upaya.

IKHTIAR 48: ANAK MUDA

237. Program Latihan Khidmat Negara 3.0 akan dimulakan secara rintis dengan konsep baharu melibatkan peruntukan 50 juta ringgit kepada Kementerian Pertahanan bagi lepasan kadet sekolah. PDRM dan agensi beruniform lain turut terlibat menjayakan PLKN 3.0 menggunakan prasarana sedia ada dengan kerjasama Akademi Kenegaraan.

238. Program Rakan Muda diperuntukkan 25 juta ringgit untuk terus menjadi wadah pembinaan potensi dan identiti belia berjati diri.

239. Skim *Step Up Financing* diperkenalkan di bawah SJKP sebagai jaminan Kerajaan sehingga 5 bilion ringgit khusus untuk golongan muda yang ingin memiliki rumah pertama. Skim ini menawarkan kemudahan bayaran balik pinjaman yang lebih rendah bagi tempoh 5 tahun pertama.

240. Kerajaan melalui TalentCorp menyediakan Geran Padanan 10 juta ringgit di bawah Program Latihan Industri Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES) bagi membolehkan syarikat melatih mahasiswa dalam bidang STEM menerusi latihan industri.

241. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) disediakan 20 juta ringgit untuk terus menggalakkan generasi belia menceburi bidang perniagaan.

IKHTIAR 49: KANAK-KANAK

242. Bayi baru lahir berisiko tinggi dijangkiti Hepatitis B. Ini perlu segera dibendung. Kerajaan menyediakan 5 juta ringgit untuk melaksanakan Ikhtiar 1,000 Hari Pertama Kehidupan. Usaha ini bagi memulakan saringan Hepatitis B secara universal kepada 420 ribu ibu hamil untuk pengesanan dan rawatan awal penyakit dalam usaha melahirkan generasi yang sihat dan produktif.

243. Tahun ini, 122 ribu murid tahun 1 masih belum menguasai literasi dan numerasi. Pendidikan awal mustahak kerana tempoh ini tumbesaran otak berkembang paling pesat seraya perlu dilentur dan dididik sejak awal. Tahun hadapan, Kerajaan akan membina prasekolah baharu untuk pendidikan awal kanak-kanak antaranya:

- 34 prasekolah baharu antaranya di SK Pakatan Jaya, Kinta Utara, Perak dan SK FELDA Palong 1, Jempol, Negeri Sembilan; dan
- 16 TASKA dan TABIKA KEMAS antaranya di Gopeng, Segamat, Rompin dan Kota Samarahan.

244. Bagi terus membantu ibu bapa mendapatkan perkhidmatan pendidikan awal dan penjagaan anak-anak, pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran yuran TASKA dan TADIKA dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2027.

245. Kerajaan cakna dan akan memastikan kebajikan serta pendidikan anak-anak autistik berada pada tahap terbaik.

- 11 Pusat PERMATA baharu akan dibina bagi melengkapkan setiap negeri dengan pusat didikan anak-anak autistik. Ini termasuklah di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.
- Dua sekolah baharu murid berkeperluan khas juga dibina di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru dengan kos 300 juta ringgit. Sekolah di Johor Bahru bakal menjadi sekolah pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pendidikan untuk autistik.
- Elaun Murid Berkeperluan Khas 150 ringgit sebulan juga terus disediakan kepada lebih 110 ribu murid OKU termasuk murid autisme melibatkan peruntukan 200 juta ringgit.
- Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme disediakan bagi meringankan tanggungan ibu bapa yang layak – ini bakal memanfaatkan 30 ribu anak autisme dengan dana 15 juta ringgit.
- Bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selesa dan terangkum, 10 juta ringgit disediakan bagi untuk membantu sekolah autistik swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan melengkapkan kemudahan pembelajaran.

- Sebuah Pusat Perkhidmatan Autisme akan dibangunkan bagi memanfaatkan komuniti autisme dengan peruntukan 5 juta ringgit.
- Had pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan dan pemulihan anak autisme akan ditingkatkan kepada 6,000 ringgit ketimbang 4,000 ringgit.

IKHTIAR 50: WARGA EMAS

246. Peruntukan kebajikan warga emas akan ditingkatkan mencecah 1 bilion ringgit. Ini bagi membiayai bantuan tunai, wang saku institusi warga emas dan pusat aktiviti.

247. Kerajaan bercadang supaya pelepasan cukai pendapatan individu berkaitan aktiviti sukan dan penjagaan kesihatan disemak semula bagi memelihara kebajikan dan menjamin penjagaan warga emas.

Pertama: pelepasan cukai perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh ibu bapa diperluas untuk meliputi kos pemvaksinan;

Kedua: pelepasan cukai perbelanjaan peralatan dan aktiviti sukan diperluas kepada ibu bapa;

Ketiga: pelepasan cukai perbelanjaan rawatan perubatan bagi ibu bapa turut merangkumi datuk dan nenek;

Keempat: pengecualian cukai pendapatan individu ke atas elaun penjagaan anak diperluas meliputi penjagaan warga emas iaitu ibu bapa, datuk dan nenek; dan

Kelima: potongan cukai tambahan bagi majikan yang membayar elaun penjagaan anak turut diperluas meliputi penjagaan warga emas iaitu ibu bapa, datuk dan nenek.

IKHTIAR 51: ORANG KURANG UPAYA

248. Kesejahteraan komuniti orang kurang upaya (OKU) terus dibela:

- Peruntukan bantuan OKU di bawah JKM ditingkatkan kepada 1.3 bilion ringgit ketimbang 1.2 bilion.
- Syarat kelayakan gaji bagi menerima Bantuan Elaun Pekerja OKU akan ditingkatkan kepada 1,700 ringgit ketimbang 1,500 ringgit.
- Kemudahan mesra OKU di seluruh IPTA akan ditambah baik di samping terus melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti untuk OKU dengan peruntukan 30 juta ringgit.
- Kemudahan pembiayaan melalui Skim Sinar BSN disediakan dengan dana 50 juta ringgit untuk OKU ceburi bidang perniagaan.

249. Kerajaan akan meringankan tanggungan pembayar cukai OKU dengan cadangan berikut:

Pertama: pelepasan cukai tambahan bagi OKU dinaikkan kepada 7,000 ringgit;

Kedua: pelepasan cukai tambahan bagi pasangan OKU dinaikkan kepada 6,000 ringgit; dan

Ketiga: pelepasan cukai bagi pembayar cukai mempunyai anak OKU yang belum berkahwin dinaikkan kepada 8,000 ringgit.

250. Bagi memastikan sistem penyampaian awam lebih terangkum, pusat hubungan Kerajaan MyGCC akan menyediakan perkhidmatan khusus untuk memenuhi keperluan pemanggil OKU, seperti menyediakan kemudahan panggilan video dengan bahasa isyarat.

IKHTIAR 52: ORANG ASLI

251. Masyarakat Orang Asli terus terbela di bawah Belanjawan MADANI dengan peruntukan ditingkatkan hampir 380 juta ringgit ketimbang 330 juta ringgit. Ini termasuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli melalui projek pembangunan semula ladang Orang Asli seluruh negara.

252. Sejumlah 10 juta ringgit disediakan untuk NGO dan JAKOA bekerjasama membina rumah di bawah program EPIC Homes yang juga dapat membekal elektrik dan air bersih kepada Orang Asli dengan lebih jimat dan pantas.

253. Isu tanah runtuh kerap berlaku turut memberi kesan besar kepada perkampungan Orang Asli. Kerajaan akan membangunkan profil dan pemetaan kawasan cerun yang berisiko tinggi di perkampungan Orang Asli dengan kos 18 juta ringgit. Ini supaya pencegahan awal dapat diambil sekiranya terdapat perkampungan yang memerlukan perhatian segera.

IKHTIAR 53: PELUANG KEDUA

254. Dasar Peluang Kedua telah beri manfaat kepada lebih 170 ribu rakyat yang diisytihar bankrap untuk membina semula kehidupan. Melangkah ke hadapan, Dasar Peluang Kedua diperluas kepada syarikat-syarikat yang telah dibankrapkan.

255. Bagi mengembalikan banduan ke dalam masyarakat, Program Peluang Kedua (PEKA) oleh Jabatan Penjara akan diteruskan. Agensi Antidadah Kebangsaan turut dilibatkan sesuai keputusan yang disepakati untuk menyahjenayah penagih dadah. 10 juta ringgit disediakan untuk menjayakan program PEKA.

256. Program Baitul Mahabbah akan diteruskan oleh Jabatan Imigresen dengan kerjasama NGO dan pertubuhan antarabangsa berkaitan. Ini bagi memastikan kanak-kanak warga asing mendapat perlindungan di tempat sementara yang sesuai selain di Depot Tahanan Imigresen.

257. Kerajaan akan menggubal akta baharu bagi membolehkan hukuman tahanan di rumah sebagai alternatif untuk kesalahan tertentu. Pesalah dikehendaki berada di tempat tahanan yang dianggap bersesuaian seperti rumah kediaman, rumah jagaan atau asrama pekerja sepanjang tempoh penahanan dengan syarat-syarat ditetapkan dan dipantau oleh Pegawai Penjara.

IKHTIAR 54: SYIAR ISLAM

258. Pemikiran dan aliran yang menyimpang daripada Islam yang sebenar berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah semakin membimbangkan. Usaha bersepadu giat dijalankan bagi mengekang segala aktiviti pemesongan akidah yang kian menular sehingga menimbulkan kegelisahan rakyat Malaysia.

259. Susulan Ops Global yang sedang dijalankan, Kerajaan akan menyediakan tambahan 25 juta ringgit kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi menguruskan anak-anak yang teraniaya serta melaksanakan program pemulihan akidah.

260. Tahun hadapan, peruntukan hal ehwal Islam berjumlah 2 bilion ringgit. Sebahagian peruntukan untuk memperkasa institusi pendidikan Islam:

- 150 juta ringgit dikhususkan untuk menyelenggara prasarana pendidikan Islam JAKIM seperti sekolah pondok, sekolah tahfiz dan sekolah agama rakyat.
- Kerajaan bersetuju menambah kuota guru KAFA sebanyak 1,500 orang, selari dengan tuntutan pendidikan fardu ain untuk anak-anak.

- Bagi membantu penuntut di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Darul Quran JAKIM, Kerajaan bersetuju meningkatkan kadar wang saku penuntut sebanyak 100 ringgit.

261. Insiden membakar al-Quran di Sweden dan penentangan terhadap Islam adalah kerana sifat kejahilan yang menebal. Bagi menyemai kesedaran terhadap Islam, Kerajaan akan melancarkan ikhtiar wakaf Al-quran dengan niat untuk mencetak sejuta naskhah al-Quran untuk diedarkan ke seluruh dunia dengan terjemahan pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris, Sepanyol, Mandarin dan Sweden. Usaha ini akan dilaksanakan JAKIM dengan kerjasama pihak seperti Yayasan Restu.

262. Sebagai tanda persaudaraan, kita mengambil pendekatan membawa lebih 40 rakyat Palestin yang memerlukan rawatan kesihatan ke Malaysia. Bagi menyokong usaha pengumpulan bantuan atas tanggungjawab bersama, Kerajaan mencadangkan penerima manfaat bagi aktiviti kebajikan dan amal khairat di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan diperluas meliputi sumbangan kepada bukan warganegara yang terjejas.

263. Menghargai sumbangan besar lebih 70 ribu guru KAFA, guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja dan marbut, Kerajaan bersetuju menyalurkan sumbangan khas 500 ringgit dengan peruntukan 35 juta ringgit.

IKHTIAR 55: PEMBANGUNAN SUKAN

264. Kita merakamkan ucapan tahniah kepada semua atlet yang berjuang di pentas Olimpik dan Paralimpik Paris. Ini termasuk pencapaian saudara Cheah Liek Hou dan Bonnie Bunyau Gustin yang berjaya merangkul pingat emas. Pembangunan sukan negara terus diperhebat dengan peruntukan lebih 230 juta ringgit. Ini meliputi:

- Program podium, latihan atlet dan *Road to Gold*;
- Persiapan atlet para menjelang sukan para dunia termasuk Deaflympic Tokyo 2025;
- Kerja-karya menyelenggara dan membaiki kemudahan belia dan sukan seluruh negara; serta
- Geran padanan sukan sebagai galakan penganjuran pertandingan sukan oleh persatuan dan NGO.

265. Bagi menyokong pembangunan sukan bola sepak, 15 juta ringgit disediakan kepada Pasukan Harimau Malaya, Pasukan bawah 18 dan bawah 13 dengan kerjasama FAM bagi mendapatkan jurulatih terbaik, mengikuti sesi latihan terbaik serta diberi ganjaran yang setimpal kepada pemain.

266. Kita berbangga dengan kejayaan pasukan badminton negara antaranya beregu wanita Saudari Pearly dan Saudari Thinaah serta beregu lelaki Saudara Sze Fei dan Saudara Izzuddin yang telah mengharumkan nama negara di pelbagai kejohanan antarabangsa. Saya melihat mereka mencerminkan semangat perpaduan serta kelebihan kita sebagai masyarakat berbilang kaum dan agama, yang boleh berjuang bersama dan menjulang kejayaan.

267. Berikutan sambutan hangat saat berkunjung ke India, Pakistan dan Bangladesh baru-baru ini, saya terpanggil untuk turut mengumumkan peruntukan 1 juta ringgit kepada pembangunan sukan kriket.

268. Baru-baru ini juga, Selangor Red Giants telah bergelar juara dunia bagi e-Sports World Cup. Kerajaan bersetuju menyediakan 20 juta ringgit untuk memperkasa ekosistem e-sukan meliputi pembangunan bakat serta naik taraf arena e-sukan.

269. Kerajaan mencadangkan pengecualian cukai pendapatan diberikan ke atas ganjaran hadiah wang tunai kemenangan sukan yang diterima oleh pemenang atlet individu dan pasukan melalui Skim Hadiah Kemenangan Sukan yang diberikan oleh Kerajaan melalui MSN.

IKHTIAR 56: KESUKARELAWANAN

270. Dalam membentuk sahsiah mulia dan menangkis perbezaan sesama masyarakat antara kaum, penganjuran program-program pemupukan semangat perpaduan serta jati diri akan diperbanyak dengan peruntukan 50 juta ringgit.

271. Program komuniti yang menyubur semangat kesukarelawanan akan terus diperkasa dengan peruntukan 150 juta ringgit. Ini antaranya untuk bekerjasama dengan Yayasan GLIC/GLC dan NGO dalam menangani isu-isu rakyat, selain penganjuran gotong-royong PIBG di semua sekolah seluruh negara.

272. Terkait hal yang sama, 50 juta ringgit dana bantuan turut disediakan bagi kerja-kerja baik pulih dan selenggara rumah ibadat bukan Islam yang berdaftar di seluruh negara.

IKHTIAR 57: BAHASA DAN KARYA KREATIF

273. Saya selalu tekankan dalam Gelombang Kebangkitan Asia bahawa pembangunan ekonomi harus seiring dengan pembangunan budaya dan nilai. Khazanah bahasa dan sastera perlu terus dipertahankan agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Bagi mengangkat darjat bahasa dan kesusasteraan, Kerajaan menyediakan 50 juta ringgit untuk Dewan Bahasa dan Pustaka bekerjasama dengan penggiat bahasa untuk mempergiat aktiviti bahasa dan kesusasteraan khususnya dalam kalangan generasi muda. Ini juga termasuk mengalih bahasa karya-karya agung, penganjuran teater serta memelihara bahasa kaum minoriti seperti etnik Siam.

274. Kerajaan mendukung penuh pembangunan industri seni kreatif:

- Peruntukan Dana Kandungan Kreatif ditingkatkan kepada 65 juta ringgit bagi mempromosi karya-karya terutamanya yang berteraskan semangat kenegaraan.
- Hampir 40 juta ringgit turut disediakan di bawah Insentif Filem di Malaysia (FIMI) bagi menyokong penerbitan filem antarabangsa di Malaysia.
- MyCreative Ventures pula disediakan 25 juta ringgit bagi menyokong industri kreatif melalui suntikan ekuiti kepada syarikat berpotensi tinggi dan menyediakan pembiayaan untuk usahawan sosial kreatif.

- Program Belia Kreatif MADANI akan dianjurkan bagi menarik hampir 16 ribu anak muda menceburi bidang seni dengan peruntukan 30 juta ringgit. Aktiviti disematkan termasuklah bengkel kemahiran videografi kandungan kreatif, pembangunan komuniti filem serta pertandingan filem pendek.

IKHTIAR 58: KESELAMATAN DALAM NEGERI DAN PERTAHANAN

275. Maruah dan kedaulatan negara perlu terus terpelihara daripada sebarang ancaman. Keharmonian dikecapi selama ini tidak boleh diganggu-gugat. Perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama yang sekian lama terbina perlu dipertahankan.

276. Kementerian Dalam Negeri menerima peruntukan 19.5 bilion ringgit, menokok sebanyak 500 juta ringgit.

277. Lebih 2.12 bilion ringgit peruntukan aset khusus untuk PDRM dan agensi beruniform di bawah KDN bagi menjamin keselamatan dalam negeri melalui usaha bersepadu membendung peningkatan kes jenayah selain mengekang anasir permusuhan yang memecah-belahkan rakyat.

278. Beberapa pejabat polis baharu dibina tahun hadapan dengan kos 2.1 bilion ringgit. Antaranya melibatkan:

- Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang;
- Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju;
- Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya; dan
- Balai Polis Tanjung Minyak, Melaka.

279. Kementerian Pertahanan pula menerima peruntukan 21.2 bilion ringgit, bertambah 1.4 bilion ringgit.

280. Kerajaan akan terus memastikan kesiagaan penuh Angkatan Tentera Malaysia dengan 5.8 bilion dikhususkan untuk kerja-kerja senggara dan pembaikan serta perolehan aset-aset ketenteraan baharu.

281. Bagi memanfaatkan kontrak senggara, program baharu PROTEGE – Veteran akan diperkenalkan khusus untuk mewajibkan kontraktor menyediakan peluang pekerjaan untuk veteran ATM, terutamanya yang punyai kelayakan TVET.

282. Tumpuan khusus juga diberikan untuk membangunkan industri ketenteraan tempatan melalui pemindahan teknologi daripada pembekal aset ketenteraan dan menggalakkan pemain industri tempatan menembusi pasaran eksport. Sebagai contoh, syarikat tempatan Aerodyne yang muncul sebagai penyedia perkhidmatan dron utama dunia wajar disokong untuk mengeksport aplikasi keselamatan kawalan sempadan.

IKHTIAR 59: URUSAN SEMPADAN NEGARA

283. Acap kali ditegaskan, isu Laut China Selatan perlu diselesaikan di meja rundingan. Kita kekal dengan pendirian bahawa ini boleh ditangani secara aman, kendatipun tidak bermakna kita bertoleransi dengan hak dan kedaulatan negara.

284. Aset-aset perairan akan ditambah dan diselenggara. Ini merangkumi perolehan baharu di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu:

- 6 kapal di bawah *Ship Life Extension Programme Fasa 2*;
- Sebuah kapal *Multi Purpose Mission Ship*; dan
- 2 Kapal Ronda Generasi Baharu.

285. Sejumlah 560 juta ringgit disediakan untuk memperkasa sempadan negara. Antaranya untuk:

- membina baharu dan menaik taraf ICQS di Rantau Panjang dan Bukit Berapit;
- membina dua pos sempadan baharu di Bantul dan Serudung, Sabah; serta
- membekalkan badan penguat kuasa dengan teknologi dron dan AI untuk meningkatkan capaian kawasan boleh diawasi.

286. Selain itu, pembangunan pekan-pekan yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia dan Selatan Thailand turut diberi keutamaan mencakup penyediaan prasarana asas serba lengkap dengan peruntukan hampir 1 bilion ringgit. Ini termasuklah pembinaan jambatan Rantau Panjang ke Golok dan Pengkalan Kubor ke Tumpat dengan kos lebih 50 juta ringgit.

287. Susulan kekangan bekalan air di kawasan ESS Zone, Sabah, 5 juta ringgit disediakan bagi membekalkan air bersih secara hibrid menggunakan air hujan dan air bawah tanah.

288. Terkait urusan keluar masuk sempadan negara:

- Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia telah ditubuhkan bagi meningkatkan pengurusan keluar masuk sempadan.
- Sebanyak 63 negara telah menggunakan sistem pagar automatik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- Kaedah kod QR telah digunakan bagi memeriksa penumpang bas dan pengguna motosikal di pintu masuk utama selatan tanah air, dan ini memendekkan masa pemeriksaan sehingga 40 peratus. 20 juta ringgit disediakan untuk terus memperkasa kawalan pintu masuk negara.

IKHTIAR 60: PENJAWAT AWAM

289. Di kesempatan yang sama, saya ingin mengajak keseluruhan pasukan penjawat awam untuk menerapkan budaya kerja yang baru sebagai menyemangati maksud memulih serta menambah baik kecekapan tahap perkhidmatan kepada rakyat. Sementelahan tidak ada makna sekiranya kebijakan yang kita usulkan tidak dilonjak dengan kecekapan para penjawat awam. Justeru, ketangkasan mesti disemarak dan khidmat bakti kepada rakyat mesti terangkat.

290. Kesejahteraan penjawat awam terus terpelihara:

- Kementerian Kesihatan akan melaksanakan sistem kerja baharu di hospital dan klinik kesihatan secara bersasar. Bagi fasiliti kesihatan yang mengguna pakai sistem ini, Kerajaan bersetuju supaya Elaun Tugas Atas Panggilan dinaikkan antara 55 ringgit hingga 65 ringgit kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian mengikut bidang perkhidmatan dan Jabatan tertentu.
- Seajar dengan dasar pembelajaran sepanjang hayat, Kerajaan memperkenalkan Program APEL.Q di bawah kendalian INTAN. Di bawah program ini, Kerajaan akan menanggung kos pengajian sebanyak 50 peratus atau maksimum 15 ribu ringgit kepada penjawat awam yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

- Lebih 1.8 bilion ringgit disediakan bagi membina, menyelenggara dan membaik pulih semua kuarters penjawat awam termasuk guru, doktor, anggota polis, bomba, penjara dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera.
- LPPSA akan memperkenalkan Skim Pembiayaan Perumahan Muda untuk penjawat awam muda memohon pembiayaan perumahan sehingga 40 tahun.
- Masih segar di ingatan, tragedi serangan di Balai Polis Ulu Tiram yang meragut nyawa dua anggota polis: Allahyarham Lans Koperal Ahmad Azza Fahmi Azhar dan Allahyarham Lans Koperal Muhamad Syafiq Ahmad Said serta Sarjan Mohd Hasif Roslan yang cedera akibat terkena tembakan. Bagi memperkasa perlindungan sosial kepada semua penjawat awam, Skim Ex-Gratia Bencana Kerja akan diperluas dan dipermudah.
 - Bagi anggota pasukan keselamatan dan penguatkuasaan yang hilang upaya kekal semasa dalam operasi, bayaran faedah Ex-Gratia Operasi sehingga 50 ribu ringgit akan diberikan bagi bencana kerja mulai tahun 2024.
 - Bayaran faedah Ex-Gratia Pukul sebanyak 20 ribu ringgit turut diberikan sebagai tambahan kepada waris bagi kes kematian bencana kerja mulai tahun 2024.

- Kadar Elaun Layanan Sentiasa dinaikkan kepada 1,500 ringgit ketimbang 500 ringgit mulai 1 Januari 2025 termasuk kepada penerima sedia ada.

291. Kesejahteraan para pesara dan veteran tentera tidak diabaikan:

- Kerajaan bersetuju supaya kadar Bantuan Sara Hidup berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK) untuk veteran ATM tidak berpencen dinaikkan kepada 500 ringgit sebulan ketimbang 300 ringgit pada masa ini.
- Kerajaan turut bersetuju melanjutkan bayaran Penghargaan Khas Kepada Pesara dan penerima pencen terbitan mulai Januari hingga Disember 2025.

292. Saya amat terkesan dengan keikhlasan penjawat awam yang mencurahkan khidmat bakti tanpa berkira masa, tenaga dan wang ringgit:

- Kisah Cikgu Azam dari SK Klang juga amat menginspirasi. Beliau telah menghasilkan Caballus RAFVI atas inisiatif dan dana sendiri untuk memberikan pengalaman indah kepada anak muridnya yang OKU penglihatan menyertai acara larian bersama rakan-rakannya yang lain.

- Ustaz Wan, seorang guru di SK Nami, Gulau Sik, Kedah secara kreatif menyediakan kemudahan bermain boling di kawasan anjung sekolah untuk anak-anak murid beriadah pada waktu rehat.
- Kerajaan amat menghargai pengorbanan Pasukan MALBATT yang menyumbang tenaga dalam misi di Lubnan. Kita berbangga dengan pencapaian SMART yang diktiraf sebagai pasukan khas kedua terbaik di Asia Tenggara oleh PBB.

Bagi mendorong penjawat awam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat termasuk menggalakkan budaya daya cipta, Kerajaan akan menganjurkan Anugerah Perkhidmatan Awam MADANI sebagai tanda pengiktirafan dengan pemberian ganjaran yang sewajarnya.

293. Kerajaan telah membuat penstrukturan semula skim gaji penjawat awam kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) secara berfasa berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Pembaharuan ini melibatkan pelarasan gaji 15 peratus kepada Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan dan Profesional serta 7 peratus kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Dengan SSPA yang baharu, penjawat awam akan memperoleh pendapatan minimum berjumlah 2,115 ringgit sebulan. SSPA Fasa 1 melibatkan perbelanjaan tambahan berjumlah 10 bilion ringgit untuk tahun 2025.

294. Selaras dengan SSPA, pelarasan pencen akan dilaksanakan secara berfasa berdasarkan pelarasan peratusan ke atas gaji akhir pesara mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing termasuklah pesara ATM.

295. Sukacita saya mengumumkan, Kerajaan bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak 500 ringgit kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak. Bantuan Khas Kewangan turut diberikan kepada semua pesara Kerajaan termasuk veteran berpencen dan veteran tidak berpencen sebanyak 250 ringgit. Bantuan ini akan disalurkan pada bulan Februari 2025.

296. Atas keprihatinan terhadap permasalahan rakyat dan tantangan fiskal yang menghimpit, saya amat berterima kasih kepada Tan Sri KSN dan Tan Sri KPPA, atas kepimpinan mereka, barisan Pengurusan Tertinggi Gred Utama TURUS telah menunjukkan tauladan dan secara sukarela memilih untuk menyumbang balik pelarasan gaji 7 peratus yang ditawarkan di bawah SSPA.

297. Sementara itu, menteri-menteri serta lantikan politik juga akan terus membuat pemotongan 20 peratus gaji dan saya sendiri tidak akan menerima gaji.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua,

298. Akhirul kalam, kita bersyukur kehadiran Illahi kerana haluan dan kemantapan negara kian jelas memancar. Angka pertumbuhan, pelaburan mula meyakinkan; pemantapan tatakelola melalui penguatkuasaan tegas dan reformasi institusi kini bertapak jelas; dan budaya mempedulikan rakyat kian berbekas.

299. Semua ini merupakan petanda awal ke arah penjelmaan negara madani yang diidamkan. Dan demikianlah hasil permuafakatan semua pihak, pimpinan, jentera pentadbiran, pedagang-pengusaha, pekerja dan rakyat keseluruhannya. Sesungguhnya keamanan dan kestabilan ini perlu diperkukuh bagi memupuk semangat perpaduan kaum, negeri, muhibbah serta kasih sayang. Rakyat mampu terangkat dan terbela sekiranya kita semaikan ihsan, rasa cinta dan iringan doa kehadiran Illahi.

300. Mari kita hadham petikan bait-bait puisi 'Kepada Cinta' oleh penyair 'Teguh Esha' berikut:

Kepada Cinta aku bertanya: "Mengapa benci marak di sini?"

Kepada Doa aku bertanya: "Mengapa dusta laris di sini?"

Kepada Berita aku berkata: "Mengapa fakta dikhianati?"

"Kepada Sastra aku bercerita tentang kata-kata yang berubah arti.."

Banyak orang bicara cinta sambil menyebarkan bara benci

Banyak nian para pendusta berlagak kawan sejati

Banyak orang menghafal doa tapi mereka tidak mengerti

Banyak orang berbuat dosa tapi berlagak suci.."

Kepada Cinta aku berkata: "Padamkan benci di banyak diri..."


Kepada Doa aku bisikkan: "Tetaplah murni jangan tercemari!"

Kepada Rindu aku kisahkan: "Doa dan cinta kekal abadi.."

Kepada Allah aku memohon: "Teguhkan aku di semua segi.."

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



“

Ini adalah Belanjawan rakyat. Saya ingin merangkul seluruh kekuatan rakyat sepertimana yang pernah saya lontarkan sebelum ini bahawa tidak pernah kita punyai kesempatan terbaik untuk melakar agenda memperkasa ekonomi dan mengangkat martabat rakyat seperti yang kita saksikan sekarang. ”

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN


DILARANG
MEROKOK



Lampiran I

Ringkasan Langkah Belanjawan 2025

TUMPUAN 1: MENJANA PERUBAHAN KE PUNCAK MAKNA


1. Tanggungjawab Fiskal & Pengurusan Hutang

- Unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia 2025 **4.5% - 5.5%**
- Unjuran Bank Dunia bagi KDNK 2024 **4.9%**

| KDNK 2024 dianggar mencatat pertumbuhan lebih kukuh antara 4.8% - 5.3% berbanding unjuran asal | |
|---|-------------|
| Tahun | KDNK |
| 2023 | 3.6% |
| 2024 - Unjuran Belanjawan | 4.0% - 5.0% |
| 2024 - Kemaskini | 4.8% - 5.3% |
| 2025 - Unjuran Belanjawan | 4.5% - 5.5% |

- Unjuran defisit fiskal bagi tahun 2025 **3.8%**

Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan



2. Kutipan Hasil

- Unjuran hasil Kerajaan bagi tahun 2025 **RM339.7b**

3. Penyasaran Subsidi

- Jumlah keseluruhan peruntukan untuk subsidi, bantuan dan insentif **RM58.2b**
- Penjimatan tahunan melalui penyasaran subsidi elektrik di mana 85% rakyat kekal menikmati subsidi sementara pengguna elektrik melebihi 600 kWj perlu membayar penuh tanpa subsidi **RM4b**
- Pelarasan tarif air telah dilaksanakan mulai Februari 2024 bagi mengurangkan beban pengurusan kewangan negeri -
- Jangkaan penjimatan tahunan melalui pengapungan harga ayam tanpa menjejaskan bekalan ayam di pasaran **RM1.2b**
- Jangkaan penjimatan tahunan melalui penyasaran subsidi diesel dengan jualan diesel bersubsidi menurun 30% dengan penjimatan lebih RM600 juta sebulan **> RM4b**
- Penyasaran subsidi petrol RON95 akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2025. Kerajaan akan terus menanggung subsidi bagi 85% rakyat yang dianggarkan sebanyak RM12 bilion -
- Peruntukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk membanteras ketirisan **RM60j**

- Hasil rampasan KPDM dan JKDM mencecah hampir RM2 bilion
- Memperkasa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi mengengkang aktiviti kartel, pakatan harga dan monopoli

RM27j

Kerajaan Komited Melaksanakan Penyasaran Subsidi Secara Berperingkat



4. Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2025

- Peruntukan Keseluruhan Belanjawan MADANI Ketiga: **RM421.0b***
 - a) Belanja Mengurus: **RM335.0 bilion**
 - b) Belanja Pembangunan: **RM86.0 bilion**
 - c) Simpanan Luar Jangka: **RM2.0 bilion**

**Tidak termasuk RM2.0 bilion simpanan luar jangka*

- Peruntukan selain Pembangunan Kerajaan seperti berikut:
 - a) Projek Usaha Sama Awam-Swasta (PFI): **RM9.0 bilion**
 - b) Pelaburan Langsung Domestik GLIC: **RM25.0 bilion**

Jumlah keseluruhan pelaburan awam: **RM120.0 bilion**



5. Pembangunan Terangkum

Projek-projek baharu akan diselaraskan semula mengikut keutamaan negeri antaranya:

| Negeri | Projek |
|-----------------|---|
| Perak | <ul style="list-style-type: none">a) Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan utara Perak dan Pulau Pinangb) Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) sebagai hab hijau berteknologi tinggi pertama di Asia Tenggarac) Lembah Teknologi Tinggi Automatif (AHTV) di Tanjong Malim sebagai hab automotif negara dipacu oleh Proton dan Geelyd) Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC) sebagai hab industri maritim serantau |
| Pahang | <ul style="list-style-type: none">a) Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi melibatkan sungai-sungai di Pahangb) Projek pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands dengan menaik taraf jalan dari Bulatan McDonald's ke Persimpangan Brinchang |
| Johor | <ul style="list-style-type: none">a) Projek pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat (4) kepada enam (6) lorong Fasa 3 dari Simpang Renggam ke Machapb) Projek RTS Johor-Singapura yang dijangka beroperasi pada 2027c) Projek Pembinaan Baraj dan Takungan Air Pinggiran Sungai di Sungai Sedili Besar, Kota Tinggi |
| Kelantan | <ul style="list-style-type: none">a) Projek pembinaan Loji Rawatan Air Machangb) Projek Pemanjangan Landasan Kapal Terbang di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu |

| Negeri | Projek |
|--------------|--|
| Melaka | <ul style="list-style-type: none"> a) Pembinaan Pusingan U Bertingkat dan <i>Direct U-Turn</i> dari Persimpangan Pulau Gadong hingga Persimpangan Taman Cheng Perdana, Melaka Tengah b) Pembinaan Pasar Besar Melaka Sentral |
| Perlis | <ul style="list-style-type: none"> a) Projek pembinaan jalan menghubungkan Jalan Pesisir Pantai ke Kuala Sanglang serta naik taraf Jalan Persiaran Wawasan, Kangar daripada dua (2) kepada empat (4) lorong b) Projek naik taraf Pos Kawalan dan pembinaan blok baharu di Kompleks ICQS Wang Kelian |
| Selangor | <ul style="list-style-type: none"> a) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat 2 b) Pembesaran Pelabuhan Klang ke arah aspirasi sebagai 10 pelabuhan terbaik dunia. Kerajaan turut akan melebarkan jalan di Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara Klang |
| Kedah | <ul style="list-style-type: none"> a) Kulim Hi-Tech Park yang menempatkan syarikat semikonduktor dari Jerman, Infineon Technologies. Mereka bersetuju menambah pelaburan RM30.1 bilion untuk membina kilang fabrikasi kuasa silikon karbida (SiC) terbesar dunia b) Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Kulim |
| Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> a) Membangun Rantau Warisan dengan membaik pulih Bangunan Sultan Abdul Samad, Bangunan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Carcosa Seri Negara oleh Khazanah b) Projek Lebuhraya Laluan Istana-Kiara (LIKE) daripada Jalan Duta ke Jalan Istana |

| Negeri | Projek |
|------------------------|---|
| Negeri Sembilan | <ul style="list-style-type: none"> a) Projek Naik Taraf Jalan Bahau-Keratong, Jempol b) Projek Naik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuala Sawah |
| Pulau Pinang | <ul style="list-style-type: none"> a) Projek LRT Pulau Pinang b) Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang c) Projek Batu Kawan Industrial Park 3 |
| Terengganu | <ul style="list-style-type: none"> a) Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus b) Loji Janakuasa Solar Hibrid Cypark, Merchang c) Projek Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid Kenyir dan hab hidrogen hijau |

- Peruntukan pembangunan Sabah **RM6.7b**
- Peruntukan pembangunan Sarawak **RM5.9b**
- Pemberian Khas kepada Sabah dan Sarawak **RM1.2b**

| Peningkatan Ketara Kadar Pemberian Khas kepada Sabah dan Sarawak | | |
|---|------------------------|--------------------------|
| Tahun | Sabah (RM juta) | Sarawak (RM juta) |
| 1973-2021 | 26.7 | 16.0 |
| 2022 | 125.6 | 16.0 |
| 2023 | 300 | 300 |
| 2024 | 306 | 306 |
| 2025 | 600 | 600 |

- 17 pakej kerja Pan Borneo Sabah Fasa 1B telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) meliputi jajaran Kota Belud ke Kudat; Tawau ke Kampung Lot M dan Telupid ke Ranau **RM9.7b**
- Pan Borneo Sarawak dijangka siap November 2024 -
- Empat (4) pakej kerja Sabah Sarawak Link-Road (SSLR) Fasa 2 telah dimuktamadkan **RM7.4b**
- Projek Pembesaran Lapangan Terbang Tawau, Sabah dan Lapangan Terbang Miri, Sarawak **RM253j**
- Pembangunan Pusat Kanser Sarawak di Kota Samarahan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak **RM1b**

6. Kerjasama Awam-Swasta

- Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi meningkatkan pelaburan swasta sebanyak RM78 bilion dan menjana 900,000 peluang pekerjaan menjelang 2030. Projek pembangunan mengambil kira elemen 'pengguna bayar'. Antara projek-projek berkepentingan rakyat yang menggunakan pakai pendekatan ini adalah: -
 - a) Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor;
 - b) Lebuhraya Bertingkat Juru dan Sungai Dua, Pulau Pinang;
 - c) Lebuhraya WISE dari Gopeng ke Kuala Kangsar, Perak;

- d) Projek Tanaman Padi Lima Musim Dua Tahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah dan Perlis; dan
- e) Lebuhraya WCE bagi jajaran Banting ke Gelang Patah diberi keutamaan perancangan

7. Perangi Rasuah

- Peruntukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) **RM360j**
- Rang Undang-Undang (RUU) Kebebasan Maklumat dan RUU Perolehan Kerajaan akan dibentangkan bagi memperkasa tatakelola dan kecekapan perkhidmatan awam -
- Pindaan ke atas Akta Audit bagi memberi kuasa kepada Ketua Audit untuk menyemak dan mengaudit pengurusan dana awam termasuk syarikat yang menerima jaminan Kerajaan di bawah pendekatan "*Follow The Public Money Audit*" -
- Peruntukan untuk Jabatan Audit Negara bagi memulakan pengauditan terhadap hampir 2,000 syarikat dan entiti yang menerima peruntukan dan jaminan Kerajaan **RM200j**

8. Institusi Parlimen

- Peruntukan untuk Parlimen termasuk memperkasa peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai badan semak dan imbang bagi memelihara kebebasan Institusi Parlimen **RM180j**

- Menyokong usaha All-Party Parliamentary Group Malaysia Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) yang merentasi kawasan parlimen dan parti politik **RM20j**

9. Reformasi Perundangan

- Peruntukan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sebagai komitmen memperhebat reformasi perundangan dan institusi **RM209j**
- Pembentukan Pasukan Reformasi Perundangan bagi menerajui usaha mengemaskini lebih 3,000 undang-undang lapuk khususnya undang-undang komersial seperti Akta Kontrak 1950 -
- Penubuhan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna bagi mengawal selia penyedia kredit bukan bank dan penyedia perkhidmatan kredit seperti syarikat pemfaktoran, pemajakan bukan bank dan "Beli Sekarang Bayar Kemudian" -
- Akta Kredit Pengguna (CCA) menyediakan rangka kerja untuk mengawal selia industri kredit bagi memastikan amalan kredit yang bertanggungjawab serta telus -
- Menaik taraf prasarana kehakiman termasuk pembangunan sistem e-Kehakiman bagi menyokong agenda digital **RM61j**
- Menggantikan Akta Bantuan Guaman 1971 dengan suatu Akta baharu yang lebih terangkum termasuk khidmat bantuan guaman secara digital -
- Pembangunan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia di Bandar Enstek, Negeri Sembilan **RM137j**

10. Reformasi Institusi Kerajaan

- Penggabungan entiti Kerajaan dengan fungsi yang hampir sama bagi memastikan mandat penubuhan dapat dizahirkan dengan lebih efektif. Penggabungan ini termasuk:
 - a) Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM);
 - b) Perbadanan InvestKL dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA);
 - c) Razak School of Government (RSOG) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); dan
 - d) Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
- Garis Panduan Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP) disediakan bagi memastikan badan berkanun mencapai tujuan penubuhan serta tidak tersasar daripada tujuan asal
- Penubuhan Pejabat Penyelaras Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan bagi menelusuri semula hala tuju BBP, keupayaan kewangan serta pertindihan peranan. Sekitar 544 entiti di bawah ekosistem BBP terlibat dan turut diperluas merangkumi Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG)

11. Itizam Kecekapan Pentadbiran

- Penggubalan RUU Itizam Kecekapan Pentadbiran Awam meliputi tiga (3) anjakan besar iaitu mengurangkan birokrasi, mempercepat proses dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan -
- Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam menumpukan lima (5) keberhasilan iaitu Nilai dan Tatakelola, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Organisasi, Penyampaian Perkhidmatan dan Sinergi Strategik Awam dan Swasta -
- Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) akan bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi memperluas Ikhtiar Reformasi Kerenah Birokrasi di semua agensi Kerajaan, termasuk mengkaji peraturan yang boleh memendekkan proses kelulusan untuk kemudahan rakyat, peniaga dan pelabur **RM25j**
- Penambahbaikan perkhidmatan kaunter-kaunter Kerajaan dan pewujudan saluran berpusat di Pusat Transformasi Bandar (UTC) bagi membantu rakyat susah untuk memohon bantuan merentasi pelbagai agensi termasuk: -
 - a) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menambah 1 jam waktu operasi kaunter;
 - b) Sebuah UTC akan dibangunkan di Seberang Perai, Pulau Pinang. Semua UTC akan dibekalkan dengan Sistem Penggiliran (QMS) supaya rakyat mendapat nombor giliran secara dalam talian sebelum berurusan (RM4j);

- c) Ikhtiar Kiosk Sentuhan MADANI akan dilaksanakan dengan menghimpun pelbagai kiosk perkhidmatan Kerajaan di kawasan tumpuan ramai supaya rakyat boleh berurusan dengan Kerajaan di luar waktu pejabat;
 - d) Penggunaan iPayment di semua kaunter Kerajaan sebagai platform pembayaran tanpa tunai; dan
 - e) Naik taraf klinik kesihatan di UTC (RM6j)
- **Pemeriksaan perkhidmatan bergerak bagi memenuhi keperluan masyarakat desa dan pedalaman: RM100j**
 - a) Peluasan perkhidmatan Mobile Community Services di Sabah dan Sarawak dengan cadangan lokasi termasuk Kampung Pangaraan, Sabah dan Pulau Bruit, Sarawak (RM2j);
 - b) Peluasan perkhidmatan klinik bergerak yang meliputi fisioterapi, sokongan psikososial, latihan kepada ahli keluarga untuk menguruskan pesakit terlantar di rumah serta saringan mamogram oleh hospital pengajar universiti seperti PPUM (RM13j);
 - c) Klinik Kesihatan dan Klinik Gigi Bergerak termasuk penambahan sembilan (9) Klinik Gigi Bergerak menjadikan 54 buah di seluruh negara (RM63.4j);
 - d) Jerayawara Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ke seluruh negara untuk penerapan elemen literasi kewangan kepada masyarakat;
 - e) Science on Wheels oleh Pusat Sains Negara sebagai pusat sains mini bergerak bagi memperluaskan

jangkauan dan capaian program STEM ke kawasan luar bandar, pedalaman dan terpencil (RM5j);

- f)** Pemeraksanaan Perkhidmatan Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) JPN melalui 4WD MEKAR (RM1j);
- g)** Mahkamah dan Bantuan Guaman Bergerak (Justice on Wheels) (RM5j); dan
- h)** Bank BSN Bergerak ditambah empat (4) lagi menjadikan 16 buah terutamanya untuk Sabah dan Sarawak bagi memudahkan penyaluran bantuan Kerajaan (RM10j)

12. Sejati MADANI

- Peruntukan antara RM50,000 hingga RM100,000 kepada jawatankuasa masyarakat untuk kegiatan ekonomi komuniti -
- Perhebatkan ikhtiar Sejati MADANI dengan jalinan kerjasama lebih luas termasuk: **RM1b**
 - a) Merancakkan ekonomi komuniti di desa, bandar, pedalaman dan perkampungan Orang Asli di bawah seliaan ICU JPM. Jawatankuasa kampung akan memutuskan aktiviti ekonomi yang akan diceburi oleh komuniti (RM600j);
 - b) Memperluas manfaat Program Kampung Angkat MADANI di 200 kampung diterajui Kementerian/Jabatan (RM200j);
 - c) Peruntukan untuk universiti awam melaksana Kampung Angkat MADANI serta institusi TVET menawarkan khidmat komuniti dan khidmat TVET (RM100j); dan
 - d) Memperkasa komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui pelbagai program sosioekonomi (RM100j)

- Syarikat sawit utama seperti KLK, IOI, SD Guthrie, TH Plantations dan United Plantations akan mengambil pekebun kecil sawit angkat yang berjiran dengan ladang mereka untuk memberikan bantuan meliputi bekalan benih terkini dan baja terbaik serta pematuhan piawaian mampan -

- Mudah cara proses perolehan bagi projek-projek berkepentingan rakyat: -
 - a) Had nilai bagi kerja gotong-royong ditingkatkan kepada RM200,000;

 - b) Had nilai sebut harga bagi kerja penyelenggaraan dan penggantian lif melibatkan perumahan rakyat dan kuarters dinaikkan sehingga RM1.2 juta; dan

 - c) Had nilai untuk lantikan terus dan sebut harga bagi semua kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil turut dinaikkan masing-masing kepada RM200,000 dan RM1 juta sebagai tambahan kepada projek sekolah, klinik daif dan fasiliti kesihatan sedia ada

13. Penggunaan Sumber Yang Optimum

- Kerajaan memutuskan agar operasi pejabat luar negara yang bukan di bawah satu bumbung untuk berpindah ke Pejabat Canseri atau digabungkan dengan pejabat berdekatan untuk menjimatkan kos operasi dan mengoptimumkan sumber -
- Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) akan meneliti ruang dan bangunan yang kosong milik agensi Kerajaan, GLIC dan GLC untuk dimanfaatkan sebagai prasekolah, taska dan pusat latihan kemahiran -
- Pemusatan aplikasi agensi Kerajaan seperti PADU, JPJ dan LHDN di bawah Aplikasi Tunggal MyDigital ID seiring dengan transformasi digital -
- Memanfaatkan hasil penjualan Nombor Plat Khas (NPK) untuk memperluas MyLesen kepada 15,000 pelajar sekolah menengah/universiti serta belia daripada kumpulan B40 yang sedang mencari pekerjaan melalui pemilikan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 (Motosikal) -
- Penjualan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) kepada syarikat automotif secara pukal bagi membiayai inisiatif berpaksikan rakyat sedia ada seperti FlySiswa, Penukaran Topi Keledar Percuma kepada 67,000 keluarga B40, MyLesen dan Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS - PERKESO) -
- Kerajaan komited untuk menambahbaik tatakelola sistem pengurusan belanjawan berasaskan *outcome* (Outcome Based Budgeting) bagi memastikan setiap peruntukan disediakan mencapai objektif sekaligus memenuhi harapan dan keperluan rakyat -

14. Keselamatan Siber

- Memperhebat peranan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) melibatkan kolaborasi Bank Negara Malaysia, PDRM dan institusi kewangan **RM20j**
- Peluncuran Portal Fraud Kebangsaan bagi memerangi penipuan dalam talian dengan kaedah pengesanan transaksi yang mencurigakan secara automatik -
- Pindaan Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] bagi membolehkan tindakan lebih berkesan diambil oleh badan penguat kuasa untuk mengekang sindiket akaun keldai -
- Penggubalan RUU Keselamatan Dalam Talian bagi memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap keselamatan khususnya yang melibatkan kanak-kanak -
- Menambah sebanyak 100 perjawatan di Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bagi memperkukuh keselamatan siber negara **RM10j**
- Peruntukan untuk CyberSecurity Malaysia termasuk: **RM53j**
 - a) Pembangunan keupayaan penilaian dan pengujian keselamatan teknologi siber termaju (CENTREACT) (RM8j);
 - b) Pengukuhan pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman siber (RM8j);
 - c) Pensijilan keselamatan digital dan privasi (RM7j);

- d) Pengukuhan keupayaan sistem forensik siber (RM6j);
 - e) Program galakan pemeraksanaan keselamatan siber Malaysia kepada PKS (RM6j); dan
 - f) Pengukuhan modal insan etika siber nasional ke arah profesionalisme keselamatan siber (RM2j)
- Memastikan kecerdasan buatan dapat dimanfaatkan untuk mengesan, mencegah dan menangani jenayah atas talian **RM2.5j**
 - Kerajaan, melalui MCMC, memperketat kawal selia melalui Pasukan Petugas Khas Menangani Jenayah Dalam Talian yang melibatkan pelbagai Kementerian -

15. Musibah & Bencana

- Peruntukan dan penyaluran segera kepada PBT untuk kerja-kerja pembersihan dan naik taraf longkang dan parit bagi mengurangkan masalah banjir **RM150j**
- Peruntukan Keseluruhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) termasuk persiapan mendepani musibah banjir (RM300 juta turut disediakan pada tahun ini sekiranya terjadi musibah banjir menjelang hujung tahun) **RM582j**
- Geran padanan disediakan segera kepada Yayasan GLIC dan GLC untuk memperhebat respons dan penyaluran bantuan kepada mangsa di kawasan terjejas banjir **RM20j**

- Kerja-kerja pembersihan dan menaik taraf longkang dan parit dalam usaha mengurangkan masalah banjir di beberapa kawasan hotspot di bawah PBT. Bagi memastikan pelaksanaan segera, JPS dan PBT dibenarkan melaksanakan perolehan sehingga RM1 juta melalui kaedah sebut harga dalam kalangan kontraktor G1 hingga G3 berdaftar secara undian **RM50j**
- Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) bagi 12 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), antaranya melibatkan: **RM3b**

 - a) RTB Sungai Damansara, Selangor;
 - b) RTB Sungai Likas, Kota Kinabalu, Sabah;
 - c) RTB Sungai Triang, Bera, Pahang;
 - d) RTB Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus, Terengganu; dan
 - e) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 2, Kota Bharu
- Program Pencegahan dan Pembaikan Cerun Seluruh Malaysia **RM251j**
- Program Pemulihan Tanah Jerlus di Kerian Laut, Perak; Kedah dan Perlis **RM21j**
- Melaksanakan Kajian Geoteknikal Struktur Lapisan Tanah di jalan-jalan utama sekitar Segi Tiga Emas Kuala Lumpur **RM10j**
- Pembaikan kerosakan balai Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di seluruh negara **RM3j**

- Tingkatkan keupayaan bantuan konsular kepada diaspora Malaysia termasuk ketika berdepan situasi darurat, evakuasi dan keperluan lain yang mendesak

RM20j

TUMPUAN 2: MEMBUGAR EKONOMI KE MEDAN JAYA

16. Kerangka Insentif Pelaburan Baharu

- Pengenalan Kerangka Insentif Pelaburan Baharu yang menumpukan aktiviti bernilai tinggi pada suku ketiga 2025 yang berfokus kepada tahap kerencaman sektor ekonomi, penjanaaan pekerjaan berpendapatan tinggi, pewujudan perkumpulan ekonomi khas dan mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah serta pelaburan berlandaskan ESG -
- Fasilitasi pelaburan yang inklusif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang di seluruh negara dengan memperkenalkan dana pelaburan strategik bernilai RM1 bilion sebagai usaha meningkatkan kapasiti bakat tempatan dan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dilaksanakan di negara ini RM1b
- Kerajaan komited untuk memperkemas insentif sedia ada, mewujudkan insentif bukan cukai baharu serta mengkaji kebolehlaksanaan Kredit Cukai Pelaburan Strategik bagi mengurangkan kesan Global Minimum Tax (GMT) -
- MIDA akan menjadi pihak berkuasa melulus untuk pas pengajian melibatkan graduan bukan warganegara lepasan universiti tempatan bagi memenuhi keperluan modal insan dalam sektor-sektor NIMP -

17. Pelaburan Strategik

- Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) di bawah NIMP 2030 untuk pelaburan padanan melalui platform pendanaan awam ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) untuk pengembangan vendor tempatan dalam sektor E&E, kimia khusus dan peranti perubatan bagi mengukuhkan rantai bekalan tempatan dan ekosistem utama

RM131.5j

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

| Program/Skim | Peruntukan | Tujuan | Terma Pembiayaan |
|---|------------|---|--|
| Dana Pelaburan Bersama Strategik NIMP 2030 (CoSIF) | RM131.5j | Dana pelaburan bersama melalui platform ECF dan P2P yang diluluskan SC bertujuan untuk menarik peserta pelabur dalam pembiayaan sektor keutamaan dan sektor pertumbuhan baharu yang dikenalpasti bawah NIMP2030 | Platform ECF/P2P akan menilai kelayakan PKS dan MTC pemohon dalam sektor NIMP 2030 berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan MITI Kadar pembiayaan, saiz dan tempoh: Akan ditentukan oleh platform ECF/P2P yang akan menerbitkan kempen pembiayaan syarikat pemohon Nisbah padanan 1:3 (RM1 akan dibiayai oleh CoSIF untuk setiap RM3 diterbitkan daripada kempen ECF/P2P) |

- Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF) bagi menggalakkan inovasi syarikat tempatan untuk mengadaptasi teknologi dan mensasar pewujudan 3,000 kilang pintar menjelang 2030
- Ikrar kolektif oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) untuk pelaburan langsung domestik berjumlah RM120 bilion dalam tempoh 5 tahun akan datang di bawah fasa pertama ikhtiar Program GEAR-uP (Government-linked Enterprises Activation and Reform Programme). RM25 bilion akan dilaburkan pada tahun 2025

RM68.5j

Komitmen Pelaburan Langsung Domestik Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Selaras dengan Sektor Pertumbuhan Negara

| | | | |
|---|--|---|---|
| <p>Tumpuan baharu untuk Malaysia...</p> | <p>... bagi memubah sektor strategik dan syarikat tempatan ...</p> | <p>... menjadi peneraju bagi syarikat tempatan dalam menjaga kebijakan pekerja dan komuniti...</p> | <p>... bertindak bersepadu merentasi GLIC dan Kerajaan</p> |
| <p>Pelaburan Langsung Domestik</p> <p>RM 120 bn 2024-2028</p> <p>Di samping pelaburan sebanyak RM 440 bilion dalam pasaran modal awam</p>  |  <p>Pelaburan untuk melahirkan ekosistem bernilai tinggi bagi mencapai wawasan negara...</p> <p>... dengan menggembeng tenaga GLIC-GLIC bagi menyokong usahawan tempatan di setiap peringkat pertumbuhan</p> | <p>Mengiktiraf tanggungjawab untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan negara dan keadilan sosial (cth., komitmen GLIC terhadap gaji sara hidup RM3,100)</p>  |  <p>Kerjasama silang merentasi GLIC dalam bidang strategik (cth., pelaburan oleh Khazanah dan KWAP untuk mengukuhkan ekosistem modal teroka)</p> <p>Kerjasama antara GLIC dan Kerajaan untuk meningkatkan kesihatan awam (cth., Rakan KKM)</p> |

Program Pelaburan Pasaran Persendirian oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan

| Program/Dana | Saiz program (RM juta) | Tempoh | Tujuan |
|---|-------------------------------|---------------|--|
| Dana Pemacu (KWAP) | 6,000 | 2024-2028 | Untuk memperkukuh pasaran persendirian Malaysia mencakup ekuiti persendirian, prasarana dan hartanah |
| Dana Perintis (KWAP) | 1,000 | 2024-2028 | Menyokong aktiviti syarikat mula niaga dan modal teroka tempatan melalui pelaburan langsung dan tidak langsung |
| National Fund-of-Funds (Khazanah) | 1,000 | 2024-2028 | Pelaburan menasarkan syarikat mula niaga berdaya cipta dan bertumbuh tinggi melalui dana modal teroka dan ekuiti persendirian |
| Program Syarikat Mid-Tier (Khazanah) | 1,000 | 2024-2028 | Untuk meningkatkan daya saing syarikat tempatan dengan pertumbuhan dan bernilai tinggi melalui pembiayaan dan program sokongan |
| Pembangunan Ekosistem Semikonduktor (Khazanah) | 1,000 | 2024-2028 | Untuk menerajui pelaburan bagi menyokong ekosistem semikonduktor tempatan |

18. Syarikat Mula Niaga

- National Fund-of-Funds (NFOF) yang akan ditubuhkan oleh Khazanah dengan dana RM1 bilion untuk tempoh 4 tahun bagi manfaat pengurus dana modal teroka melabur dalam syarikat mula niaga **RM300j**
- Dana Perintis di bawah KWAP dengan dana RM1 bilion untuk tempoh 4 tahun bagi menyokong aktiviti syarikat mula niaga tempatan **RM200j**
- Program di bawah Cradle Fund untuk mengenal pasti dan membantu syarikat-syarikat mula niaga yang berpotensi berkembang ke peringkat serantau dan global **RM50j**
- Geran padanan bagi menggalakkan kerjasama GLC dengan syarikat mula niaga melalui inisiatif modal teroka korporat di bawah Corporate Innovation Accelerator Programme kendalian Cradle Fund **RM15j**
- Bank Negara Malaysia akan memudah cara proses kelulusan aliran dana rentas sempadan di bawah Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing bagi memperkukuh ekosistem modal teroka supaya kekal berdaya saing dalam menarik pelaburan asing. Kelulusan aliran dana rentas sempadan melibatkan syarikat pengurusan dana modal teroka dan ekuiti persendirian kini boleh dibuat berdasarkan jumlah saiz mandat dana -
- Penyediaan fasiliti yang kondusif bagi menarik perhatian syarikat-syarikat pemula memulakan perniagaan di Kuala Lumpur **RM5j**
- Pelbagai latihan keusahawanan PMKS di bawah The Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR) **RM2j**

- Business Export Program untuk pengantarabangsaan PMKS dalam sektor bernilai tinggi (SME Bank) **RM5j**
- Dana Mudahcara MySTI - pemangkin penggunaan inovasi hasil R&D tempatan dalam perolehan Kerajaan **RM5j**
- Peruntukan kepada *startup*, antaranya: **RM77.5j**
 - a) Cradle Fund (RM24.5j);
 - b) MDV (TACT 2.0) (RM30j);
 - c) MDV (Tech FMG) (RM18j); dan
 - d) MRANTI (RM5j)

19. Digitalisasi dan Automasi

- Pelaburan berjumlah USD16.9 bilion daripada syarikat gergasi teknologi dunia AWS, Microsoft, Google dan Oracle secara berperingkat sehingga 2038 -
- Penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) mengadun usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi AI melalui kerjasama dengan akademik dan industri **RM10j**
- Pengisytiharan penubuhan Rangkaian Keselamatan AI ASEAN (ASEAN AI Safe) yang turut dianggotai negara tetangga dalam menggembeng kepakaran dan keselamatan AI **RM3j**
- Kerajaan bercadang melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat awal tahun hadapan bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing. Hasil kutipan levi akan disalurkan kepada industri bagi automasi dan mekanisasi -

- Geran Padanan Digital PMKS dan Geran Digital Penjaja di bawah BSN untuk usahawan tempatan kekal berdaya saing dalam pasaran **RM50j**

- Memperkasa fungsi Pusat NADI di seluruh negara sebagai platform komuniti untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti keusahawanan dalam talian, peruntukan untuk tempoh 5 tahun di bawah SKMM **RM100j**

- Meneruskan inisiatif Pusat Komuniti Desa bagi merapatkan jurang digital di kawasan luar bandar **RM10.5j**

- Geran padanan perbelanjaan R&D dan latihan yang layak bagi tingkatkan produktiviti: **RM20j**
 - a) Dana Pemacu Pelaburan Domestik (DIAF) bagi syarikat domestik (RM5j); dan
 - b) Dana Pemacu Pelaburan Langsung Asing (FIAF) bagi syarikat MNC (RM15j)

- Peruntukan bagi galakan aktiviti e-dagang di bawah MATRADE, MARA, MDEC **RM24j**

- Projek menaiktaraf infrastruktur asas kawasan perindustrian berintegrasi sedia ada **RM15j**

- Peluncuran portal sehenti pelabur InvestMalaysia sebagai titik sentuh utama pelabur dalam dan luar negara bagi memperoleh maklumat, data serta naratif strategik terkait hala tuju ekonomi negara **-**

20. Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura

- Forest City telah diluluskan sebagai Pulau Bebas Cukai bagi menyokong aktiviti pelancongan dan ekonomi setempat. Sebagai tambahan pakej galakan cukai bagi Zon Kewangan Khas Forest City juga telah diumumkan pada September 2024 untuk merancakkan aktiviti perkhidmatan kewangan seperti perkhidmatan perniagaan global kewangan dan *fintech* -
- Skim Pejabat Keluarga Tunggal untuk Zon Kewangan Khas Forest City bagi menggalakkan pengurusan dana keluarga. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan menjadi pihak berkuasa melulus bagi permohonan pas untuk kemasukan pelabur pasaran modal tertakluk kepada syarat yang ditetapkan -
- Kerajaan akan menyediakan insentif khas Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bagi menarik pelaburan berkualiti dan pekerjaan bernilai tinggi. Insentif khas ini akan diumumkan menjelang akhir tahun ini -
- Penubuhan Invest Malaysia Facilitation Centre - Johor (IMFC-J) bagi mempercepat pelbagai proses kelulusan termasuk memberi khidmat nasihat yang dapat mengurangkan kerenah birokrasi di pelbagai peringkat untuk memudah cara pelaburan JS-SEZ -

21. Sokongan Pasaran Eksport

- Pelancaran Program Syarikat Mid-Tier oleh Khazanah Nasional bagi menyediakan pembiayaan yang menyokong pembinaan keupayaan syarikat tempatan **RM1b**
- Skim Insentif Pemampanan Pengeksport disediakan oleh EXIM Bank bagi mendorong pengeksport tempatan memperluas operasi ke pasaran luar **RM750j**
- Geran bayaran balik (MDG) bagi membantu pengeksport Malaysia mempromosi produk dan perkhidmatan buatan Malaysia di pentas antarabangsa khususnya meneroka pasaran baharu di Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah **RM40j**
- Membina dan menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara Klang, Selangor **RM107j**

22. Pelancongan & Kebudayaan

- Kempen Melawat Malaysia 2026 bagi mengangkat negara sebagai destinasi pelancongan utama Asia **RM400j**
- Geran Sepadan Sektor Pelancongan (GSSP) bagi penganjuran acara pelancongan **RM50j**
- Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) bagi penganjuran acara seni budaya **RM30j**
- Geran Sepadan Penerbangan Antarabangsa dan Charter (GSPC) bagi meningkatkan jumlah penerbangan asing **RM30j**
- Dana Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) bagi pemasaran aktiviti pelancongan **RM20j**

- Menggalakkan aktiviti seni, budaya dan warisan **RM5j**
- Mempromosikan budaya dan seni menerusi makanan warisan **RM5j**
- Menggalakkan pembangunan komuniti kraf tangan dan batik **RM5j**
- Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara dalam usaha memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam **RM15j**
- Menambah baik dan melengkap kawasan tumpuan pelancong dengan kemudahan asas, menjalin kerjasama ekopelancongan dan menyokong pencalonan UNESCO antaranya termasuk: **RM110j**
 - a) Menambah baik kemudahan di Taman Negara Endau Rompin, Johor; Pulau Redang, Terengganu; dan Pantai Tusan Bekenu, Sarawak;
 - b) Menjalin kerjasama ekopelancongan dengan UNDP dan Habitat Foundation; serta
 - c) Pencalonan UNESCO seperti Tapak Lombong Bijih Timah Sungai Lembing, Pahang; budaya perarakan Chingay dan tarian singa
- Memulih serta mengangkat nilai Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara oleh Khazanah sebagai ikhtiar berterusan dalam memelihara Kuala Lumpur sebagai bandar raya budaya dan kreatif. Ini termasuk pembinaan jambatan bertingkat yang akan menghubungkan Taman Botani Perdana dengan Carcosa Seri Negara mulai tahun hadapan **RM600j**

- Memulihara jambatan gantung monorel di Putrajaya agar menjadi tarikan pelancong **RM15j**
- Sokongan insentif penganjuran program pelancongan termasuk acara sukan antarabangsa **RM4j**
- Peruntukan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) bagi program pelancongan kesihatan **RM31j**
- Peruntukan bagi Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) **RM8.2j**
- Peruntukan bagi muzium **RM60j**

23. Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025

- Penetapan agar semua Kementerian dan Jabatan yang terlibat dengan penganjuran mesyuarat dan aktiviti, hendaklah memperoleh kraf tangan daripada pengusaha tempatan bagi menyokong penggiat kraf tangan sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 -
- Memudahkan perolehan cenderamata sehingga had nilai RM100,000 dan sebut harga sehingga RM1 juta bagi menyokong penggiat kraf tangan sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 -

24. Peralihan Tenaga

- Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara untuk mengalihkan sektor tenaga ke arah mencapai sasaran gas rumah hijau sifar bersih seawal 2050 **RM305.9j**
- Projek NETR yang akan memasuki fasa pelaksanaan: -
 - a) Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid Kenyir dan hab hidrogen hijau di Terengganu yang berupaya menghasilkan 1,000 MW dan separuh kapasiti ini akan digunakan untuk projek hab hidrogen hijau pertama di Terengganu melibatkan kerjasama PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB); dan
 - b) Pelaksanaan Program Large Scale Solar (LSS) untuk membangunkan loji jana kuasa solar berskala utiliti dengan tawaran kuota 2,000 MW. Proses bidaan telah ditutup dan penilaian dijangka selesai selewat-lewatnya Disember 2024
- Inisiatif bagi meningkatkan capaian Tenaga Boleh Baharu (TBB) -
- Pelaburan oleh UEM Lestra dan TNB bagi meningkatkan keupayaan rangkaian transmisi dan pengedaran serta menyahkarbon kawasan perindustrian bagi menampung keperluan industri terhadap TBB **RM16b**
- Program Corporate Renewable Energy Scheme (CRESS) sebagai inisiatif akses grid terbuka bagi membolehkan syarikat korporat memperolehi dan memilih bekalan elektrik hijau secara langsung daripada penjana TBB di pasaran -

- Program Net Energy Metering (NEM) dilanjutkan sehingga 30 Jun 2025 sebagai galakan pemasangan sistem solar PV seperti berikut:
 - a) Kuota tambahan sebanyak 50 MW untuk pengguna kategori domestik di bawah program NEM Rakyat; dan
 - b) Kuota tambahan sebanyak 300 MW untuk pengguna kategori komersial dan industri di bawah program NEM NOVA
- Memperkenal program khusus yang mengutamakan reka bentuk struktur penjanaan TBB dwifungsi seperti konsep *agrivoltaic* bagi mengelakkan kesan negatif loji jana kuasa TBB terhadap pengeluaran bahan makanan
- Memperkenal Kontrak Prestasi Tenaga (Energy Performance Contracting (EPC)) untuk kegunaan semua agensi Kerajaan bagi meraih penjimatan sehingga 10% daripada jumlah bil elektrik
- Pemberian e-Rebat oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah Program Nikmat Untuk Rakyat PETRA (NUR@PETRA) untuk menggalakkan:
 - a) Pengguna domestik membeli kelengkapan elektrik iaitu peti ais dan penyaman udara cekap tenaga; dan
 - b) Sektor industri dan komersial untuk membuat penggantian kelengkapan *chiller* yang lebih cekap tenaga

RM70j

- Menyediakan laluan pejalan kaki dan parkir kereta berbumbung yang dipasang dengan panel solar di Putrajaya sebagai contoh untuk bandar raya yang lain -
- Pembentangan RUU Rangka Kerja Kawal Selia Progresif Mengenai Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) dalam masa terdekat -
- Penerusan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik kepada rakyat berpendapatan tahunan RM120,000 ke bawah dengan nilai rebat tunai sebanyak RM2,400 bagi pembelian motosikal elektrik CKD **RM10j**
- Program Geran Audit Tenaga Bersyarat dan Pengurusan Tenaga bagi memastikan amalan kecekapan tenaga yang baik dalam sektor industri dan komersial **RM24j**
- Merangka program *rooftop* solar yang lebih holistik dengan mengambil kira keupayaan sistem dan rangkaian grid untuk menggalakkan lebih banyak ruang bumbung premis kediaman, industri, komersial dan juga pertanian memasang sistem solar *photovoltaic* (PV) -

25. Perlindungan Khazanah Alam

- Peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT) bagi ikhtiar perlindungan hutan dan hidupan liar termasuk program penanaman semula pokok oleh Kerajaan Negeri. Sebanyak 50% daripada jumlah peruntukan yang diagihkan adalah tertakluk kepada prestasi pelaksanaan dan perbelanjaan oleh negeri **RM250j**
- Menambah bilangan renjer komuniti kepada 2,500 orang melalui Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3) dan Smart Patrol di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dalam Central Forest Spine (CFS): **RM80j**
 - a) Veteran ATM dan PDRM (RM27j);
 - b) Orang Asli (RM20j); dan
 - c) Komuniti setempat, renjer komuniti Sabah & Sarawak (RM33j)
- Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) dan Program Pembersihan Sungai bersama Komuniti dilengkapi elemen *communication, education & public awareness* (CEPA) melibatkan komuniti di sekitar lokasi-lokasi berkenaan, antaranya di: **RM10j**
 - a) Sungai Anak Bukit, Kedah;
 - b) Sungai Pegalan, Sabah; dan
 - c) Sungai Entanak, Sarawak
- Menaik taraf loji rawatan kumbahan serantau sedia ada dan membina rangkaian paip pembentungan di Sungai Kim Kim, Johor untuk mengekang pencemaran air **RM693j**

- Pindaan ke atas Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 bagi memperluas sumber sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) serta memperketat kawalan tatakelola pengeluaran dana -
- Program pengukuhan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan penambahbaikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 **RM3.9j**
- Meningkatkan kecekapan pengurusan Kawasan Perlindungan Marin (MPA) termasuk perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan **RM3.3j**
- Projek Restorasi Hutan **RM98j**

26. Keterjaminan Makanan

- Meneruskan Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi projek pertanian, antaranya: **RM300j**
 - a) Prisma 1: Pelestarian Sawah Nogori di Negeri Sembilan;
 - b) Projek Bawang Perak SADC;
 - c) Projek Ternakan Tilapia Merah Komersial di Pahang;
 - d) Pertanian Pintar & IoT jelapang padi di Pulau Pinang; dan
 - e) Program Baik Pulih Jati Nelayan & Pelepasan Benih di Pulau Pinang

- Memanfaatkan hampir 8,800 ekar tanah terbiar di bawah lembaga kemajuan wilayah dan agensi rangkaian bagi melaksanakan projek pertanian seperti tanaman berkelompok, pembangunan semula sawah serta perusahaan ayam organik dan lembu -
- Program Pembangunan Industri Bawang kepada petani-petani di negeri Perak, Kelantan, Selangor, Johor, Kedah dan Pulau Pinang **RM6j**
- Insentif kepada penternak ruminan kecil yang mempunyai kadar kelahiran ternakan sedia ada sekurang-kurangnya 100% **RM12j**
- Insentif kepada penternak lembu pedaging yang mempunyai kadar kelahiran ternakan sedia ada sekurang-kurangnya 60% **RM8.8j**
- Projek Penanaman Padi Lima Musim Dua Tahun Fasa 1 di kawasan MADA dengan keluasan 11,000 hektar **RM784j**
- Meluaskan estet padi FELCRA di negeri Sarawak dan Sabah untuk agenda keterjaminan makanan **RM10j**
- Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Infrastruktur Sumber Air dan Pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang padi bagi tujuan keterjaminan makanan **RM55j**
- Projek rintis bagi memperoleh pembajaan tepat termasuk menggunakan baja organik mengikut kawasan penanaman padi secara tender terbuka lanjutan keberhasilan pengurusan padi -

- Subsidi, bantuan dan insentif khusus untuk pesawah dan nelayan antaranya: **RM2.7b**
 - a) Skim Takaful Tanaman Padi Perlindungan Pertanian (RM45j);
 - b) Skim Subsidi Harga Padi (RM825j);
 - c) Peruntukan padi huma atau padi bukit (RM57.2j);
 - d) Elaun Sara Hidup Nelayan secara bulanan (RM144.2j); dan
 - e) Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (RM15j)
- Kadar siling bantuan bina baharu atau penempatan semula rumah nelayan kepada RM84,000 untuk Semenanjung Malaysia dan RM90,000 untuk Sabah dan Sarawak -
- Bantuan Rumah Nelayan untuk baik pulih dan bina baharu rumah nelayan **RM10j**
- Pelaburan dana melalui *venture fund* kepada syarikat-syarikat yang berasaskan pertanian, bioteknologi dan *agritech* **RM10j**
- Meneruskan dan memperluaskan Program Kebun Komuniti (Kebuniti) MADANI oleh All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) ke beberapa lokasi yang telah dikenal pasti untuk menyokong agenda keterjaminan makanan **RM10j**

- Meneruskan Program Pembangunan Semula Hasil Baharu Pekebun Kecil bagi penjanaan pendapatan baharu menerusi tanaman jangka pendek dan penternakan **RM112.6j**
- Agenda pertanian lestari termasuk pembangunan kelestarian agromakanan, program kelestarian tanah **RM49j**
- Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi membantu golongan yang terkesan akibat bencana demi memastikan pemulihan dan kelestarian projek agromakanan nasional **RM25j**
- Program Promosi Skim Amalan Pertanian Baik (Good Agricultural Practices (GAP)) untuk menggalakkan pengeluaran hasil yang berkualiti dan selamat dimakan **RM5.5j**
- Melaksanakan Regulatory Impact Assessment (RIA) dalam usaha untuk memperkukuhkan penguatkuasaan kawal selia agromakanan nasional bagi membanteras orang tengah (*middleman*) **RM10j**

27. Perladangan & Komoditi

- Peruntukan agensi perladangan dan komoditi iaitu FELDA, FELCRA dan RISDA untuk menangkis tantangan global dan melengkapinya sektor agrikomoditi dengan teknologi moden **RM2.6b**
- Program Insentif Tanam Semula Sawit kepada pekebun kecil bagi menggantikan sawit tua yang tidak lagi produktif dengan kaedah penyaluran peruntukan 50% geran dan 50% pinjaman mudah **RM100j**

- Petronas akan menjalin kerjasama dengan syarikat perladangan sawit utama bagi penghasilan Sustainable Aviation Fuel (SAF) daripada sisa kilang kelapa sawit -
- Memperkasa kelestarian industri sawit dan Kempen Menangani Antiminyak Sawit: **RM65j**
 - a) Program Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) (RM50j); dan
 - b) Kempen Antiminyak Sawit (RM15j)
- Geran padanan bagi Program Peningkatan Produktiviti Lateks Pekebun Kecil (PROTEKS) di bawah RISDA bagi menggalakkan pekebun kecil getah menghasil getah lateks untuk memenuhi keperluan industri dan mengurangkan import lateks negara **RM60j**
- Peruntukan galakan pekebun kecil mengusahakan semula kawasan ladang getah terbiar dan tidak ditoreh. Ikhtiar ini dilaksanakan melalui pendekatan pajakan tanah, iaitu tanah terbiar akan dipajak untuk diusahakan semula dan keuntungan dibahagikan mengikut persetujuan antara pekebun kecil, agensi pelaksana serta pemilik tanah **RM20j**
- Tabung bencana untuk rawatan dan kawalan penyakit dan serangga perosak bagi sektor agrikomoditi bagi melindungi tanaman daripada serangan penyakit dan serangga perosak seperti penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP), Ulat Bungkus (*Metisa plana*), Ganoderma, Sooty Mold dan lain-lain **RM10j**
- Menaik taraf dan selenggara Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) di seluruh Malaysia **RM19j**

28. Daya Cipta Kewangan Islam

- Dana padanan untuk pembiayaan kewangan Islam baharu berasaskan nilai Islam daripada institusi perbankan Islam dan pelabur swasta. Antara pembiayaan diperintiskan termasuk pembiayaan berasaskan prinsip musharakah yang melibatkan perkongsian risiko dan keuntungan yang adil dengan tumpuan kepada projek kewangan iklim, termasuk projek keterjaminan makanan **RM100j**
- Peruntukan tambahan sebagai geran padanan bagi menyokong lebih ramai usahawan mikro dan menggalakkan penglibatan lebih banyak institusi kewangan dalam inisiatif iTEKAD, dengan RM5 juta khusus untuk menyumbang kepada caruman insurans atau takaful dan RM1 juta khusus untuk peranti mudah alih dengan kerjasama bank digital untuk menyokong usahawan iTEKAD dalam mendigitalkan perniagaan mereka **RM20j**
- Peruntukan kepada MyCIF pada tahun 2025 untuk pelaburan padanan melalui platform ECF dan P2P, dengan insentif untuk menggalakkan model perkongsian risiko kewangan Islam berlandaskan konsep musharakah dan mudharabah **RM40j**
- Menyokong usaha sama antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan INCEIF University dalam meningkatkan lagi kefahaman serta pemakaian nilai-nilai universal ekonomi Islam. Perkembangan penyelidikan dan pembangunan program akademik akan terus mencambah aplikasi ekonomi Islam dalam pembentukan polisi semasa yang selaras dengan prinsip maqasid Shariah yang adil, inklusif, lestari untuk kemakmuran bersama **RM10j**

29. Pembangunan Industri Halal

- Menambah 100 lagi pegawai baharu selaku juruaudit halal di bawah JAKIM sebagai usaha mempercepat urusan pengeluaran sijil halal **RM5j**
- Sistem MYeHALAL ditambah baik bagi mengurangkan tempoh pemprosesan pengeluaran sijil halal antara 15 hingga 23 hari berbanding tempoh 30 hari pada masa ini. Sistem MYeHALAL juga ditambah baik bagi memusatkan 20 agensi Kerajaan dan 100 badan pensijilan halal luar negara di bawah satu platform **RM5j**
- Pembangunan industri halal termasuk Halal Go Global supaya lebih berdaya saing dan dapat menembusi pasaran luar **RM20j**
- Bantuan untuk usahawan halal tempatan beralih ke arah amalan lestari dan hijau bagi meningkatkan potensi perniagaan eksport halal ke luar negara, dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, Bank Pembangunan Islam (IsDB), Pejabat Kumpulan Bank Dunia di Malaysia serta rakan pelaksana terpilih **RM15j**

30. Pembangunan Tanah Wakaf

- Dana dari KWAP bagi meningkatkan pembangunan tanah wakaf untuk membina rumah persaraan mandiri para pesara warga emas yang pendapatan rendah **RM300j**
- Dana dari UDA untuk pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat di tanah-tanah wakaf **RM200j**
- Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menyediakan dana bagi manfaat penjawat awam yang membeli rumah di atas tanah wakaf -
- Jaminan Kerajaan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) untuk program di bawah institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan bagi pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 yang dibangunkan di atas tanah-tanah wakaf -
- PNB melalui Wakaf ASNB terus diperkasa sebagai saluran untuk pemegang unit amanah mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka melalui gabungan pelaburan dan wakaf. Hasil Wakaf ASNB akan disalurkan kepada projek wakaf untuk kemaslahatan ummah -
- Wakaf MARA MADANI bagi menarik sumbangan wakaf daripada sektor korporat termasuk figura yang pernah meraih manfaat daripada MARA bagi mencapai sasaran dana RM1 bilion -

31. Bantuan & Pembiayaan Perniagaan

- Program Kaum India - Program memperkasa sosioekonomi komuniti (MITRA) **RM100j**
- Skim Pembangunan Untuk Masyarakat India (SPUMI) di bawah TEKUN Nasional **RM30j**
- Peruntukan Kempen Beli Barangan Malaysia **RM10j**
- Program Pembangunan Usahawan Francais: **RM8.7j**
 - a) Program Pengukuhan Pembangunan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) (RM2.7j); dan
 - b) Projek Be Your Own Boss (BYOB) (RM6j)
- Pembangunan vendor melalui geran penyelidikan dan pengkomersialan: **RM9j**
 - a) Program Pembangunan Kapasiti Vendor (RM7j); dan
 - b) Program Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor (RM2j)

Kemudahan Pinjaman Perniagaan

RM40b

- Nilai keseluruhan pinjaman dan jaminan pembiayaan yang tersedia untuk manfaat usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), termasuk:
 - a) Skim pembiayaan mikro Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyediakan modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran kepada penjaja dan pengusaha kecil-kecilan (RM1.4b);
 - b) Skim Pembiayaan Inklusif bagi memperkasa usahawan mikro dan peniaga kecil di bawah TEKUN Nasional (RM330j, termasuk pembiayaan perniagaan khusus untuk masyarakat India sebanyak RM30j);
 - c) Jumlah khas untuk menggalakkan wanita dan belia menceburi bidang perniagaan (RM650j);
 - d) Dana Pinjaman BNM bagi menyokong syarikat PMKS termasuk RM3.3 bilion dikhususkan untuk perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah, kontraktor kecil, penerapan amalan kelestarian dan sektor berkaitan keterjaminan makanan (RM7.1b);
 - e) Skim Jaminan Kerajaan melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk terus membantu PKS dengan sektor tumpuan seperti halal, teknologi tinggi, ESG dan pelancongan (RM20b);
 - f) Dana Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi meningkatkan keupayaan koperasi dalam rantai bekalan (RM100j); dan
 - g) Skim CAKNA 1 dan CAKNA 2 bagi membantu aliran tunai vendor Kerajaan (RM200j)

SKIM KREDIT MIKRO

Terma pembiayaan tertakluk kepada syarat dan penilaian kredit institusi kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM)

| Program/Skim | Dana Tersedia | Tujuan | Terma Pembiayaan |
|----------------------------------|---------------|--|--|
| Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) | RM700j | Akses kepada pembiayaan untuk usahawan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro, terutamanya untuk segmen yang tidak atau kurang mendapat akses pembiayaan dari institusi kewangan | Kadar pembiayaan: Akan ditentukan oleh institusi kewangan Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| iTEKAD | RM80j | Membantu usahawan mikro berpendapatan rendah memperkukuh pengurusan kewangan dan kepintaran dalam perniagaan ke arah menjana pendapatan yang berterusan | Kadar pembiayaan, saiz dan tempoh: Akan ditentukan oleh institusi kewangan <i>Nota: RM50 juta peruntukan daripada MEF dan RM30 juta daripada modal permulaan (Contoh: geran padanan dan dana kewangan sosial)</i> |

Bank Simpanan Nasional (BSN)

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--------------------------|-----------|--|--|
| Skim Mikro Umum | RM520j | Semua sektor perniagaan nano/mikro/kecil | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Wanita | RM250j | Wanita yang menjalankan perniagaan nano/mikro/kecil | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Belia | RM150j | Peniaga nano/mikro/kecil berumur 30 tahun ke bawah | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim MulaNiaga | RM50j | Sektor perniagaan nano/mikro/kecil, golongan usahawan belia yang berumur 30 tahun dan ke bawah | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Industri Desa | RM40j | Sektor perniagaan nano/mikro/kecil penggiat industri desa | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Bakti | RM20j | Perniagaan nano/mikro/kecil oleh veteran dari badan beruniform dan pesara perkhidmatan awam | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |

Bank Simpanan Nasional (BSN) *(samb.)*

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|-----------------------------------|-----------|---|--|
| Skim Mikro GIG | RM20j | Sektor perniagaan nano/mikro/kecil golongan gig, termasuk perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Penjaja | RM100j | Sektor perniagaan nano/mikro/kecil penjaja | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Mikro Sinar | RM50j | Sektor perniagaan nano/mikro/kecil golongan bekas banduan, pelatih AADK, JKM, OKU dan PERKESO | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Pembiayaan Perkampungan Baru Cina | RM150j | Perniagaan mikro/kecil penduduk Kampung Baru Cina atau yang beroperasi di kawasan tersebut | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |

Bank Simpanan Nasional (BSN) *(samb.)*

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|---|-----------|--------------------------------------|--|
| Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina | RM90j | Perniagaan mikro/kecil komuniti Cina | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Penjaja Kecil Cina | RM5j | Penjaja komuniti Cina | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |

TEKUN Nasional

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|-----------|--|---|
| Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga - Bumiputera 2.0 | RM300j | Usahawan mikro Bumiputera | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India | RM30j | Masyarakat India yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun |

Dana Bank Negara Malaysia untuk PKS – Kemudahan Terpilih

- Lebih RM7 bilion tersedia di bawah Dana BNM
- Dana akan disalurkan melalui institusi kewangan terlibat (PFI), yang terdiri daripada bank berlesen, institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)
- Permohonan hendaklah dikemukakan melalui PFI dan kelulusan adalah tertakluk kepada penilaian kredit PFI tersebut

| Skim | Dana Tersedia | Tujuan | Terma Pembiayaan |
|--|---------------|---|---|
| Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES) | RM2.1b | Meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi | Kadar pembiayaan: Sehingga 7% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Kemudahan Agromakanan (AF) | RM1.3b | Meningkatkan pengeluaran makanan untuk Malaysia dan dieksport | Kadar pembiayaan: Sehingga 3.75% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 8 tahun |
| Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG) | RM1.3b | Membantu PKS dan syarikat permulaan yang inovatif mengembangkan perniagaan mereka serta melabur dalam sektor strategik dan bidang teknologi digital, teknologi hijau dan bioteknologi | Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% (dengan fi jaminan) Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |

| Skim | Dana Tersedia | Tujuan | Terma Pembiayaan |
|--|---------------|---|---|
| Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) | RM600j | Membantu PKS menerapkan amalan lestari dan rendah karbon dalam operasi perniagaan | Kadar pembiayaan: Sehingga 5% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF) | RM600j | Memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan | Kadar pembiayaan: Sehingga 4% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) | RM200j | Dana khusus untuk perniagaan dalam sektor pelancongan yang masih terjejas akibat pandemik | Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM500,000 untuk PKS dan sehingga RM75,000 untuk usahawan mikro Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium) |
| Disaster Relief Facility (DRF) | RM300j | Meringankan beban kewangan PKS yang terjejas akibat banjir dan membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan | Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM700,000 untuk PKS dan sehingga RM150,000 untuk usahawan mikro Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium) |

Daripada Dana BNM yang lebih daripada RM7 bilion, RM600 juta telah diperuntukkan bagi empat (4) segmen:

1. Perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah

- RM200 juta di bawah MEF, di mana RM50 juta dikhususkan kepada program iTEKAD

2. Kontraktor kecil (G1-G4)

- RM200 juta di bawah AES untuk program CAKNA 2 bagi pembiayaan pra-kontrak kontraktor kecil G1-G4 Bumiputera untuk projek berskala kecil Kerajaan sehingga RM1.5 juta satu kontrak

3. Keterjaminan makanan

- RM100 juta di bawah AF untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan kapasiti import bagi memenuhi permintaan makanan yang semakin tinggi

4. Amalan lestari dan rendah karbon

- RM100 juta di bawah LCTF bagi menyokong pensijilan berkaitan amalan lestari dan hijau

PINJAMAN MUDAH PKS

Terma pembiayaan tertakluk kepada syarat dan penilaian kredit institusi kewangan

Agrobank

| Program/ Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|--------------|--|---|
| Dana Pembiayaan Agromakanan | RM200j | Usahawan tani yang berhajat untuk mengembangkan operasi dan pihak yang ingin menceburi bidang agromakanan | Kadar pembiayaan: Serendah 3% Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun Tempoh penangguhan: Sehingga 6 bulan bergantung kepada kelayakan |
| Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan | RM30j | Usahawan tani yang berhajat untuk menerapkan teknologi untuk memodenkan operasi mereka | Kadar pembiayaan: Serendah 3% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun Tempoh penangguhan: Sehingga 12 bulan bergantung kepada kelayakan |
| Program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) 2.0 | RM100j | Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah kebun sawit tidak melebihi 10 hektar bagi kawasan Sabah & Sarawak, dan tidak melebihi 6.5 hektar di Semenanjung | Kadar pembiayaan: 0% untuk 4 tahun pertama, 2% selepas 4 tahun Saiz: Sehingga RM117,000 Tempoh: Sehingga 12 tahun |

Bank Rakyat Malaysia

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|---------------------|-----------|---|--|
| BRPlus-i BizLady | RM30j | Wanita dalam PMKS serta koperasi untuk kesinambungan perniagaan dan mengurangkan isu aliran tunai | Kadar pembiayaan: SME: BFR+1.5% (termasuk fi jaminan) Koperasi: BFR+0% Mikro: 7.5% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| Pembiayaan PMKS | RM750j | Meningkatkan pertumbuhan dan menggalakkan penglibatan usahawan dalam sektor PMKS | Kadar pembiayaan: Serendah BFR+0% Saiz: Sehingga RM30 juta Tempoh: Sehingga 15 tahun |
| Pembiayaan Koperasi | RM250j | Meningkatkan pertumbuhan dan daya saing sektor koperasi | Kadar pembiayaan: Serendah BFR+0% Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 20 tahun |

EXIM Bank

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|-----------|---|--|
| Skim Insentif Pemampanan Pengeksport (SIP ²) | RM750j | PKS untuk memasuki pasaran antarabangsa | Kadar pembiayaan: Kadar pembiayaan semasa – Insentif 1% Saiz: Sehingga RM20 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|-----------|--|---|
| Program Pembangunan Keusahawanan Spike dan Spike GLC | RM320j | Kontraktor Bumiputera untuk modal kerja kontrak yang diterima daripada Kerajaan/agensi/GLC | Kadar pembiayaan: 6% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Mengikut tempoh tamat kontrak |
| Program Pembangunan Keusahawanan Belia | RM30j | Belia Bumiputera yang berumur 40 tahun ke bawah | Kadar pembiayaan: 0% Saiz: Sehingga RM500,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| Skim Pembiayaan MARA Integrated Smart Auto | RM20j | Usahawan Bumiputera dalam bidang automotif yang menyediakan perkhidmatan 3S (<i>sales, services & spare parts</i>) | Kadar pinjaman: 2% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Skim Pembiayaan Pembangunan Usahawan Profesional | RM40j | Usahawan Bumiputera dalam bidang keusahawanan profesional | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM250,000 (Milikan tunggal/Perkongasian) atau RM500,000 (Syarikat Sdn Bhd) Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita | RM90j | Usahawan wanita Bumiputera | Kadar pembiayaan: 3.5% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun |

Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|-----------|---|---|
| Skim Pembiayaan Mudah bagi Automasi dan Pemodenan | RM180j | Syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20 juta Tempoh: Sehingga 25 tahun |
| Dana Pelaburan Industri dalam Bidang Aeroangkasa dan Elektrik dan Elektronik | RM50j | Syarikat aeroangkasa dan elektrik dan elektronik | Geran padanan: Sehingga 80% berdasarkan perbelanjaan yang layak Jumlah: Sehingga RM40 juta Tempoh projek: Sehingga 12 bulan Yuran pengurusan: 2% |
| Pembiayaan Peluang Kedua | RM29j | Syarikat PKS dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan | Kadar pembiayaan: 3% Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Geran Padanan bagi Perniagaan PKS Bumiputera Industri Aeroangkasa | RM10j | Syarikat PKS aeroangkasa Bumiputera | Geran padanan: Sehingga 80% berdasarkan perbelanjaan yang layak Saiz: Sehingga RM2.5 juta Tempoh projek: Sehingga 12 bulan Yuran pengurusan: 2% |
| Pembiayaan Perniagaan Hijau dan Lestari | RM39j | Syarikat pembuatan dan perkhidmatan dalam ekosistem teknologi hijau | Kadar pembiayaan: 2% Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 25 tahun |
| Pembiayaan Perniagaan Mobiliti Lestari | RM10j | Syarikat dalam ekosistem automotif | Kadar pembiayaan: 2% Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Bergantung kepada jenis pembiayaan |

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--------------------|-----------|----------------|---|
| Pembiayaan PROSPER | RM300j | PKS Bumiputera | Kadar pembiayaan: 5% - 8% Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

| Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|-----------------------------|-----------|--|---|
| Tabung Modal Pusingan (TMP) | RM100j | Untuk koperasi melaksanakan projek yang berdaya maju | Kadar pembiayaan: 1% - 6% Saiz: Sehingga RM30 juta Tempoh: Sehingga 25 tahun Tempoh penangguhan: 3-6 bulan |

SME Bank

| Program/ Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|------------------------------------|--------------|--|---|
| SME Technology Transformation Fund | RM400j | PMKS yang melaksanakan transformasi teknologi dan/atau penerapan Industry4WRD | Kadar pembiayaan: Sehingga 6% Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Program Jaguh Serantau | RM200j | PKS Bumiputera dalam pasaran serantau atau bersedia untuk berkembang ke pasaran serantau | Kadar pembiayaan: Berdasarkan risiko Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun |
| Program Pembiayaan HalalBiz | RM100j | PMKS dalam ekosistem industri halal | Kadar pembiayaan: Sehingga 6% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| MySMELady 2.0 | RM100j | PMKS golongan wanita | Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 5 atau 7 tahun |

| Program/ Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|--------------|---|--|
| Tabung Khas Pelancongan ("TKP") | RM200j | PMKS dalam industri pelancongan bagi keperluan modal kerja dan/atau pembelian aset | Kadar pembiayaan: sehingga 5.5% setahun Saiz: Sehingga RM20 juta Tempoh: Sehingga 20 tahun |
| Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial | RM15j | Untuk modal kerja dan pembelian aset oleh perusahaan sosial | Kadar pembiayaan: 3% - 4% Saiz: Sehingga RM500,000 Tempoh: Sehingga 5 atau 7 tahun |
| Pembiayaan Ekosistem Payung | RM50j | Usahawan PMKS Bumiputera | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| Dana Kelestarian Alam | RM100j | Usahawan PMKS Bumiputera | Kadar pembiayaan: Sehingga 6% Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 5 atau 7 tahun |

Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)

| Jenis | Program/ Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma |
|---------------------|--------------------------------|--------------|---|--|
| Pinjaman subsidi | Skim Pembangunan MADANI | RM2b | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang menyumbang kepada Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ekonomi MADANI serta tidak diliputi oleh program sedia ada, termasuklah berkaitan pembangunan infrastruktur umum, utiliti, pembangunan infrastruktur sosial, keterjaminan makanan dan pelancongan | <p>Kadar Pembiayaan:</p> <p>Kerajaan: COF + Margin - Subsidi 1%</p> <p>Komersial: BFR + Margin - Subsidi 1%</p> <p>Sukuk/Bon: Fi jaminan - Subsidi 1%</p> |
| | Skim Logistik dan Pengangkutan | RM1b | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti berkaitan marin, rantaian bekalan minyak dan gas, aeroangkasa, logistik dan pengangkutan | <p>Saiz: RM20 juta ke atas</p> |

Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)

| Jenis | Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma |
|------------------|--|-----------|--|---|
| Pinjaman subsidi | Skim Pembangunan Mampan dan Peralihan | RM1.4b | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti berkaitan penyesuaian dan mitigasi risiko iklim, pembangunan mampan, ekonomi kitaran serta peralihan (selain tenaga) | <p>Kadar Pembiayaan:</p> <p>Kerajaan: COF + Margin - Subsidi 1%</p> <p>Komersial: BFR + Margin - Subsidi 1%</p> <p>Sukuk/Bon: Fi jaminan - Subsidi 1%</p> <p>Saiz: RM20 juta ke atas</p> |
| | Program Tenaga Boleh Baharu dan Peralihan | RM500j | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti tenaga di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) | |
| | Program Pembangunan Ekonomi Bumiputera | RM500j | Syarikat Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti yang menyumbang kepada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035, seperti (tidak terhad kepada) ekosistem halal dan rantaian bekalan | |
| | Program Infrastruktur Digital dan Sektor Berimpak Tinggi | RM600j | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti berkaitan Revolusi Industri Keempat (termasuk Ekonomi Digital) serta projek yang menyumbang kepada Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) | |

| Jenis | Program/Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma |
|-----------------------------------|------------------------|-----------|---|---|
| Pinjaman/ pembiayaan ekuiti | Program Akses Modal | RM400j | Syarikat yang terlibat dalam aktiviti berkaitan sektor pertumbuhan baharu di samping menyokong perkembangan syarikat PMKS yang memerlukan modal | Kadar pembiayaan: Serendah 8% Saiz: Sehingga RM30 juta Tempoh: Sehingga 5 tahun |

Skim Jaminan Pembiayaan

1. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 5.0) dengan nilai pembiayaan berjumlah RM1 bilion (tanpa subsidi kadar keuntungan)
2. Skim Jaminan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) berjumlah RM20 bilion akan diberikan kepada pembiayaan oleh institusi kewangan. Sektor tumpuan akan diberikan jaminan seperti berikut:
 - Bumiputera (RM5 bilion)
 - Teknologi Tinggi dan ESG (RM3 bilion)
 - Halal (RM1 bilion)
 - Pelancongan (RM1 bilion)

| Jaminan SJPP | Terma Jaminan |
|---------------------------|---|
| Jaminan Pembiayaan | Sehingga 70% Sektor tumpuan: Sehingga 80% |
| Had Pembiayaan | Sehingga RM20 juta |
| Fi Jaminan | Sehingga 1% setahun Sektor tumpuan: Sehingga 0.75% |
| Tempoh | Sehingga 7 tahun |

Golongan Wanita

| Program/ Skim | Saiz Dana | Kumpulan Sasar | Terma Pembiayaan |
|--|--------------|---|--|
| Bank Rakyat Malaysia BRPlus - i BizLady | RM30j | Wanita dalam PMKS serta koperasi untuk kesinambungan perniagaan dan mengurangkan isu aliran tunai | Kadar pembiayaan: SME: BFR+1.5% (termasuk fi jaminan) Koperasi: BFR+0% Mikro: 7.5% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| BSN Skim Mikro Wanita | RM250j | Wanita yang menjalankan perniagaan mikro/kecil | Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun |
| SME Bank MySMELady 2.0 | RM100j | PMKS golongan wanita | Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun |
| MARA Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita | RM90j | Usahawan wanita Bumiputera | Kadar pembiayaan: 3.5% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun |

32. Kemudahan Penjaja & Peniaga Kecil

- Peruntukan bagi tujuan berikut: **RM100j**
 - a) Membina gerai-gerai dan membaik pulih prasarana pasar awam di semua PBT seluruh negara;
 - b) Menyediakan ruang niaga kepada penjaja kecil Tamu Desa Sabah dan Sarawak; serta
 - c) Menaik taraf kemudahan perniagaan di bawah DBKL dan MARA
- Program SHIFT@Wilayah iaitu pemberian bantuan kepada 2,000 usahawan informal bagi memudahkan proses pendaftaran dan pelesenan perniagaan **RM1.2j**

33. Transformasi Ekonomi Bumiputera

- Memperkukuh rangkaian sokongan syarikat Bumiputera sepanjang kitaran perniagaan: -
 - a) Peringkat awal: MARA membantu syarikat mula niaga Bumiputera;
 - b) Peringkat pertengahan: Ekuinas menumpukan pelaburan mempersiapkan syarikat Bumiputera untuk penyenggaraan awam; dan
 - c) Peringkat seterusnya: PNB berperanan sebagai pelabur strategik dalam fasa pembangunan

- Peruntukan keseluruhan bagi kontraktor kecil dan sederhana G1-G4 bagi memberi peluang kepada kontraktor projek-projek kecil dan sederhana **RM1.3b**
- 50 ekar daripada pembangunan projek strategik Bandar Malaysia diperuntukkan sebagai Tanah Rizab Melayu bagi memastikan pembangunan turut tidak mengabaikan kepentingan melaksana projek rakyat -
- PNB dan PHB meningkatkan kerjasama membangun tanah rizab Melayu dalam projek perumahan mampu milik, rumah untuk disewa, penginapan pelajar dan kemudahan penjagaan warga emas -
- Inisiatif di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA35) bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera **RM100j**
- Pemerkasaan program pembangunan keusahawanan bumiputera di bawah MARA **RM500j**
- Kemudahan pinjaman bagi usahawan Bumiputera: **RM185.5j**
 - a) Penilaian dan Kaunseling (RM29.5j);
 - b) Pinjaman/Pembiayaan Secara Islam (RM140j); dan
 - c) Pembangunan Ekonomi Luar Bandar (RM16j)

TUMPUAN 3: MENSEJAHTERA RAKYAT KE TAHAP BAHAGIA

34. Kos Sara Hidup Rakyat

- Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA):

RM13b

- a) 5.4 juta penerima STR kategori isi rumah akan menerima SARA sehingga RM100 sebulan;
- b) Bantuan SARA akan dikreditkan ke dalam MyKAD penerima bermula April 2025;
- c) Kadar STR kategori bujang ditingkatkan kepada RM600; dan
- d) Kadar maksimum yang diterima isi rumah meningkat kepada RM4,600

**Kadar Bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR)
& Sumbangan Asas Rahmah (SARA)**

| Kategori Penerima & Had Umur | Kategori Bantuan/ Pendapatan Bulanan | Bilangan Anak | Jumlah Bantuan STR | Penerima STR Layak SARA (RM100/RM50 untuk 9 bulan) | Jumlah STR & SARA | Tambahan SARA untuk Miskin & Miskin Tegar | Maksimum & Minimum STR & SARA |
|--|---|---------------|--------------------|--|-------------------|---|---|
| Isi Rumah (Tiada had umur) | RM2,500 dan ke bawah (3.1 juta penerima) | Tiada Anak | RM1,000 | RM900 | RM1,900 | RM1,200/ RM600 setahun (RM100/RM50 sebulan) | Maksimum: RM4,600 Minimum: RM600 |
| | | Anak 1-2 | RM1,500 | RM900 | RM2,400 | | |
| | | Anak 3-4 | RM2,000 | RM900 | RM2,900 | | |
| | | Anak ≥ 5 | RM2,500 | RM900 | RM3,400 | | |
| | RM2,501 - RM5,000 (1.0 juta penerima) | Tiada Anak | RM500 | RM900 | RM1,400 | | |
| | | Anak 1-2 | RM750 | RM900 | RM1,650 | | |
| | | Anak 3-4 | RM1,000 | RM900 | RM1,900 | | |
| | | Anak ≥ 5 | RM1,250 | RM900 | RM2,150 | | |
| Warga Emas Tiada Pasangan (≥ 60 tahun) | RM5,000 dan ke bawah (1.3 juta penerima) | Tiada Anak | RM600 | RM450 | RM1,050 | | |
| Bujang (21-59 tahun) | RM2,500 dan ke bawah (3.4 juta penerima) | Tiada Anak | RM600 | - | RM600 | | |

- Pelbagai jenis bantuan kebajikan disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), antaranya bantuan tunai khusus untuk keluarga miskin, OKU dan warga emas dengan kadar bulanan seperti berikut:
 - a) Bantuan Warga Emas dinaikkan kepada RM600 daripada RM500 sebulan;
 - b) Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dinaikkan kepada RM250 daripada RM200 bagi seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah; serta kepada RM200 daripada RM150 bagi seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dengan maksimum RM1,000 sekeluarga; dan
 - c) Untuk Wilayah Persekutuan, Bantuan Am dinaikkan kepada RM150 daripada kadar minimum RM100 dengan maksimum sebanyak RM500 sebulan sekeluarga

- Meneruskan program peruntukan bagi Inisiatif Payung RAHMAH termasuk Jualan Malaysia 2025 dan Jualan Mega RAHMAH. Jualan RAHMAH akan diperhebat bagi menawarkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan di semua DUN setiap bulan

- Program mengawal harga barang, termasuk melalui usaha sama dengan pengusaha pasar raya, pasar borong, kedai runcit, pasar tani, koperasi dan sebagainya

RM2.9b

RM300j

RM700j

- Meneruskan peruntukan peluasan Program Pengedaran Barang Perlu ke beberapa zon termasuk kawasan pengedaran baharu di Magandai, Kota Marudu, dan Nanga Pelawan, Bintulu untuk mengedarkan barangan keperluan asas **RM250j**
- Penerusan Program Rebat Bil Elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar **RM55j**
- Program Penyeragaman Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan **RM40j**

35. Pendapatan Rakyat

- Menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025 -
- Penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima (5) pekerja bagi tempoh enam (6) bulan, dan akan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025. KESUMA akan terbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan sebagai rujukan -
- Dasar Gaji Progresif untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan pendapatan pekerja telah mula dilaksanakan secara rintis pada Jun lalu dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2025 dan memanfaatkan 50,000 pekerja **RM200j**

- Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) - Bantuan untuk miskin tegar dan B40 bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan melalui inisiatif pertanian (INTAN), perniagaan makanan (INSAN) dan operator perkhidmatan (IKHSAN) **RM250j**
- Program Ekonomi MADANI dalam Kem Tentera untuk memberi peluang keusahawanan dalam kalangan isteri warga tentera di kem-kem seluruh Malaysia **RM10j**
- Inisiatif Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP) diteruskan untuk tahun 2025 -
- 2 Year Exit Programme (2YEP) oleh JKM bertujuan menggalakkan penerima bantuan kebajikan ke arah kehidupan yang lebih berdikari melalui peluang pekerjaan atau program menjana pendapatan **RM2j**

36. Perlindungan Sosial

- Peningkatan kadar insentif padanan Kerajaan bagi program i-Saraan daripada 15% kepada 20% daripada jumlah caruman tahunan individu, tertakluk kepada had maksimum insentif padanan tahunan RM500 atau RM5,000 seumur hidup **RM150j**
- Meneruskan insentif padanan Program i-Suri KWSP dengan sumbangan Kerajaan sebanyak 50% daripada caruman tahunan. Had maksimum insentif tahunan RM300 atau RM3,000 seumur hidup dan caruman secara aktif daripada pencarum **RM20j**

- RM100j**
 - Penerusan Program Subsidi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO: Kerajaan menanggung sehingga 70% daripada nilai caruman antaranya bagi orang bekerja sendiri seperti penghantar makanan, petani, nelayan, penggiat seni dan sebagainya

- RM60j**
 - Skim Perlindungan Tenang diteruskan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, industri insurans dan takaful untuk manfaat 2 juta penerima STR. Mereka layak menuntut baucar RM30 untuk membiayai sebahagian daripada kos membeli produk Perlindungan Tenang yang menawarkan perlindungan akibat kematian, kemalangan diri dan risiko am seperti kebakaran dan banjir

- - KWSP sedang mengkaji semula skimnya bagi memperkukuh pendekatan pemindahan antara generasi iaitu sebahagian simpanan KWSP ahli boleh dipindahkan terus ke dalam akaun KWSP ahli keluarga terdekat

- - Kerajaan bercadang mewajibkan semua pekerja bukan warganegara untuk mencarum KWSP. Cadangan ini akan dilaksanakan secara berfasa

- RM30j**
 - Program MYInsentif KESUMA di bawah seliaan HRD Corp adalah seperti berikut:
 - a) Person With Disabilities (PWD) Development;
 - b) Seniors Back in Action (SEBA);
 - c) Second Chance and Opportunities for People to Excel (SCOPE); dan
 - d) Inisiatif meningkatkan kemahiran belia India

37. Pendidikan Arus Perdana

- Peruntukan Kementerian Pendidikan (KPM) **RM64.1b**
- Penyelenggaraan, penambahbaikan dan naik taraf bangunan serta kemudahan sekolah di seluruh negara, termasuk: **RM2b**
 - a) Penyelenggaraan fasiliti terutama keadaan bilik darjah yang uzur di semua jenis sekolah: sekolah kebangsaan, sekolah cina, sekolah tamil, sekolah agama, sekolah dalam kem tentera dan sekolah pendidikan khas OKU (RM1b); dan
 - b) Naik taraf prasarana daif di 543 buah sekolah terutamanya di Sabah dan Sarawak (RM1b)
- Pembinaan 44 buah sekolah baharu antaranya: **-**
 - a) SK Bandar Putra Indah, Batu Pahat, Johor;
 - b) SMK Bandar Seri Putra (2), Hulu Langat, Selangor;
 - c) SMK Lok Kawi, Putatan, Sabah;
 - d) SMK Semeling, Sungai Petani, Kedah; dan
 - e) SK Dudong, Sibu, Sarawak
- Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke 4,323 sekolah di luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi akses kemudahan internet **RM100j**
- Pelaksanaan Projek Point of Presence (PoP) di bawah JENDELA **RM830j**

- Membaik pulih kemudahan seperti sinki, lampu, kipas, meja makan dan persekitaran yang uzur di kantin dan musolla **RM100j**

- Menggalakkan sumbangan badan swasta, syarikat Kerajaan, alumni dan dermawan untuk penambahbaikan kemudahan seperti dewan sekolah -

- Peruntukan keseluruhan bagi 17 jenis bantuan pendidikan seperti bantuan makanan asrama dan prasekolah, antaranya: **RM5.3b**
 - a) Bantuan Makanan Asrama (BMA) (RM2b);
 - b) Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kepada 867,000 murid supaya anak-anak keluarga susah turut dibekalkan dengan makanan berkhasiat (RM870j); dan
 - c) Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM150 kepada murid tahun 1 hingga tingkatan 5 tanpa mengira had pendapatan ibu bapa. Bantuan ini dapat memanfaatkan 5.2 juta murid dan bayaran akan dibuat mulai Januari 2025 (RM791j)

- Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dipertingkatkan **RM180j**

- Peningkatan kadar Bantuan Geran Per Kapita Pendidikan TVET kepada 15% **RM913j**

- Peruntukan Khas Bantuan Persekolahan Pedalaman bagi 687 sekolah pedalaman **RM10j**

- Meningkatkan elaun sara hidup siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di IPG kepada RM530 sebulan -

- Program STI 100³ yang melibatkan 100 orang saintis tempatan dengan sasaran 100 sekolah dalam tempoh 100 hari bagi pembudayaan STI di sekolah **RM1j**
- Memperkasa pendidikan STEM di sekolah KPM dengan menaik taraf makmal komputer dan membekal peralatan baharu **RM36j**
- Bantuan Makanan Prasekolah (BMP) **RM137j**

38. Pendidikan Tinggi

- Peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) **RM18b**
- Peruntukan untuk biasiswa, pinjaman dan elaun pendidikan meliputi pelbagai Kementerian untuk manfaat semua anak muda meneruskan pembelajaran ke menara gading **RM4b**
- Komitmen GLIC dan GLC untuk memastikan sekurang-kurangnya 50% biasiswa dikhususkan untuk anak keluarga berpendapatan rendah dan menengah -
- Dana pembiayaan pendidikan PTPTN untuk memberi keutamaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang STEM di IPTA **RM500j**
- Inisiatif geran pepadanan Geran Padanan Ihsan (GAPAI) sebanyak RM5,000 untuk simpanan di bawah akaun Simpan SSPN bagi pelajar yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi diperluaskan kepada keluarga berpendapatan sehingga RM6,000 **RM5j**

- Pelaksanaan Program Celik MADANI oleh PNB iaitu pembukaan akaun ASB bernilai RM50 secara percuma kepada 100,000 pelajar baharu yang melanjutkan pengajian peringkat tinggi **RM5j**

- Penggantian, naik taraf dan pemulihan infrastruktur dan peralatan usang IPTA bagi mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang bersesuaian dengan keperluan industri **RM501.6j**

- Pendigitalan pendidikan tinggi melalui inisiatif DIGITAL FIRST Pendidikan Tinggi melibatkan digitalisasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di universiti awam, pengkomputeran awan, naik taraf dan meluaskan infrastruktur rangkaian LAN dan wi-fi kampus yang telah usang **RM135.6j**

- Peruntukan disediakan untuk UiTM bagi melahirkan lebih ramai jurutera E&E **RM20j**

- Pembinaan Kolej Matrikulasi Terengganu **RM27j**

- Menaik taraf Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia (IPPT USM) kepada Pusat Pakar Klinikal dan Penyelidikan Kanser, Universiti Sains Malaysia (PPKPK USM) **RM2j**

- Membangunkan pengetahuan dan kemahiran selari dengan keperluan industri E&E melalui pelaksanaan program seperti: **RM3.1j**
 - a) Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP); dan
 - b) MOHE-Intel Elite Internship Programme

- Meningkatkan keupayaan dan pembangunan komuniti bersasar dengan merakamkan hasil penyelidikan IPTA menerusi Program Komuniti@UniMADANI termasuk cadangan projek pencahayaan kawasan sempadan utara negara melalui pemasangan lampu solar oleh UniMAP dengan kerjasama MINDEF (RM3j) **RM15j**
- Projek Malaysia Research and Education Network (MYREN) di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti diteruskan bagi menaik taraf kapasiti jalur lebar **RM80.7j**

39. Kecerdasan Buatan (AI)

- Peluasan menaik taraf fasiliti dan menyediakan platform bagi memperkasa bidang AI kepada Universiti Penyelidikan:

RM50j

- a) Universiti Malaya menumpukan AI bidang perubatan bagi menangkis tantangan penyakit maut seperti kanser;
- b) Universiti Putra Malaysia akan menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia dengan kerjasama NACSA bagi menyusul AI pengkomputeran kuantum sebagai persiapan mendepani ancaman keselamatan siber serba rumit;
- c) Universiti Sains Malaysia menelusuri AI semikonduktor selari dengan status Malaysia sebagai hub semikonduktor dunia; dan
- d) Universiti Kebangsaan Malaysia menerajui AI alih bahasa dalam usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

- Dana R&D di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan pecahan seperti berikut:

RM595j

- a) KPT (RM400j); dan
- b) MOSTI (RM195j)

- Kumpulan Wang Amanah Malaysia Science Endowment (MSE) bagi memacu inisiatif R&D dalam bidang sains dan teknologi dengan penglibatan pihak swasta dan industri melalui penyediaan dana padanan **RM170j**
- Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui Program Malaysia Techlympics yang merangkumi pertandingan, pameran, latihan berfokus dan konvensyen **RM10j**

40. Pemerkasaan TVET

- Keseluruhan peruntukan program TVET, dengan keutamaan diberikan untuk: **RM7.5b**
 - a) Meningkatkan kerjasama dengan industri;
 - b) Menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli; serta
 - c) Membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat
- Dana geran padanan bagi program 'Anak Angkat ILKA' oleh industri **RM50j**
- GLC akan menerajui pembangunan latihan kemahiran baharu untuk industri masing-masing seperti TNB (peralihan tenaga) dan SD Guthrie (mekanisasi dan automasi perladangan) -
- Majikan diberikan kebenaran untuk menggunakan sehingga 50% dana HRD Corp untuk membiayai kemudahan latihan kemahiran termasuk kos peralatan dan ubah suai fasiliti latihan -

- Insentif kepada majikan yang menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan, sebanyak RM600 sebulan selama tiga (3) bulan di bawah seliaan PERKESO **RM20j**
- Kolej vokasional dan sekolah menengah teknik akan terus menyediakan latihan kepada 77,000 orang pelajar **RM1.2b**
- Pembiayaan oleh PTPK untuk manfaat lebih 20,000 pelatih termasuk RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan NIMP seperti MRO, EV, aeroangkasa dan AI **RM543j**
- HRD Corp akan menawarkan 3 juta peluang latihan dan memperuntukkan semula dana khas 15% daripada jumlah kutipan levi bagi Program Latihan MADANI untuk golongan rentan. Majikan dibenarkan menggunakan levi untuk membiayai elaun sehingga RM1,000 selama setahun bagi graduan termasuk menjalani latihan kemahiran **RM3b**
- Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) di bawah Khazanah bagi membekalkan 11,000 bakat tempatan kepada sektor utama seperti semikonduktor **RM200j**

- Program Pemeraksanaan TVET Tahfiz kepada anak Bumiputera dalam usaha melahirkan lebih ramai huffaz profesional berkemahiran, antaranya: **RM55j**

 - a) Sasaran 10,000 pelajar TVET Tahfiz dilatih oleh GIATMARA dan kolej komuniti dalam tempoh lima (5) tahun bagi yang tiada kelayakan SPM;
 - b) Program Tahfiz TVET bagi pelajar tahfiz lepasan SPM mempelbagaikan kemahiran di samping meneruskan pengajian hafazan; dan
 - c) Peluasan akses kepada pelajar institusi tahfiz dan pondok melalui Latihan Kemahiran TVET @ Kolej Komuniti dengan penerapan teknologi digital dan kecerdasan buatan (RM5j)

- Latihan jangka pendek oleh GiatMARA kepada lebih 3,000 pekerja gig **RM10j**

- PERKESO akan membina sebuah pusat rehabilitasi di Terengganu yang menawarkan perkhidmatan menyeluruh meliputi rawatan pemulihan serta program kembali bekerja **RM600j**

- Meningkatkan penglibatan komuniti tumpuan yang mempunyai kemahiran TVET, keusahawanan serta teknologi digital melalui Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di kolej komuniti bagi menambah baik sosioekonomi **RM5j**

- Penubuhan Malaysia-China Institute (MCI) di Bagan Datuk, Perak untuk *High Impact* TVET **RM20j**

- Pelaksanaan kursus TVET Sukan dan TVET Belia Autisme untuk melahirkan belia yang berkemahiran **RM1j**

- Pemeraksanaan Bakat TVET Aeroangkasa di bawah MyAERO Centre of Excellence, NAICO **RM15j**
- Tajaan latihan dan kemahiran oleh pihak berkuasa pelabuhan kepada 60 pelaut tempatan untuk memiliki sijil had pelayaran perkapalan tanpa batas, bagi meningkatkan kemahiran pelaut tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pelaut asing **RM1.5j**
- Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) dengan kerjasama Qualcomm akan membangunkan modul pensijilan Pengujian Frekuensi Radio *Bluetooth* dan wi-fi bagi sektor automotif **RM10j**

41. Penjagaan Kesihatan

- Peruntukan Kementerian Kesihatan (KKM) **RM45.3b**
- Bekalan ubat, reagen, vaksin dan barangan guna habis **RM6b**
- Peruntukan keseluruhan penyelenggaraan prasarana kesihatan seperti tandas dan wad pesakit yang usang termasuk peruntukan RM300 juta menaik taraf klinik daif di seluruh negara termasuk peruntukan RM300 juta menaik taraf klinik daif di seluruh negara **RM1.3b**
- Hasil diraih melalui kutipan tambahan duti eksais minuman bergula akan digunakan bagi inisiatif: -
 - a) Pengukuhan rawatan Diabetes Mellitus menggunakan SGLT-2 *inhibitors* di hospital dan klinik kesihatan KKM seluruh negara;
 - b) Peluasan rawatan Dialisis Peritoneal bagi pesakit buah pinggang tahap akhir (*End Stage Kidney Disease - ESKD*) untuk lebih banyak pesakit KKM seluruh

negara selain FELDA yang menurut menambah baik pusat dialisis di kawasan FELDA; dan

- c) Pengukuhan rawatan pesakit kanser dengan Rawatan Terapi Sasaran (*Targeted Therapy*) di hospital-hospital KKM

- Agenda Nasional Malaysia Sihat 2.0 **RM51j**

- Meningkatkan kebolehcapaian rakyat kepada aktiviti sukan dan riadah (Sukan Untuk Semua) melalui peningkatan akses untuk penggunaan fasiliti dan program sukan kepada kumpulan sasar khusus seperti:
 - a) Pembangunan Sukan Permotoran;
 - b) Program Pembangunan Sukan OKU;
 - c) Program Kemahiran Latihan Asas Sukan (KLAS) Renang;
 - d) Program Pembudayaan Sukan Warga Emas;
 - e) Tayangan Skrin Besar;
 - f) Memperkasa Sukan Mendaki Tembok; dan
 - g) Program Pembangunan Bakat Kecergasan (*cheerleading dan aerobic dance*)

- Penganjuran Hari Sukan Negara **RM3j**

- Inisiatif Rakan KKM dengan kerjasama GLIC untuk fasa perintis bagi memperkasa perkhidmatan kesihatan awam di samping penyediaan pilihan perkhidmatan berbayar pada kadar yang berpatutan. Pelaksanaan akan bermula di lima (5) hospital KKM terpilih yang mempunyai permintaan tinggi dan infrastruktur sesuai seperti Hospital Cyberjaya **RM25j**

- Peruntukan menyumber luar pesakit ke hospital tentera, universiti dan swasta melalui kerjasama awam-swasta dengan 91 hospital swasta dalam penyumberluaran pesakit KKM bagi rawatan dan perkhidmatan tertentu seperti kardiologi, radiologi dan nefrologi **RM144j**
- Pelaksanaan dasar *off-take* atau perolehan khusus dengan mekanisme bersesuaian bagi produk farmaseutikal dan peranti perubatan yang kritikal daripada syarikat tempatan bagi memberi peluang kepada pembekal tempatan meningkatkan perniagaan mereka seterusnya menyubur industri farmaseutikal dan peranti perubatan negara -
- Menggalakkan pelaburan untuk mewujudkan pengeluaran vaksin halal -
- Pengukuhan Pusat-pusat Kecemerlangan yang telah dikenal pasti, termasuk untuk perolehan peralatan terkini **RM100j**
- Penubuhan Hospital Pakar Kanser di Kuching dan Hospital Pakar Jantung di Kota Kinabalu -
- Perolehan peralatan perubatan baharu sesuai dengan disiplin kesihatan semasa serba canggih **RM520.3j**
- Membina 15 kemudahan kesihatan baharu antaranya Klinik Kesihatan di Mersing, Johor; Keningau, Sabah; Betong, Sarawak; Pasir Puteh, Kelantan dan Chemor, Perak **RM1b**
- Kos perubatan melibatkan rawatan penyakit jarang jumpa yang kian meningkat **RM25j**
- Peluasan skim mySalam untuk meliputi antaranya penyakit jarang jumpa dan *Rheumatoid Arthritis* -

- Penambahbaikan dan penggantian peralatan bagi perkhidmatan fisioterapi di klinik kesihatan KKM **RM5j**
- Perolehan ambulans baharu dalam memastikan kesiapsiagaan penuh terhadap sebarang panggilan kecemasan **RM195j**
- Peruntukan bagi Cloud-base Clinic Management System (CCMS) **RM19.8j**
- Inisiatif Kesihatan Mental **RM24.6j**
- Inisiatif Kesihatan Pergigian **RM119.4j**
- Peruntukan Skim Perubatan MADANI **RM100j**
- Inisiatif untuk bayi dan kanak-kanak **RM380j**
- Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKA B40) **RM80j**
- Perkhidmatan hemodialisis dan peritoneal dialisis kepada golongan rentan dengan kerjasama Yayasan Hasanah **RM5j**

42. Rumah Kediaman Rakyat

- 48 Program Residensi Rakyat (PRR) diteruskan termasuk dua (2) projek baharu melibatkan PRR di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. 30 projek PRR dijangka siap penghujung 2025 yang memanfaatkan hampir 17,500 penghuni baru **RM405j**
- 14 Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) diteruskan melibatkan pembinaan 5,410 unit rumah baharu **RM452j**

- Jaminan Kerajaan di bawah SJKP bagi pembiayaan perumahan bagi manfaat 20,000 pembeli rumah
- Menyeragamkan dan menaikkan bantuan bina baharu rumah rakyat antaranya penghuni PPRT, nelayan, Kampung Baru Cina, kepada maksimum RM90,000. Kadar siling baik pulih rumah rakyat juga ditingkatkan kepada maksimum RM20,000

RM10b

-

| Pelarasan Kadar Bantuan Perumahan – Bina Baharu | | | | | |
|--|----------------------------|------------------------------|--|--------------------------------|--|
| Kementerian | Kawasan | Keluasan (Asal) (kps) | Harga Siling/ rumah (Asal) (RM) | Keluasan (Baharu) (kps) | Harga Siling/ rumah (Baharu) (RM) |
| KPKT | Semenanjung | 750 | 85,000.00 | 750 | 90,000.00 |
| | Sabah, Sarawak, W.P Labuan | | | | |
| KKDW | Semenanjung | 660 | 66,000.00 | 700 (minimum) | 84,000.00 (minimum) |
| | Sabah, Sarawak, W.P Labuan | | 79,000.00 | 750 (maksimum) | 90,000.00 (maksimum) |
| KPKM BINA BAHARU/ PENEMPATAN SEMULA NELAYAN (PSN) | Semenanjung | 700 | 56,000.00 | 700 (minimum) | 84,000.00 (minimum) |
| | Sabah, Sarawak, W.P Labuan | | 68,000.00 | 750 (maksimum) | 90,000.00 (maksimum) |

| Pelarasan Kadar Bantuan Perumahan – Baik Pulih | | | | | |
|--|----------------------------|-----------------------|--------------------|-------------------------|--------------------|
| Kementerian | Kawasan | Keluasan (Asal) (kps) | Kos (Asal) (RM) | Keluasan (Baharu) (kps) | Kos (Baharu) (RM) |
| KPKT | Semua | 750 | Sehingga 20,000.00 | 750 | Sehingga 20,000.00 |
| KKDW | Semenanjung | 660 | Sehingga 15,000.00 | 660 | Sehingga 20,000.00 |
| | Sabah, Sarawak, W.P Labuan | | Sehingga 17,000.00 | | |
| KPKM | Semenanjung | 700 | Sehingga 13,000.00 | 700 | Sehingga 20,000.00 |
| | Sabah, Sarawak, W.P Labuan | | Sehingga 15,000.00 | | |

- Penyelenggaraan rumah strata kos rendah dan sederhana awam **RM97j**
- Penyelenggaraan dan penggantian lif di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan Mampu Milik Berstrata (LIF) **RM88.1j**
- Menaik taraf 48 projek Taman Awam MADANI dan landskap untuk dinikmati oleh komuniti setempat sama ada di bandar dan pekan-pekan kecil **RM96j**
- Menaik taraf kemudahan asas dan sosial bagi kegunaan komuniti di Kampung Baru Cina **RM84j**

- Penyelarasan keperluan untuk perkampungan kaum India **RM10j**
- Pemerkasaan Program Anak Kita di bawah Yayasan Hasanah bagi menangani isu keciciran pendidikan 80,000 anak-anak **RM30j**
- Projek rintis untuk menangani masalah malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak di Projek Perumahan Rakyat di Lembah Klang bersepadu yang turut dibiayai bersama oleh Pertubuhan Kanak-kanak Sedunia akan dimulakan untuk mencari penyelesaian tegar bagi mengatasi gejala ini **RM5j**
- Platform Dapur Digital oleh Pepper Labs bagi mempergiat aktiviti ekonomi rakyat seperti perusahaan makanan **RM5j**
- Pemasangan 180 kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi dan 45 butang cemas (*panic button*) untuk mengukuhkan tahap keselamatan awam di Putrajaya dan Labuan **RM11j**
- Rangka kerja pemerkasaan komuniti bagi memperkukuh peranan persatuan penduduk sebagai pemudah cara di peringkat komuniti dengan latihan kepimpinan bagi persatuan penduduk diberikan oleh Yayasan Sime Darby, NGO dan agensi Kerajaan berkaitan **RM10j**
- Pembinaan tempat pembakaran mayat atau krematorium di beberapa negeri melibatkan Kedah, Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang **RM20j**

43. Prasarana Asas Desa

- Peruntukan prasarana asas di kawasan kampung, desa dan pedalaman termasuk: **RM2.9b**
 - a) Pembinaan dan pembaikan jalan-jalan kampung dan desa seperti di Kota Belud, Sabah; Pasir Puteh, Kelantan dan Kuala Lipis, Pahang;
 - b) Pembinaan dan penaikan taraf 142 jambatan yang tidak lagi selamat;
 - c) Projek Lampu Jalan Kampung;
 - d) Ketersambungan bekalan elektrik khusus untuk Sabah dan Sarawak meliputi 1,050 buah rumah;
 - e) Bekalan air bersih khusus untuk Sabah dan Sarawak meliputi 4,100 buah rumah; dan
 - f) Pembinaan dan pembaikan kemudahan asas lain seperti balai raya, dewan awam serta laluan berbumbung di kampung-kampung dan pedalaman
- Sokongan akan diberikan untuk kerjasama universiti awam dalam menambah baik prasarana kampung -
- Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi membaik pulih rumah luar bandar **RM464j**

44. Ketersambungan Digital

- Pengumuman rangkaian kedua 5G akan dilaksanakan sebagai usaha meningkatkan daya saing bidang ICT -
- Melaksanakan Projek Perintis Kes Penggunaan 5G (ASEAN 5G Showcase) untuk membiayai pengaplikasian projek perintis 5G enterprais bagi pelbagai sektor **RM20j**
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersetuju untuk menambah baik capaian internet di universiti awam, sekolah, kem-kem tentera dan institusi MARA **>RM300j**

45. Pengangkutan Awam

- Pelanjutan subsidi perkhidmatan pengangkutan udara untuk manfaat penduduk desa dan pedalaman Sabah dan Sarawak termasuk pembukaan laluan baharu antaranya Kota Kinabalu ke Layang-layang dan Miri ke Long Banga **RM209j**
- Penerusan kemudahan Pas Bulanan My50: **RM216j**
 - a) Manfaat 180,000 penduduk Lembah Klang yang menggunakan bas dan rel Prasarana; dan
 - b) Subsidi sebanyak RM150 sebulan atau RM1,800 setahun

- RM273j**
 - Program Transformasi Bas Henti-henti (SBST) dan Dana Sokongan Bas Henti-henti di setiap negeri dan bandar utama. Tambang percuma kepada semua mahasiswa universiti, politeknik, kolej komuniti dan matrikulasi di seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan BAS.MY di bawah program SBST

- RM10j**
 - Peluasan lorong bas khas bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan bas di Lembah Klang merangkumi tiga (3) laluan iaitu Jalan Ipoh, Jalan Cheras dan Jalan Gombak sepanjang 47 km

- Perolehan 250 bas elektrik oleh Prasarana dan perolehan 12 gerabak tren penumpang KTMB oleh Kementerian Pengangkutan. Manakala 50 gerabak tren lagi akan diperoleh secara pajakan melalui kerjasama Kerajaan dengan negara China -

- Kerjasama strategik GLC dengan pihak swasta bagi menambah baik 100 hentian bas di kawasan Lembah Klang -

- Peluasan *Demand Responsive Transit* (DRT) sedia ada oleh Prasarana di kawasan berdekatan dan sekitar sekolah bagi kemudahan pelajar pergi dan balik dengan kemudahan van daripada stesen tren terpilih dengan bayaran 50 sen sehala: -
 - a) Hentian di LRT Sri Rampai ke Giant Ulu Kelang dan SMK Seksyen 5, Wangsa Maju; dan
 - b) Hentian di LRT Melati ke Danau Kota, SMK Gombak Setia Seksyen 1 dan 2, SRA Al-Nawawi, Setapak serta SRA Zaid Harithah, Gombak

- Projek jalan baharu bagi meningkatkan capaian kemudahan rakyat dan aktiviti perniagaan, antaranya: -
 - a) Membina baharu jambatan dan jalan dari Nanga Belawai ke Song-Kapit, Kapit, Sarawak (RM321j);
 - b) Menaik taraf Jalan Bahau-Keratong, Jempol, Negeri Sembilan (RM190j);
 - c) Menaik taraf Jalan Persiaran Wawasan, Kangar, Perlis dari dua (2) ke empat (4) lorong (RM80j); dan
 - d) Menaik taraf lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan (RM20j)
- Penyelenggaraan jalan sekunder, jalan FELDA dan jalan industri termasuk kerja-kerja menaik taraf jambatan dan Jalan Persekutuan yang sering ditenggelami banjir **RM1.2b**
- Peruntukan menaik taraf Jalan Persekutuan tahun 2025, termasuk peruntukan RM450 juta khusus untuk Kontraktor Kecil dan Sederhana G1-G4 Bumiputera **RM1.6b**
- Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) memastikan jalan-jalan negeri dalam keadaan selamat. Penambahbaikan meliputi: **RM5.5b**
 - a) Peluasan skop kerja pembersihan jalan meliputi longkang, saluran air, bahu jalan; dan
 - b) Kebenaran perolehan sebuah jambatan sementara Bailey bagi semua Kerajaan Negeri
- Meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya melalui penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat pintar dan infrastruktur Jalan Persekutuan **RM178j**

- Memastikan kerja-kerja pembaikan segera Jalan Persekutuan melalui peruntukan kepada 115 Jurutera Daerah **RM30j**
- Pemasangan *High-Speed Weigh in Motion* (HS-WIM) melalui kerjasama strategik bersama pihak swasta bagi mengurangkan risiko kemalangan serta mengatasi masalah kesesakan dan kerosakan jalan raya yang disebabkan oleh kenderaan melebihi had muatan -
- Subsidi kos operasi perkhidmatan tren kurang ekonomi Wilayah Timur **RM22j**
- Menaik taraf lampu jalan konvensional kepada lampu LED secara kaedah retrofit di kawasan bandar dan luar bandar bagi mewujudkan persekitaran yang mampan, selamat dan mengurangkan kos penyelenggaraan -
- Naik taraf jambatan luar bandar **RM85.8j**
- Peruntukan Dana Mudah Cara Infrastruktur **RM55j**

46. Golongan Wanita

- Sasaran bagi peratusan wanita di peringkat membuat keputusan dalam syarikat tersenarai adalah sekurang-kurangnya 30%. Kerajaan menyeru supaya sasaran ini dicapai semua syarikat sebelum akhir 2027 -
- Program-program Pemeraksanaan Wanita seperti: **RM25j**
 - a) Pemeraksanaan Profesionalisme Wanita;
 - b) Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS);
 - c) Pemeraksanaan Ibu Tunggal;
 - d) Subsidi Mamogram dan Kanser Serviks;

- e) Menyediakan Bantuan Pasca Kanser Payudara;
- f) Kebajikan Wanita; dan
- g) Pemerkasaan Keselamatan dan Kesejahteraan Wanita

- Program Returnship iaitu inisiatif perintis anjuran BNM dan SC untuk menggalakkan wanita kembali bekerja dalam sektor kewangan. Program bersasar di bawah pembiayaan Asian Banking School dan InvestED dikhususkan bagi wanita kembali bekerja dalam sektor kewangan dan pasaran modal termasuk program latihan **RM5j**
- Pemerkasaan institusi keluarga melalui program-program berikut:
 - a) Program Pembinaan Asas Keluarga Negara; **(a)(b)(c)**
 - b) Program Pengukuhan Nilai Remaja (Program Pendidikan Kesihatan Sosial); **RM20j**
 - c) Subsidi Rawatan Kesuburan; dan
 - d) Kenaikan nilai ambang Kelayakan Bantuan Pesakit Terlantar JKM pendapatan isi rumah kepada RM5,000 **(d)**
RM180j
- Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) menawarkan perkhidmatan sosial yang memberikan sokongan emosi termasuk bimbingan dan kaunseling kepada kumpulan sasar seperti wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU untuk mengurangkan isu-isu psikososial **RM8j**

- Memperkenalkan Inisiatif Kesejahteraan Komuniti bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Wilayah Persekutuan, sambil membentuk masyarakat yang berdaya saing melalui program-program berikut:
 - a) Program Perkasa Wanita;
 - b) Program Sinergi Menoktahkan Kemiskinan Bandar Wilayah Persekutuan;
 - c) Pengoperasian semula Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana;
 - d) Program Tabung Anak Wilayah (TUAH) bagi anak-anak yang lahir di Wilayah Persekutuan mulai 1 Januari 2025;
 - e) Pelebaran skim perlindungan dan keselamatan sosial kepada penjaja dan suri rumah yang tergolong dalam kategori miskin tegar;
 - f) Pelebaran program *Tuition Mission* di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan;
 - g) Penganjuran program e-sukan di Wilayah Persekutuan; dan
 - h) Mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Wilayah Persekutuan melalui penyelenggaraan dan penambahbaikan kemudahan asas di PPR & PA di Kuala Lumpur, serta di Taman Mutiara Damai dan Taman Mutiara Permai, Wilayah Persekutuan Labuan

- Selaras dengan penekanan kepada analisis gender, Kerajaan akan terus memperkasakan kefahaman mengenai Belanjawan Responsif Gender (*Gender Responsive Budgeting* (GRB)), secara menyeluruh kepada Kementerian dan agensi bagi memastikan belanjawan disediakan adalah inklusif -

47. Anak Muda

- Program Latihan Khidmat Negara 3.0 akan dimulakan secara rintis dengan konsep yang baharu untuk latihan kadet. PDRM dan agensi beruniform lain turut terlibat menjayakan PLKN 3.0 menggunakan fasiliti sedia ada dengan kerjasama Akademi Kenegaraan **RM50j**
- Pelaksanaan Program Rakan Muda bagi menjadi wadah pembinaan potensi dan identiti belia berjati diri **RM25j**
- Skim Step Up Financing di bawah SJKP diperkenalkan sebagai jaminan Kerajaan khusus untuk golongan muda yang ingin memiliki rumah pertama dengan bayaran balik pinjaman yang lebih rendah bagi tempoh lima (5) tahun pertama **RM5b**
- Geran padanan Program Latihan Industri Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES) di bawah seliaan TalentCorp untuk PKS dan syarikat pemula kepada pelajar universiti, terutamanya dalam bidang STEM, bagi menawarkan penempatan latihan industri berstruktur **RM10j**

- Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE): **RM20j**
 - a) Menggalakkan generasi belia menceburi bidang perniagaan; dan
 - b) Latihan dan bimbingan oleh SME Corp dengan model komprehensif
- Pusat Transit - Anjung Sinar iaitu pusat transit sementara bagi menyediakan sistem sokongan sosial kepada kanak-kanak lepasan institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memperkasa potensi kanak-kanak dengan menyediakan peluang pendidikan dan kemahiran bagi persediaan ke arah mendepani masa hadapan **RM4.5j**

48. Kanak-kanak

- Pelaksanaan Program Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan melalui Program Eliminasi Transmisi Hepatitis B dari ibu hamil ke anak melalui saringan awal. Inisiatif ini akan memanfaatkan 420,000 ibu hamil **RM5j**
- Pembinaan 34 prasekolah baharu (RM224j), **RM262j** antaranya di:
 - a) Sekolah Kebangsaan Pakatan Jaya, Kinta Utara, Perak;
 - b) Sekolah Kebangsaan Jalan Kebun, Klang, Selangor;
 - c) Sekolah Kebangsaan Tawang, Bachok, Kelantan;
 - d) Sekolah Kebangsaan (FELDA) Palong 1, Jempol, Negeri Sembilan;

- e) Sekolah Kebangsaan Kelebang Jaya, Chemor, Perak;
dan
- f) Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong, Timur Laut,
Pulau Pinang

Pembinaan 16 TASKA dan TABIKA KEMAS baharu
(RM38j):

- a) Taska KEMAS Pekan PKM Gopeng,
Kampar, Perak;
- b) Taska KEMAS PKM Simpang Pertang,
Jelebu, Negeri Sembilan;
- c) Taska KEMAS Taman Seri Duyong,
Melaka Tengah, Melaka;
- d) Tabika KEMAS Taman Astaka Jaya A,
Segamat, Johor;
- e) Tabika KEMAS Ayer Baloi, Pontian, Johor;
- f) Tabika KEMAS Kampung Sungai Kual, Pontian, Johor;
- g) Tabika KEMAS Sungai Puteri, Rompin, Pahang;
- h) Tabika KEMAS Kampung Bukit Mengawan,
Hulu Terengganu, Terengganu;
- i) Tabika KEMAS Bukit Besi, Dungun, Terengganu;
- j) Tabika KEMAS Kampung Sungai Tapang,
Kuching, Sarawak;

- k) Tabika KEMAS Sentosa Salim, Sibul, Sarawak;
- l) Tabika KEMAS Kampung Tambirat, Asajaya, Samarahan, Sarawak;
- m) Tabika KEMAS Berkembar Medan Klebang Putra 2 dan 3, Kinta, Perak;
- n) Tabika KEMAS Taman Ayer Keroh Heights, Melaka Tengah, Melaka;
- o) Tabika KEMAS Pekan Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan; dan
- p) Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PPAK) KEMAS Bukit Katil, Melaka

- Pembinaan 11 Pusat PERMATA Kurnia baharu: **RM125.4j**
 - a) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Melaka;
 - b) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Sembilan;
 - c) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Perak;
 - d) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Sarawak;
 - e) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Terengganu;
 - f) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Selangor;
 - g) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Pahang;
 - h) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Pulau Pinang;
 - i) Pusat PERMATA Kurnia Negeri Sabah;
 - j) Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Integrasi) PERMATA, Pasir Mas, Negeri Kelantan; dan
 - k) Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Integrasi) PERMATA Negeri Johor

- Pembinaan dua (2) sekolah murid berkeperluan khas baharu iaitu Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) Tuaran, Sabah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Johor Bahru, Johor. Sekolah di Johor Bahru bakal menjadi sekolah pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pendidikan anak-anak autistik **RM300j**

- Elaun Murid Berkeperluan Khas RM150 sebulan kepada lebih 110,000 murid OKU **RM200j**

- Bantuan dan sokongan kepada ibu bapa serta anak-anak autisme seperti berikut: **RM33j**
 - a) Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme bagi meringankan beban ibu bapa 30,000 anak autisme yang layak (RM15j);
 - b) Bantuan kepada sekolah autistik swasta yang berdaftar dengan KPM untuk melengkapkan kemudahan pembelajaran (RM10j);
 - c) Membangunkan Pusat Perkhidmatan Autisme (RM5j); dan
 - d) Peningkatan kadar wang saku kanak-kanak di institusi JKM (RM3j)

- Program pembangunan dan perkembangan kanak-kanak termasuk: **RM9j**
 - a) Subsidi Yuran Pengasuhan bagi ibu bapa/keluarga berpendapatan per kapita bawah RM800 untuk bandar dan RM500 untuk luar bandar di Taska Institusi;
 - b) Subsidi yuran pengasuhan bagi pendapatan RM5,000 ke bawah di Taska Komuniti;
 - c) Pasukan kebajikan kanak-kanak/pasukan perlindungan kanak-kanak; dan
 - d) Pusat aktiviti kanak-kanak

- Pengurusan dan pengoperasian sementara kanak-kanak yang terkesan akibat proses migrasi di Malaysia di bawah inisiatif 'Alternative to Detention' **RM2j**
- Peruntukan program pendidikan awal kanak-kanak di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) **RM373j**

49. Warga Emas

- Peruntukan kebajikan warga emas, merangkumi: **RM1b**
 - a) Wang Saku Institusi Warga Emas;
 - b) Bantuan Sosioekonomi Warga Emas;
 - c) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE); dan
 - d) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)
- Geran Operasi Institusi Warga Emas, Kanak-kanak, OKU oleh NGO **RM20j**

50. Orang Kurang Upaya

- Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) - antaranya untuk bantuan penjagaan pesakit kronik, elaun OKU tidak upaya dan elaun pekerja cacat **RM1.3b**
- Syarat kelayakan gaji bagi menerima Bantuan Elaun Pekerja OKU akan ditingkatkan kepada RM1,700 -
- Membangunkan dan menaik taraf kemudahan fasiliti di IPTA yang lebih mesra OKU **RM20j**

- Meningkatkan keupayaan kehidupan OKU bagi menambah baik taraf hidup dan pendapatan komuniti menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)
 RM10j

- Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Kerajaan melalui GovTech, unit di bawah Kementerian Digital, termasuk memastikan semua kandungan laman sesawang Kerajaan mempunyai ciri-ciri mesra OKU, khususnya dari segi penglihatan dan pendengaran
 RM10j

- Pusat Panggilan Mesra OKU oleh MyGCC bagi memenuhi keperluan pemanggil OKU, seperti menyediakan kemudahan panggilan video dengan bahasa isyarat
 RM10j

- Memperkasa kemudahan pendidikan bagi murid berkeperluan khas dengan menambahbaik fasiliti dan infrastruktur mesra OKU serta membekal peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi murid berkeperluan khas
 RM30j

- Tiada lagi fi pembaharuan pendaftaran perniagaan bagi OKU melalui Skim 1 OKU 1 Perniagaan
 -

- Keperluan peralatan kritikal bagi pesakit autisme (KKM)
 RM2j

51. Orang Asli

- Peruntukan masyarakat Orang Asli, termasuk Projek Pembangunan Semula Ladang Orang Asli di seluruh negara **RM376j**
- Inisiatif kerjasama JAKOA dan NGO untuk memelihara kebajikan Orang Asli melalui:
 - a) Pembinaan rumah mesra EPIC Homes; dan
 - b) Membekal air dan elektrik menggunakan kaedah inovatif, pantas dan kos efektif
- Pembangunan profil dan pemetaan kawasan cerun yang berisiko tinggi di perkampungan Orang Asli **RM18j**
- *Community feeding* bagi kanak-kanak Orang Asli **RM15.3j**
- Tajaan pendidikan Orang Asli di institut pengajian tinggi oleh MARA **RM7.5j**

52. Peluang Kedua

- Penambahbaikan Inisiatif Dasar Peluang Kedua (Insolvency 2.0) – Kaedah *Out of The Box Strategy* bagi meningkatkan kecekapan pemprosesan orang bankrap dan diperluas kepada syarikat yang telah dibankrapkan -
- Kerajaan akan terus memperhebatkan Program Peluang Kedua (PEKA) bagi mengembalikan banduan ke dalam masyarakat sebagai insan yang positif melalui program berikut: **RM10j**
 - a) PEKA oleh Jabatan Penjara (RM7j); dan
 - b) PEKA oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (RM3j)
- Pelanjutan Program Baitul Mahabbah oleh Jabatan Imigresen dengan kerjasama NGO dan pertubuhan antarabangsa berkaitan bagi memastikan kanak-kanak warga asing mendapat perlindungan di tempat sementara yang sesuai selain di Depot Tahanan Imigresen -
- Penggubalan akta baharu bagi membolehkan hukuman tahanan di rumah sebagai alternatif kesalahan tertentu di mana pesalah ini dikehendaki berada di tempat tahanan yang dianggap bersesuaian seperti rumah kediaman, rumah jagaan, asrama pekerja dan lain-lain sepanjang tempoh penahanan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan serta akan dipantau dan diselia oleh Pegawai Penjara -
- RUU Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 telah diluluskan di Dewan Negara pada 1 Ogos 2024 dan akan dikuatkuasakan pada tahun 2025. Dasar -

pengalihan penyalah guna dadah dari hukuman pemenjaraan ke program rawatan dan pemulihan, yang diterjemahkan melalui pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ini, merupakan jalan tengah yang diambil Kerajaan dalam mengimbangi keperluan rawatan dan pemulihan dadah dan bahan serta memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terus terpelihara

53. Syiar Islam

- Peruntukan kepada KPWKM untuk menguruskan anak-anak yang teraniaya serta pemulihan semula akidah lanjutan daripada Ops Global yang sedang dijalankan **RM25j**

- Peruntukan keseluruhan bagi hal ehwal Islam **RM2b**

- Menyelenggara sekolah agama rakyat, sekolah tahfiz dan institusi-institusi yang melaksanakan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di premis bukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **RM150j**

- Penambahan seramai 1,500 orang guru KAFA bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Murid Berkeperluan Khas (MBPK) dan Pra Tahfiz agar seiring dengan pendidikan arus perdana -

- Meningkatkan kadar wang saku kepada pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat dan Keningau, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) di Kuching dan Darul Quran JAKIM di Kuala Kubu Bharu seperti berikut:

RM14j

a) Biasiswa Darul Quran:

Sijil/Diploma: dari RM450/bulan ke RM550/bulan
Ijazah: dari RM550/bulan ke RM650/bulan

b) Wang Saku IKMAS:

Sijil/Diploma: dari RM100/bulan ke RM200/bulan

c) Wang Saku IPDAS:

Sijil Lanjutan/Diploma: dari RM100/bulan ke
RM200/bulan
Sijil: dari RM75/bulan ke RM175/bulan

- Sumbangan khas RM500 kepada lebih 70,000 guru KAFA, guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja dan marbut bagi menghargai sumbangan besar mereka

RM35j

- Pelaksanaan tiga (3) projek sekolah JAKIM melibatkan pembinaan: **RM92j**
 - a) Sekolah Rendah Agama Presint 16, Putrajaya
 - b) Sekolah Rendah Agama Al-Mahmudiah, Segambut, Kuala Lumpur; dan
 - c) Blok bilik darjah baharu di Sekolah Rendah Agama Saidina Hamzah, Batu Muda, Kuala Lumpur
- Pembinaan Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan (SMA-MAIWPL) di Kampung Sungai Bedaun **RM20j**
- Pembinaan Kompleks Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur **RM10j**
- Geran bantuan sebanyak RM20,000 kepada semua sekolah agama rakyat yang berdaftar di bawah JAKIM -
- Elaun bulanan kepada imam, guru Kafa dan guru takmir **RM730j**

54. Pembangunan Sukan

- Pemerksaan sukan berprestasi tinggi yang turut meliputi Program Podium, Projek Khas Sukan - Program Pembangunan Sukan Olimpik bagi lapan (8) jenis sukan (skuasy, olahraga, renang, terjun, badminton, memanah, taekwando dan berbasikal) dan Program Road to Gold (RTG) sebagai persediaan Sukan Olimpik **RM134j**
- Program Khas Pembangunan Atlet Para (Paralympians) termasuk penyertaan The Malaysian Deaf Sports Association dalam Deaflympics di Tokyo 2025 **RM20j**

- Penyelenggaraan bangunan dan fasiliti KBS yang turut melibatkan ILKBS dan JBSN dengan melibatkan skop: **RM50j**
 - a) Kerja-kerja penyelenggaraan dan/atau pembaikan kecil seperti pembaikan tandas, penggantian jubin yang kopak, simen kawasan yang berlubang, kerosakan kecil pada pagar/bumbung, cat dan lain-lain berkaitan; dan
 - b) Pembelian *loose furniture*
- Geran Padanan Sukan (GPS) dengan skop geran dihadkan kepada pelaksanaan program yang melibatkan pertandingan sukan sahaja serta melibatkan persatuan/NGO yang tidak mampu menampung perbelanjaan sendiri untuk mengadakan pertandingan **RM30j**
- Peruntukan untuk Pasukan Harimau Malaya, Pasukan Bawah 18 dan Bawah 13, dengan kerjasama FAM bagi mendapatkan jurulatih terbaik, mengikuti sesi latihan terbaik serta diberi ganjaran yang setimpal kepada pemain **RM15j**
- Peruntukan untuk sukan kriket **RM1j**
- Pemerksaan e-sukan melalui pembangunan bakat, TVET e-sukan dan menaik taraf arena e-sukan **RM20j**
- Peruntukan kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) bagi menampung keperluan perubatan dan peralatan sokongan kepada mereka yang memerlukan **RM2j**
- Pembangunan sukan air, termasuk menaik taraf fasiliti, menyelenggara peralatan, menggalakkan penganjuran acara sukan air peringkat kebangsaan dan antarabangsa di Wilayah Persekutuan **RM5j**

- Peruntukan bagi menyelenggara, menaik taraf dan membina kemudahan sukan **RM136j**

55. Kesukarelawanan

- Pelaksanaan Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian bagi memupuk semangat perpaduan serta jati diri **RM50j**
- Geran padanan bersama-sama Yayasan GLIC/GLC dan NGO bagi memperhebat pelbagai program khidmat sosial **RM100j**
- Inisiatif Gotong-Royong PIBG MADANI di semua sekolah di seluruh negara **RM20j**
- Memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai penghubung jalin (*bridge builder*) dalam komuniti **RM20j**
- Pembaikan dan penyelenggaraan premis perpaduan bagi meningkatkan perkhidmatan awam kepada rakyat **RM10j**
- Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk membantu dalam kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah program RIBI **RM50j**
- Program Jiwa Murni atau Civil Military Cooperation (CIMIC) sebagai wadah pengukuhan hubungan antara angkatan bersenjata dan rakyat melalui penganjuran gotong-royong dan naik taraf prasarana komuniti **RM10j**

56. Bahasa & Karya Kreatif

- Peruntukan untuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk bekerjasama dengan penggiat budaya dan bahasa untuk mempergiat aktiviti budaya, bahasa dan kesusasteraan khususnya dalam kalangan generasi muda termasuk memelihara bahasa kaum minoriti seperti etnik Siam **RM50j**
- Peruntukan Dana Kandungan Kreatif (DKK) bagi mempromosi karya terutamanya yang berteraskan semangat kenegaraan **RM65j**
- Inisiatif Film in Malaysia Incentive (FIMI) melalui rebat tunai bagi terus menggalakkan kandungan kreatif berkualiti tinggi, menarik produksi asing serta membangunkan reputasi Malaysia sebagai hab kandungan kreatif **RM38j**
- Pembangunan karya kreatif dengan industri seni dan kreatif tempatan melalui MyCreative Ventures seperti: **RM25j**
 - a) Suntikan ekuiti bagi syarikat berpotensi tinggi (RM10j);
 - b) Program pemerksaan industri kreatif melalui program Kembara RIUH (RM10j); dan
 - c) Pembiayaan bagi Usahawan Sosial Kreatif (RM5j)
- Program Belia Kreatif Komuniti MADANI untuk golongan belia dalam meningkatkan penerbitan kandungan kreatif yang bermutu dan berkualiti, khususnya dalam bidang perfileman untuk tempoh dua (2) tahun di bawah SKMM **RM30j**

- Mentransformasi bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh, Perak sebagai sebuah hab kesenian seni visual dengan pengisian galeri berasaskan inovasi dan seni teknologi digital **RM5j**
- Peruntukan bagi ASWARA **RM44.3j**
- Inisiatif CEMI iaitu dana atau geran pembidaan artis bertujuan membida artis-artis luar negara untuk melaksanakan konsert di Malaysia dan menarik kedatangan pengunjung dari negara-negara luar seterusnya merancakkan aktiviti ekonomi dan memberi nilai pulangan kepada negara **RM10j**

57. Keselamatan Dalam Negeri & Pertahanan

- Peruntukan Kementerian Dalam Negeri (KDN) **RM19.5b**
- Peruntukan aset khusus untuk PDRM dan agensi beruniform bagi menjamin keselamatan dalam negeri **RM2.1b**
- Pembinaan beberapa pejabat polis baharu melibatkan antaranya: **RM2.1b**
 - a) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang;
 - b) Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju;
 - c) Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya; dan
 - d) Balai Polis Tanjung Minyak
- Peruntukan Kementerian Pertahanan (MINDEF) **RM21.2b**

- Kerja senggara dan pembaikan serta perolehan aset-aset ketenteraan baharu bagi memastikan kesiagaan penuh Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pada tahun hadapan, Kerajaan akan menerima aset baharu antaranya: **RM5.8b**
 - a) Tiga (3) Unmanned Aerial System (UAS) di bawah TUDM; dan
 - b) Sembilan (9) Fast Interceptor Craft (FIC) kepada TLDM
- Program baharu PROTÉGÉ – Veteran akan diperkenalkan khusus untuk mewajibkan kontraktor menyediakan peluang pekerjaan untuk veteran ATM, terutamanya yang punyai kelayakan TVET -
- Peruntukan untuk menyelenggara penjara termasuk: **RM80j**
 - a) Penambahbaikan kemudahan fasiliti (harta modal) di Pusat Latihan Pegawai Penjara Malaysia; dan
 - b) Pembaikan dan mengecat bangunan asrama Institut Koreksional Malaysia serta kerja-kerja berkaitan
- Peruntukan bagi aktiviti penguatkuasaan dan *Search & Rescue* termasuk melibatkan anjing K9, Bomba, KDN dan JKDM **RM75j**
- Tumpuan khusus bagi membangunkan industri ketenteraan tempatan melalui pemindahan teknologi daripada pembekal aset ketenteraan tempatan seperti Aerodyne -

58. Urusan Sempadan Negara

- Penambahan dan penyelenggaraan aset-aset perairan merangkumi perolehan baharu di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) iaitu: **RM660j**
 - a) Enam (6) kapal di bawah Ship Life Extension Programme Fasa 2 (RM150j);
 - b) Sebuah kapal Multi-Purpose Mission Ship (RM350j); dan
 - c) Dua (2) kapal Ronda Generasi Baharu (RM160j)
- Projek memperkasa sempadan negara, termasuk: **RM1b**
 - a) Pembinaan baharu dan naik taraf ICQS di Rantau Panjang dan Bukit Berapit;
 - b) Pembinaan dua (2) pos sempadan baharu di Bantul dan Serudung, Sabah;
 - c) Membekalkan badan penguat kuasa dengan teknologi dron dan AI untuk meningkatkan capaian kawasan boleh diawasi; dan
 - d) Pembangunan pekan-pekan yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia dan Selatan Thailand diberi keutamaan bagi penyediaan prasarana asas serba lengkap termasuk RM50 juta untuk pembinaan jambatan Rantau Panjang ke Golok dan Pengkalan Kubor ke Tumpat

- Projek Transformasi Bekalan Air Bersih Melalui Sistem Bekalan Air Hibrid (air hujan dan air bawah tanah) di Zon Selamat Pantai Timur Sabah (ESSZONE) **RM5j**
- Berkaitan urusan keluar masuk sempadan negara: -
 - a) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) telah ditubuhkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan keluar masuk sempadan (RM24.9j);
 - b) Memperluaskan kemudahan sistem pagar automatik kepada lebih banyak negara bagi memudahkan urusan pengunjung luar ke Malaysia; dan
 - c) Inisiatif memperkasa kawalan pintu masuk negara termasuk penggunaan kaedah kod QR bagi memeriksa penumpang bas dan pengguna motosikal di pintu masuk Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) untuk memendekkan masa pemeriksaan sehingga 40% (RM20j)
- Peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan kapal United States Coast Guard Cutter (USCGC) **RM15j**

59. Penjawat Awam

- Kementerian Kesihatan akan melaksanakan sistem kerja baharu di hospital dan klinik kesihatan secara bersasar. Bagi fasiliti kesihatan yang menggunakan pakai sistem ini, Elaun Tugas Atas Panggilan dinaikkan antara RM55 hingga RM65 kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergiian mengikut bidang perkhidmatan dan Jabatan tertentu -

- Program APEL.Q di bawah kendalian INTAN diperkenalkan di mana Kerajaan akan menanggung kos pengajian sebanyak 50% atau maksimum RM15,000 kepada penjawat awam yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi **RM15j**
- Meluaskan penyerahan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) kepada lebih banyak kesatuan sekerja yang layak menerima bantuan untuk melaksanakan program-program latihan kepada 1,743 kesatuan induk dan cawangan kesatuan sekerja **RM10j**
- Program Pembelajaran Berasaskan Kerja atau *Work-Based Learning* (WBL) bertujuan untuk meningkatkan tahap pendidikan warga ATM terutamanya anggota lain-lain pangkat yang memiliki syarat kelayakan masuk minimum SPM **RM3j**
- Membina, menyelenggara dan membaik pulih semua kuarters penjawat awam termasuk guru, doktor, polis, bomba, penjara dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) **RM1.8b**
- Pemerkasaan Pejabat Konsular Luar dengan penambahbaikan aset **RM5j**
- Skim Pembiayaan Perumahan Muda di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi manfaat penjawat awam muda yang ingin memohon pembiayaan perumahan untuk tempoh sehingga 40 tahun **-**

- Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ditambahbaik meliputi perkara-perkara berikut:
 - a) Bayaran faedah Ex-Gratia Operasi (EXO) secara sekali sahaja (*one-off*) sehingga maksimum RM50,000 diwujudkan khasnya bagi anggota pasukan keselamatan dan agensi penguatkuasaan yang mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan semasa bertugas dalam operasi (*wounded in action*) bagi bencana kerja mulai tahun 2024;
 - b) Bayaran faedah Ex-Gratia Pukul (EXP) secara sekali sahaja (*one-off*) sebanyak RM20,000 diberikan sebagai tambahan kepada waris bagi kes kematian akibat kemalangan semasa bertugas mulai tahun 2024;
 - c) Kadar Elaun Layanan Sentiasa (ELS) dinaikkan sebanyak 200% daripada RM500 sebulan kepada RM1,500 sebulan kepada pegawai yang layak;
 - d) Bayaran faedah Ex-Gratia Hilang Upaya Sementara (EXS) bagi pegawai yang diluluskan Cuti Sakit Lanjutan akibat kemalangan semasa bertugas sebanyak RM25 sehari dan terhad kepada 180 hari setahun; dan
 - e) Skop liputan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja juga diperluaskan sebagai perlindungan kepada pegawai yang diarahkan menghadiri temujanji kesihatan di hospital/fasiliti kesihatan

- Kadar Bantuan Sara Hidup bagi veteran ATM yang tidak berpencen dinaikkan kepada RM500 sebulan bagi menghargai jasa mereka -
- Pelanjutan bayaran Penghargaan Khas Kepada Pesara dan penerima pencen terbitan mulai Januari hingga Disember 2025 -
- Penganjuran Anugerah Perkhidmatan Awam MADANI bagi mendorong penjawat awam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat termasuk menggalakkan budaya daya cipta -
- Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) secara berfasa berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 melibatkan pelarasan gaji sebanyak 15% kepada Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 7% kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Dengan SSPA yang baharu, penjawat awam akan memperoleh pendapatan minimum berjumlah RM2,115 sebulan -
- Pelarasan pencen secara berfasa berdasarkan pelarasan peratusan ke atas gaji akhir pesara mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing, termasuklah pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selaras dengan pelaksanaan SSPA -

- Bayaran insentif penjawat awam yang akan dibuat pada akhir Februari 2025 seperti berikut:
 - a) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak; dan
 - b) Bantuan Khas Kewangan turut diberikan kepada semua pesara Kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen sebanyak RM250

-

Lampiran II

Langkah Cukai

Belanjawan 2025



Senarai Lampiran

- 288 LAMPIRAN 1**
SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN DIRI SENDIRI, PASANGAN DAN ANAK
- 290 LAMPIRAN 2**
SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN BAGI INDIVIDU KURANG UPAYA
- 291 LAMPIRAN 3**
PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI AKTIVITI SUKAN, KESIHATAN DAN PENJAGAAN WARGA EMAS
- 294 LAMPIRAN 4**
LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS CARUMAN DALAM SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI TERTANGGUH
- 295 LAMPIRAN 5**
SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN
- 296 LAMPIRAN 6**
LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS SIMPANAN BERSIH SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL
- 297 LAMPIRAN 7**
PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS BAYARAN FAEDAH PINJAMAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA
- 299 LAMPIRAN 8**
LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI BAYARAN YURAN TAMAN ASUHAN ATAU TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK
- 300 LAMPIRAN 9**
PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN PEMBELIAN MESIN KOMPOS SISA MAKANAN DOMESTIK

- 301 LAMPIRAN 10**
PENGENAAN CUKAI KE ATAS DIVIDEN YANG DITERIMA OLEH PEMEGANG SAHAM INDIVIDU
- 304 LAMPIRAN 11**
GALAKAN CUKAI BAGI PELAKSANAAN E-INVOS
- 305 LAMPIRAN 12**
LANJUTAN POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN *SMART ARTIFICIAL INTELLIGENCE-DRIVEN REVERSE VENDING MACHINE*
- 306 LAMPIRAN 13**
PELUASAN PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN BAGI AKTIVITI KEWANGAN ISLAM DI BAWAH *LABUAN INTERNATIONAL BUSINESS AND FINANCIAL CENTRE*
- 308 LAMPIRAN 14**
SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PENYERAHHAKKAN POLISI INSURANS HAYAT DAN SIJIL TAKAFUL KELUARGA
- 309 LAMPIRAN 15**
SEMAKAN SEMULA DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PEMBIAYAAN BERDASARKAN PRINSIP SYARIAH
- 310 LAMPIRAN 16**
PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PINJAMAN ATAU PEMBIAYAAN MELALUI PLATFORM *INITIAL EXCHANGE OFFERING* KEPADA PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA
- 311 LAMPIRAN 17**
SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PINJAMAN ATAU PEMBIAYAAN SKIM PEMBIAYAAN MIKRO
- 312 LAMPIRAN 18**
PELAKSANAAN SISTEM TAKSIR SENDIRI DUTI SETEM

- 313 LAMPIRAN 19**
GALAKAN CUKAI BAGI *SMART LOGISTICS COMPLEX*
- 315 LAMPIRAN 20**
GALAKAN CUKAI BAGI MAJIKAN YANG MELAKSANAKAN
PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL
- 316 LAMPIRAN 21**
GALAKAN CUKAI BAGI MAJIKAN YANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
CUTI PENJAGAAN
- 317 LAMPIRAN 22**
GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WANITA KEMBALI BEKERJA
- 318 LAMPIRAN 23**
GALAKAN CUKAI PENINGKATAN EKSPORT
- 319 LAMPIRAN 24**
KAJIAN SEMULA POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PEMBANGUNAN
KURSUS BAHARU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA
- 320 LAMPIRAN 25**
SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK MINUMAN
BERGULA
- 321 LAMPIRAN 26**
SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI EKSPORT KE ATAS MINYAK
SAWIT MENTAH
- 323 LAMPIRAN 27**
SEMAKAN SEMULA NILAI AMBANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA
- 324 LAMPIRAN 28**
PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS BRA MASTECTOMI UNTUK
KEGUNAAN PESAKIT KANSER PAYUDARA
- 325 LAMPIRAN 29**
SEMAKAN SEMULA KADAR CUKAI JUALAN DAN PELUASAN SKOP
CUKAI PERKHIDMATAN

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
KE ATAS PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN
DIRI SENDIRI, PASANGAN ATAU ANAK**

Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2023, had pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan rawatan perubatan dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Skop perbelanjaan rawatan perubatan meliputi:

- i. penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak;
- ii. rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri;
- iii. pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000;
- iv. pemeriksaan dan rawatan pergigian ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000;
- v. pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan atau konsultasi kesihatan mental dan ujian pengesanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian sendiri ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000; dan
- vi. pemeriksaan bagi pengesanan, program intervensi awal dan rawatan pemulihan untuk anak berumur di bawah 18 tahun yang kurang upaya pembelajaran seperti *autism*, *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD), *global developmental delay* (GDD), *intellectual disability*, *down syndrome* dan *specific learning disabilities* terhad sehingga RM4,000.

Cadangan

Bagi menggalakkan rakyat mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan yang lebih baik, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan individu sedia ada bagi perbelanjaan rawatan perubatan disemak semula seperti berikut:

- A. Pelepasan bagi perbelanjaan di bawah dikekalkan:
 - i. penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak;
 - ii. rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri;
 - iii. pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000; dan
 - iv. pemeriksaan dan rawatan pergigian ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000.

- B. Pelepasan bagi pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan atau konsultasi kesihatan mental dan ujian pengesanan COVID-19 terhad sehingga RM1,000, diperluas seperti berikut:
 - i. pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan atau konsultasi kesihatan mental;
 - ii. pembelian kit ujian sendiri seperti kit ujian COVID-19 dan influenza;
 - iii. pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri seperti glukometer, oksimeter nadi, mesin pemantau tekanan darah dan termometer; dan
 - iv. fi bayaran ujian pengesanan penyakit yang dijalankan di klinik atau hospital seperti ujian darah, *ultrasound*, mamogram dan *pap smear*.

- C. Pelepasan pemeriksaan bagi pengesanan, program intervensi awal dan rawatan pemulihan berterusan untuk anak berumur di bawah 18 tahun yang kurang upaya pembelajaran seperti *autism*, ADHD, GDD, *intellectual disability*, *down syndrome* dan *specific learning disabilities*, dinaikkan had pelepasan daripada RM4,000 kepada RM6,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI INDIVIDU KURANG UPAYA**

Kedudukan Semasa

Setiap pembayar cukai individu diberi pelepasan cukai untuk diri sendiri berjumlah RM9,000. Pembayar cukai individu kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi pelepasan cukai tambahan sebanyak RM6,000.

Selain itu, pembayar cukai individu juga layak menuntut pelepasan cukai seperti berikut:

- i. pelepasan cukai tambahan sebanyak RM5,000 bagi suami/isteri kurang upaya; dan
- ii. pelepasan cukai tambahan sebanyak RM6,000 bagi anak kurang upaya yang belum berkahwin.

Cadangan

Bagi membantu meringankan tanggungan pembayar cukai individu selaras dengan aspirasi lhsan di bawah nilai teras MADANI, dicadangkan pelepasan cukai bagi individu kurang upaya disemak semula seperti berikut:

- i. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu kurang upaya dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM7,000;
- ii. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu yang mempunyai suami/isteri kurang upaya dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000; dan
- iii. pelepasan cukai tambahan bagi pembayar cukai individu yang mempunyai anak kurang upaya yang belum berkahwin dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

**PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI AKTIVITI SUKAN,
KESIHATAN DAN PENJAGAAN WARGA EMAS**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu diberi ke atas perbelanjaan bagi aktiviti sukan, penjagaan kesihatan dan penjagaan anak di pusat jagaan kanak-kanak berdaftar seperti berikut:

| Bil. | Pelepasan Cukai | Amaun |
|------|---|---------------------|
| 1. | Pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan bagi peralatan dan aktiviti sukan bagi diri sendiri, suami/isteri atau anak. | Sehingga RM1,000 |
| 2. | Pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa meliputi perbelanjaan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. rawatan perubatan di klinik dan hospital; ii. rawatan dan penjagaan di rumah, pusat penjagaan harian dan rumah penjagaan; iii. rawatan pergigian tidak termasuk rawatan pergigian kosmetik; dan iv. pemeriksaan perubatan penuh terhadap sehingga RM1,000. | Sehingga RM8,000 |

Selain itu, pengecualian cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 setahun diberi ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak bagi anak yang berumur 12 tahun ke bawah.

Sebagai tambahan, majikan turut diberikan potongan cukai tambahan ke atas perbelanjaan berikut:

- i. penyediaan dan penyenggaraan taman asuhan kanak-kanak; dan
- ii. elaun penjagaan anak yang dibayar oleh majikan kepada pekerja.

Cadangan

Bagi memupuk kesejahteraan, kebajikan dan penjagaan warga emas agar terus terpelihara sebelum mencapai status negara menua, dicadangkan:

A. Pelepasan cukai pendapatan individu

Skop pelepasan cukai pendapatan individu bagi aktiviti sukan, penjagaan kesihatan dan perubatan disemak semula seperti berikut:

- i. pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 yang diberikan ke atas perbelanjaan bagi peralatan dan aktiviti sukan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak diperluas kepada ibu bapa;
- ii. perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh kepada ibu bapa terhad sehingga RM1,000 diperluas kepada pemvaksinan;
- iii. perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan bagi ibu bapa seperti di bawah diperluas kepada datuk nenek:
 - a. rawatan perubatan di klinik dan hospital;
 - b. rawatan dan penjagaan di rumah, pusat penjagaan harian dan pusat jagaan kediaman;
 - c. rawatan pergigian tidak termasuk rawatan pergigian kosmetik; dan
 - d. pemeriksaan perubatan penuh dan pemvaksinan terhad sehingga RM1,000.

B. Pengecualian cukai pendapatan individu

Pengecualian cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 setahun yang diberi ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan diperluas meliputi penjagaan warga emas (ibu bapa/datuk nenek).

C. Potongan cukai tambahan

Potongan cukai tambahan ke atas elaun penjagaan anak yang dibayar oleh majikan kepada pekerja diperluas meliputi penjagaan warga emas (ibu bapa/datuk nenek).

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

**LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS
CARUMAN DALAM SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI
TERTANGGUH**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 diberi ke atas caruman dalam Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme* - PRS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bayaran premium bagi anuiti tertanggung. Pelepasan diberi mulai tahun taksiran 2012 sehingga tahun taksiran 2025.

Cukai pegangan pada kadar 8% dikenakan ke atas pengeluaran caruman sebelum mencapai umur 55 tahun, kecuali bagi tujuan yang dibenarkan seperti berikut:

- i. hilang upaya langsung yang kekal;
- ii. penyakit serius;
- iii. ketidakupayaan mental;
- iv. meninggal dunia;
- v. meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya;
- vi. penjagaan kesihatan; dan
- vii. perumahan.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan rakyat menabung dalam tabung persaraan sebagai persediaan hari tua, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 ke atas caruman dalam PRS dan bayaran premium bagi anuiti tertanggung dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun.

Cukai pegangan pada kadar 8% sedia ada kekal dikenakan ke atas setiap amaun yang dikeluarkan selain daripada tujuan yang dibenarkan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026 hingga tahun taksiran 2030.

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
KE ATAS INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 diberikan ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan insurans perubatan bagi diri sendiri, suami/isteri atau anak.

Cadangan

Bagi menggalakkan simpanan dana untuk pendidikan anak-anak dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan insurans perubatan dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

**LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
KE ATAS SIMPANAN BERSIH SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 diberi ke atas simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2024.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan ibu bapa membuat simpanan pendidikan tinggi anak-anak di samping memastikan pelepasan cukai yang lebih bersasar, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas simpanan bersih tahunan dalam SSPN sehingga RM8,000 dilanjutkan bagi tempoh 3 tahun, dengan syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- i. pelepasan cukai hanya boleh dituntut sama ada oleh ibu atau bapa, yang membuat simpanan SSPN, dengan had tuntutan maksimum sebanyak RM8,000; dan
- ii. pengeluaran daripada tabung SSPN yang bertujuan membiayai kos pendidikan untuk melanjutkan pelajaran tidak diambil kira dalam pengiraan tabungan bersih bagi tahun tersebut dan tidak akan menjejaskan jumlah pelepasan yang layak.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

**PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS
BAYARAN FAEDAH PINJAMAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM10,000 setahun telah diberi ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. pembayar cukai ialah warganegara Malaysia dan pemastautin;
- ii. terhad kepada satu rumah kediaman termasuk flat, pangsapuri atau kondominium; dan
- iii. perjanjian jual beli disempurnakan mulai 10 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010.

Pelepasan cukai pendapatan individu telah diberi selama 3 tahun taksiran berturut-turut, mulai tahun pertama faedah pinjaman perumahan dibayar.

Cadangan

Bagi menggalakkan pembelian rumah kediaman pertama dalam kalangan rakyat dan meningkatkan pendapatan boleh guna, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu diberi ke atas bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama (dimiliki sendiri atau bersama) seperti berikut:

| Bil. | Harga Rumah | Jumlah Pelepasan Cukai Setahun |
|------|-------------------------------------|--------------------------------|
| 1. | Sehingga RM500,000 | RM7,000 |
| 2. | Melebihi RM500,000 hingga RM750,000 | RM5,000 |

Pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran faedah ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. rumah kediaman tersebut tidak digunakan untuk menghasilkan sebarang pendapatan;
- ii. perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027;
- iii. amaun pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran faedah yang dibenarkan adalah bagi 3 tahun taksiran berturut-turut, mulai tahun pertama faedah pinjaman perumahan dibayar; dan
- iv. dua atau lebih individu layak menuntut pelepasan cukai ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan bagi sebuah rumah kediaman yang sama mengikut asas pembahagian bayaran faedah.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian jual beli rumah kediaman pertama yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

**LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI BAYARAN
YURAN
TAMAN ASUHAN ATAU TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,000 diberi ke atas bayaran yuran kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi anak berumur sehingga 6 tahun. Pelepasan cukai ini boleh dituntut sama ada oleh ibu atau bapa.

Had pelepasan cukai telah dinaikkan kepada RM3,000 secara bertempoh mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2024.

Cadangan

Bagi terus membantu ibu bapa dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan dan pendidikan awal anak, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 dilanjutkan bagi tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

**PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN
PEMBELIAN MESIN KOMPOS SISA MAKANAN DOMESTIK**

Kedudukan Semasa

Mesin kompos sisa makanan adalah antara teknologi mengitar semula sisa makanan bagi membantu mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan sampah. Penggunaan mesin kompos sisa makanan dapat menghasilkan produk akhir seperti baja organik serta menyokong ekonomi kitaran melalui amalan pengurusan sisa yang lebih lestari.

Pihak Berkuasa Tempatan sedang giat menjalankan projek rintis penggunaan mesin kompos industri di pasar-pasar awam, medan selera dan kawasan perumahan. Namun, tahap penggunaan mesin kompos sisa makanan dalam kalangan isi rumah masih rendah.

Cadangan

Bagi menggalakkan aktiviti kitar semula sisa makanan di rumah yang boleh dijadikan baja organik, dicadangkan skop pelepasan ke atas perbelanjaan bagi kemudahan pengecasan kenderaan elektrik diperluas kepada pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah dengan had pelepasan kekal pada RM2,500. Tuntutan pelepasan untuk pembelian mesin kompos sisa makanan dibenarkan sekali dalam tempoh 3 tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

PENGENAAN CUKAI KE ATAS DIVIDEN YANG DITERIMA OLEH PEMEGANG SAHAM INDIVIDU

Kedudukan Semasa

Sebelum tahun taksiran 2008, cukai pendapatan ke atas dividen yang diagihkan syarikat adalah berdasarkan sistem imputasi penuh (*imputation system*). Di bawah sistem ini, cukai ke atas dividen dikenakan di peringkat syarikat dan pemegang saham. Bagaimanapun, cukai yang dikenakan ke atas pemegang saham akan mengambil kira cukai yang telah dibayar oleh syarikat melalui kredit cukai.

Mulai tahun taksiran 2008, cukai pendapatan ke atas dividen yang diagihkan syarikat telah dikenakan di satu peringkat (*single tier*). Di bawah sistem cukai *single tier* ini, cukai ke atas keuntungan syarikat adalah cukai muktamad dan dividen yang diagihkan dikecualikan cukai di peringkat pemegang saham.

Cadangan

Bagi menjadikan struktur cukai pendapatan individu lebih progresif dan seterusnya meluaskan asas cukai, dicadangkan Cukai Dividen diperkenal dengan ketetapan berikut:

- A. Skop pengenaan cukai ke atas dividen
 - i. pendapatan dividen yang diterima pemegang saham individu bagi dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada keuntungan syarikat; dan
 - ii. pemegang saham individu terdiri daripada individu pemastautin, bukan pemastautin dan individu yang memegang saham melalui *nominee*.
- B. Nilai ambang dan formula penentuan pendapatan bercukai dividen
 - i. Nilai ambang:
Pendapatan dividen tahunan yang melebihi RM100,000.

- ii. Formula penentuan pendapatan bercukai dividen:
Jika pembayar cukai mempunyai pendapatan dividen dan selain pendapatan dividen, penentuan pembahagian jumlah pendapatan boleh dikenakan cukai daripada dividen adalah berdasarkan formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

A - Pendapatan berkanun dividen

B - Pendapatan agregat

C - Pendapatan yang boleh dikenakan cukai

D - Pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada dividen

C. Kadar Cukai

Kadar 2% dikenakan ke atas pendapatan bercukai dividen selepas mengambil kira pelepasan dan potongan yang dibenarkan.

D. Pengecualian Cukai Dividen adalah ke atas:

- i. pendapatan dividen daripada luar negara;
- ii. pendapatan dividen yang diagihkan daripada keuntungan syarikat yang mendapat taraf perintis dan elaun pelaburan semula;
- iii. pendapatan dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada keuntungan syarikat perkapalan (*shipping*) yang dikecualikan daripada cukai;
- iv. pendapatan dividen yang diagihkan oleh koperasi;
- v. pendapatan dividen yang diisytiharkan oleh dana tertutup;
- vi. pendapatan dividen yang diterima oleh pemastautin daripada entiti Labuan; dan
- vii. mana-mana pengecualian yang telah diberi ke atas pendapatan dividen di peringkat pemegang saham individu sepertimana yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

- E. Kenaan Cukai Dividen tidak terpakai ke atas agihan keuntungan yang dibuat kepada pencarum dan penyimpan oleh:
- i. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
 - ii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT);
 - iii. Amanah Saham Nasional Bumiputera (ASNB); atau
 - iv. mana-mana unit amanah.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025

GALAKAN CUKAI BAGI PELAKSANAAN E-INVOIS

Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2024, kadar elaun modal yang dibenarkan dituntut ke atas perbelanjaan modal bagi peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communications Technology - ICT*) dan perisian komputer telah disemak semula seperti berikut:

| Bil. | Perbelanjaan yang Layak | Kadar Elaun Modal |
|------|---|-------------------------|
| 1. | Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer | Elaun Permulaan: 40% |
| 2. | Fi perundingan, pelesenan dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer secara khusus (<i>customised</i>) | Elaun Tahunan: 20% |

Tempoh tuntutan elaun modal juga dipercepatkan kepada 3 tahun.

Cadangan

Bagi menggalakkan pembayar cukai melaksanakan e-Invois sepenuhnya, mengikut garis panduan yang ditetapkan, dicadangkan perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT, pakej perisian komputer dan fi perundingan diberikan elaun modal dipercepatkan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun seperti berikut:

| Bil. | Perbelanjaan yang Layak | Kadar Elaun Modal |
|------|---|-------------------------|
| 1. | Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer | Elaun Permulaan: 20% |
| 2. | Fi perundingan, pelesenan dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer secara khusus (<i>customised</i>) | Elaun Tahunan: 40% |

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2025.

**LANJUTAN POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN
SMART ARTIFICIAL INTELLIGENCE DRIVEN REVERSE VENDING
MACHINE**

Kedudukan Semasa

Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021 – 2030 menasaskan peningkatan kadar pengumpulan plastik untuk dikitar semula sebanyak 40% menjelang 2025. Bagi menggalakkan amalan kitar semula melalui pendidikan dan mengurangkan pencemaran plastik, teknologi *Artificial Intelligence (AI)* telah diadaptasi dengan penggunaan *Smart AI Driven Reverse Vending Machine (RVM)*.

Smart AI Driven RVM merupakan depository sisa plastik untuk dikitar semula menerusi program pengumpulan yang lebih efektif dan berstruktur. Melalui kaedah *deposit return scheme* yang menyokong ekonomi kitaran, program ini dapat meningkatkan kadar *collected-for-recycling*.

Potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(h), Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi ke atas sumbangan untuk projek komuniti, termasuk penajaan *Smart AI Driven RVM* bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2023 hingga 31 Disember 2024.

Cadangan

Bagi terus menyokong amalan kitar semula sisa plastik dan memastikan kadar *collected-for-recycling* dapat ditingkatkan, dicadangkan potongan cukai ke atas sumbangan atau penajaan *Smart AI Driven RVM* dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026.

**PELUASAN Pengecualian CUKAI PENDAPATAN BAGI AKTIVITI
KEWANGAN ISLAM DI BAWAH LABUAN INTERNATIONAL BUSINESS AND
FINANCIAL CENTRE**

Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan selama 5 tahun mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2028 diberi kepada entiti perdagangan Labuan yang menjalankan aktiviti kewangan Islam iaitu perbankan digital Islam, bursa digital Islam, syarikat berkaitan ummah dan pengeluaran token digital Islam.

Cadangan

Bagi terus menarik pelaburan dalam sektor kewangan Islam yang berteraskan teknologi digital di *Labuan International Business and Financial Centre*, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan kepada entiti perdagangan Labuan yang menjalankan aktiviti kewangan Islam diperluas kepada aktiviti perniagaan takaful Labuan dan aktiviti berkaitan takaful Labuan yang layak seperti berikut:

| Bil. | Entiti Perdagangan Labuan | Aktiviti yang Layak |
|------|--|---|
| 1. | Penanggung insurans Labuan; Penanggung insurans semula Labuan; Pengendali takaful Labuan; atau Pengendali takaful semula Labuan. | Perniagaan takaful dan takaful semula yang mematuhi prinsip Syariah: i. pengaturan risiko; atau ii. pembangunan produk. |
| 2. | Penanggung insurans kaptif Labuan; atau Penanggung takaful kaptif Labuan. | Perniagaan takaful dan takaful semula yang mematuhi prinsip syariah di mana peserta takaful adalah syarikat berkaitan atau syarikat bersekutu atau seperti yang diluluskan oleh <i>Labuan Financial Services Authority</i> : i. pengaturan risiko; atau ii. pembangunan produk. |
| 3. | Pengurus penajaan jamin Labuan; atau Pengurus takaful penajaan jamin Labuan. | Menyediakan perkhidmatan pengunderaitan termasuk pentadbiran berkaitan dengan perniagaan takaful Labuan. |

| Bil. | Entiti Perdagangan Labuan | Aktiviti yang Layak |
|------|--|--|
| 4. | Pengurus insurans Labuan; atau Pengurus takaful Labuan. | Menyediakan perkhidmatan pengurusan atau pentadbiran berkaitan dengan perniagaan takaful Labuan. |
| 5. | Broker insurans Labuan; atau Broker takaful Labuan. | Menyediakan perkhidmatan: i. mengaturkan perniagaan takaful dan takaful semula Labuan; atau ii. menganalisis kewangan. |

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2028.

**SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI SETEM KE ATAS SURAT
CARA PENYERAHHAKKAN POLISI INSURANS HAYAT
DAN SIJIL TAKAFUL KELUARGA**

Kedudukan Semasa

Surat cara penyerahhakkan (*Deed of Assignment*) polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga tertakluk kepada duti setem di bawah Butiran 32(a), Jadual Pertama, Akta Setem 1949 pada kadar *ad-valorem* seperti berikut:

| Bil. | Nilai Pindah Milik | Kadar Duti Setem |
|------|---|------------------|
| 1. | RM100,000 yang pertama | 1% |
| 2. | Melebihi RM100,000 pertama hingga RM500,000 | 2% |
| 3. | Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000 | 3% |
| 4. | Melebihi RM1,000,000 | 4% |

Cadangan

Bagi membantu mengurangkan kos penyerahhakkan dan menggalakkan perlindungan insurans dan takaful kepada ahli keluarga, dicadangkan surat cara penyerahhakkan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga secara pemberian kasih sayang atau melalui pemegang amanah (*trustee*) dikenakan duti setem pada kadar tetap seperti berikut:

| Bil. | Nilai Pindah Milik | Kadar Duti Setem |
|------|---|------------------|
| 1. | RM100,000 yang pertama | RM10 |
| 2. | Melebihi RM100,000 pertama hingga RM500,000 | RM100 |
| 3. | Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000 | RM500 |
| 4. | Melebihi RM1,000,000 | RM1,000 |

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara penyerahhakkan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025.

SEMAKAN SEMULA DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PEMBIAYAAN BERDASARKAN PRINSIP SYARIAH

Kedudukan Semasa

Perjanjian pinjaman atau pembiayaan bagi pembelian barangan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Akta Sewa Beli 1967 mengikut kaedah sewa beli secara konvensional atau prinsip syariah seperti *Al Ijarah Thumma Al Bait* (AITAB), dikenakan duti setem pada kadar tetap RM10 berdasarkan Butiran 22(6), Jadual Pertama, Akta Setem 1949.

Manakala perjanjian pembiayaan bagi pembelian barangan selain kaedah sewa beli yang berdasarkan prinsip syariah seperti *Murabahah* dan *Tawarruq*, dikenakan duti setem pada kadar *ad-valorem* 0.5%.

Cadangan

Bagi menyeragamkan pengenaan duti setem ke atas perjanjian pembiayaan berdasarkan prinsip syariah bagi pembelian barangan di bawah Jadual Pertama, Akta Sewa Beli 1967, dicadangkan perjanjian pembiayaan pembelian barangan berdasarkan prinsip syariah selain sewa beli dikenakan duti setem pada kadar tetap RM10.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara perjanjian pembiayaan berdasarkan prinsip syariah yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN PINJAMAN ATAU
PEMBIAYAAN MELALUI PLATFORM *INITIAL EXCHANGE OFFERING*
KEPADA PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA**

Kedudukan Semasa

Pinjaman atau pembiayaan melalui platform *Initial Exchange Offering* (IEO) merupakan kaedah alternatif yang membolehkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), terutamanya usahawan baharu meningkatkan modal perniagaan. Platform IEO yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ini membolehkan PMKS berhubung dengan pelbagai pelabur berdasarkan keperluan perniagaan masing-masing.

Perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan oleh PMKS dan pelabur melalui platform IEO dikenakan duti setem pada kadar di antara 0.05% hingga 0.5% di bawah Butiran 27, Jadual Pertama, Akta Setem 1949.

Cadangan

Bagi membantu meluaskan akses PMKS kepada pembiayaan alternatif dalam meningkatkan modal perniagaan, dicadangkan pengecualian duti setem 100% diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan oleh PMKS dan pelabur melalui platform IEO yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026.

**SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PERJANJIAN
PINJAMAN ATAU PEMBIAYAAN SKIM PEMBIAYAAN MIKRO**

Kedudukan Semasa

Perjanjian pinjaman atau pembiayaan Skim Pembiayaan Mikro (SPM) yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan, bagi amaun pinjaman atau pembiayaan yang tidak melebihi RM50,000 di antara Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan institusi kewangan adalah dikecualikan daripada duti setem. Pengecualian diberi ke atas perjanjian yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2012.

Cadangan

Bagi terus membantu PMKS mendapatkan pinjaman atau pembiayaan tanpa cagaran, dicadangkan pengecualian duti setem diberi ke atas perjanjian pinjaman atau pembiayaan SPM yang tidak melebihi RM100,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian pinjaman atau pembiayaan SPM yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025.

PELAKSANAAN SISTEM TAKSIR SENDIRI DUTI SETEM

Kedudukan Semasa

Sebelum tahun 2021, penyeteman surat cara atau perjanjian boleh dilaksanakan secara manual melalui kaedah Sistem Frangki Digital (SFD) atau secara dalam talian melalui *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS). SFD telah ditamatkan pada 30 Jun 2021, menjadikan STAMPS adalah sistem utama bagi proses penyeteman dalam talian.

Walaupun penggunaan STAMPS telah dilaksanakan sepenuhnya dan proses memasukkan maklumat duti setem dilakukan oleh pembayar duti, pentaksiran duti setem masih di bawah tanggungjawab Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Pembayar duti akan membuat pembayaran duti setem berdasarkan notis taksiran yang dikeluarkan oleh LHDNM dalam STAMPS.

Cadangan

Bagi memastikan sistem penyeteman dan pembayaran secara sendiri lebih cekap dan turut membantu dalam peningkatan pematuhan, dicadangkan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) dilaksanakan secara berfasa berdasarkan kepada jenis surat cara atau perjanjian.

Melalui STSDS, pembayar duti atau ejen yang dilantik perlu memuat naik maklumat dalam STAMPS dan membuat taksiran sendiri ke atas nilai duti setem bagi surat cara atau perjanjian dan seterusnya membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.

Tarikh Kuat Kuasa

| Bil. | Fasa | Tarikh Kuat Kuasa | Jenis Surat Cara |
|------|--------|----------------------|--|
| 1. | Fasa 1 | Mulai 1 Januari 2026 | Surat cara atau perjanjian berkaitan sewa atau pajakan, penyeteman am dan sekuriti |
| 2. | Fasa 2 | Mulai 1 Januari 2027 | Surat cara pindah milik harta tanah |
| 3. | Fasa 3 | Mulai 1 Januari 2028 | Surat cara atau perjanjian selain yang dinyatakan dalam Fasa 1 dan Fasa 2 |

GALAKAN CUKAI BAGI SMART LOGISTICS COMPLEX**Kedudukan Semasa**

Smart Logistics Complex (SLC) adalah merupakan kemudahan pergudangan moden yang menggunakan teknologi seperti Internet Pelbagai Benda (*Internet of Things* - IoT) dan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* - AI) bertujuan mengautomasi pelbagai operasi pergudangan, mengurangkan kos dan meningkatkan prestasi keseluruhan rantai bekalan. Namun, tiada insentif khusus disediakan kepada syarikat yang melaksanakan aktiviti pergudangan pintar yang menerapkan elemen Revolusi Industri Keempat (IR4.0) di Malaysia.

Bagi *Integrated Logistic Services* (ILS) iaitu penghantaran, pengangkutan dan pergudangan secara bersepadu, galakan cukai diberikan seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Selain itu, galakan cukai automasi turut disediakan bagi sektor perkhidmatan dalam bentuk Elaun Modal Dipercepatkan dan pengecualian cukai pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan kepada syarikat yang membuat pelaburan ke atas mesin dan peralatan automasi dengan elemen IR4.0. Perbelanjaan modal yang dibenarkan untuk dituntut galakan cukai adalah sehingga RM10 juta pertama. Galakan cukai ini adalah bagi permohonan diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2027.

Cadangan

Bagi terus meningkatkan kecekapan rantaian bekalan melalui pengadaptasian teknologi termaju dalam aktiviti logistik yang merangkumi penggunaan automasi yang menggabungkan elemen IR4.0 seperti AI, IoT dan *blockchain*, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan untuk tempoh 5 tahun diberikan kepada SLC. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran, tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- A. Syarikat SLC yang layak
 - i. SLC *Investor and Operator* yang membuat pelaburan pembinaan gudang pintar dan melaksanakan aktiviti perkhidmatan logistik yang layak; atau
 - ii. SLC *Operator* yang menyewa gudang pintar secara pajakan jangka panjang dengan tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun dan melaksanakan aktiviti perkhidmatan logistik yang layak.
- B. Perkhidmatan logistik yang layak
 - i. pusat pengedaran serantau;
 - ii. perkhidmatan logistik bersepadu;
 - iii. penyimpanan barangan berbahaya; atau
 - iv. rantaian sejuk beku.
- C. Keluasan gudang sekurang-kurangnya 30,000 meter persegi;
- D. Mengadaptasi sekurang-kurangnya tiga elemen IR4.0; dan
- E. Syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI MAJIKAN YANG MELAKSANAKAN ATURAN KERJA FLEKSIBEL

Kedudukan Semasa

Melalui Bajet 2014, potongan cukai dua kali diberi kepada majikan yang melaksanakan atau membuat penambahbaikan Aturan Kerja Fleksibel (*Flexible Working Arrangement* - FWA) yang diperakukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

Manakala melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, majikan yang melaksanakan FWA telah diberi potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang layak terhad sehingga RM500,000 bagi kos fi konsultasi, pembangunan kapasiti bagi pengaturan kerja fleksibel termasuk kos latihan pekerja dan kos perolehan perisian *virtual working environment* mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2022.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan lebih banyak majikan menawarkan fleksibiliti kepada pekerja dan mewujudkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan, dicadangkan perbelanjaan kos pembangunan kapasiti dan perolehan perisian yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan FWA diberi potongan cukai tambahan 50%.

Perbelanjaan yang dibenarkan untuk potongan tambahan ini dihadkan sehingga RM500,000, secara *one-off*, dan ditentukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI MAJIKAN YANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN CUTI PENJAGAAN

Kedudukan Semasa

Majikan yang menyediakan kemudahan cuti berbayar kepada pekerja layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1967. Namun, tiada galakan cukai bagi majikan yang memberi kemudahan cuti tambahan berbayar kepada pekerja yang menjaga anak atau ahli keluarga yang sakit atau kurang upaya.

Cadangan

Bagi menangani impak kehilangan pendapatan kepada individu terkesan dan menyokong pengekalan pekerjaan selaras dengan dasar ekonomi penjagaan, dicadangkan potongan cukai tambahan sebanyak 50% diberi kepada majikan yang menyediakan kemudahan cuti tambahan berbayar sehingga 12 bulan untuk menjaga anak atau ahli keluarga yang sakit atau kurang upaya.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WANITA KEMBALI BEKERJA

Kedudukan Semasa

Golongan wanita yang berada dalam *career break* sekurang-kurangnya 2 tahun dan kembali bekerja layak diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan penggajian yang diterima individu bagi tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut. Galakan ini diberikan bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2027.

Majikan layak diberikan potongan cukai ke atas pembayaran penggajian pekerja di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cadangan

Selaras dengan usaha meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran pekerjaan, dicadangkan potongan cukai tambahan sebanyak 50% diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian untuk tempoh 12 bulan bagi wanita yang kembali bekerja.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI PENINGKATAN EKSPORT

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan terpilih dan berjaya meningkatkan eksport, layak menuntut pengecualian cukai sehingga 70% pendapatan berkanun bersamaan 50% daripada nilai peningkatan eksport. Aktiviti perkhidmatan terpilih adalah seperti berikut:

- i. perundangan;
- ii. perakaunan;
- iii. senibina;
- iv. pemasaran;
- v. konsultasi perniagaan;
- vi. perkhidmatan pejabat;
- vii. pengurusan pembinaan;
- viii. pengurusan bangunan;
- ix. pengurusan peladangan;
- x. pendidikan swasta;
- xi. penerbitan;
- xii. pencetakan;
- xiii. teknologi maklumat dan komunikasi;
- xiv. kejuruteraan; dan
- xv. francais tempatan.

Galakan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

Cadangan

Bagi menyokong misi di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab *Advanced Integrated Circuit (IC) Design Technology and Solutions*, dicadangkan galakan cukai peningkatan eksport bagi sektor perkhidmatan diperluas kepada perkhidmatan *IC Design*.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

KAJIAN SEMULA POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PEMBANGUNAN KURSUS BAHARU DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2006, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) diberi potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh IPTS untuk:

- i. membangunkan kursus baharu; dan
- ii. mematuhi keperluan peraturan bagi memperkenalkan kursus baharu.

Potongan cukai bagi perbelanjaan kos pembangunan kursus baharu ini dibenar dituntut bermula dari tahun penyempurnaan pembangunan kursus untuk tempoh 3 tahun.

Cadangan

Bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mampu bersaing dan kekal kompetitif dalam era revolusi perindustrian yang menekankan penggunaan teknologi digital dan inovasi seperti teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI), dicadangkan potongan cukai sepenuhnya ke atas kos pembangunan kursus baharu oleh IPTS dibenarkan untuk dituntut sepenuhnya dalam tahun taksiran yang sama. Insentif ini juga dipanjangkan kepada pembangunan kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di institut latihan kemahiran swasta.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2030.

SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK MINUMAN BERGULA

Kedudukan Semasa

Mulai 1 Julai 2019, duti eksais pada kadar 40 sen seliter dikenakan ke atas minuman bergula mengikut nilai ambang kandungan gula. Kadar ini dinaikkan kepada 50 sen seliter mulai 1 Januari 2024 melibatkan jenis minuman seperti berikut:

| Bil. | Kod Tarif | Jenis Minuman | Nilai Ambang Kandungan Gula |
|------|-----------|---|-----------------------------|
| 1. | 22.02 | Air minuman termasuk minuman berkarbonat yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain atau berperisa dan minuman lain tanpa alkohol | >5g/100ml |
| | | Minuman berperisa berasaskan susu yang mengandungi laktosa | >7g/100ml |
| 2. | 20.09 | Jus buah-buahan dan jus sayur-sayuran, sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak, atau mengandungi bahan pemanis yang lain | >12g/100ml |

Cadangan

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat, khususnya melalui pencegahan penyakit diabetes dan obesiti, dicadangkan duti eksais bagi produk minuman bergula dinaikkan secara berfasa mulai 1 Januari 2025 pada kadar 40 sen seliter.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2025.

**SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI EKSPORT
KE ATAS MINYAK SAWIT MENTAH**

Kedudukan Semasa

Perintah Duti Kastam 2022 menetapkan kadar duti eksport minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil (CPO)*) mengikut julat harga pasaran CPO seperti berikut:

| Bil. | Harga Pasaran CPO (RM/tan metrik) | Kadar Duti Eksport |
|------|--------------------------------------|--------------------|
| 1. | ≤ 650 | NIL |
| 2. | > 650 – 700 | 10% |
| 3. | > 700 – 750 | 15% |
| 4. | > 750 – 800 | 20% |
| 5. | > 800 – 850 | 25% |
| 6. | > 850 | 30% |

Mulai 1 Januari 2020, duti eksport CPO telah disemak semula melalui pengecualian sebahagian seperti berikut:

| Bil. | Harga Pasaran CPO (RM/tan metrik) | Kadar Duti Eksport |
|------|--------------------------------------|--------------------|
| 1. | < 2,250 | NIL |
| 2. | 2,250 – 2,400 | 3.0% |
| 3. | 2,401 – 2,550 | 4.5% |
| 4. | 2,551 – 2,700 | 5.0% |
| 5. | 2,701 – 2,850 | 5.5% |
| 6. | 2,851 – 3,000 | 6.0% |
| 7. | 3,001 – 3,150 | 6.5% |
| 8. | 3,151 – 3,300 | 7.0% |
| 9. | 3,301 – 3,450 | 7.5% |
| 10. | > 3,450 | 8.0% |

Cadangan

Dalam usaha memastikan bekalan CPO di pasaran tempatan dan menggalakkan aktiviti pemprosesan lanjut (*midstream*) dan aktiviti hiliran (*downstream*) untuk menghasilkan produk nilai tambah lain seperti biodiesel dan oleokimia, dicadangkan kadar duti eksport CPO setelah mengambil kira pengecualian sebahagian disemak semula seperti berikut:

| Bil. | Harga Pasaran CPO (RM/tan metrik) | Kadar Duti Eksport |
|------|--------------------------------------|--------------------|
| 1. | < 2,250 | NIL |
| 2. | 2,250 – 2,400 | 3.0% |
| 3. | 2,401 – 2,550 | 4.5% |
| 4. | 2,551 – 2,700 | 5.0% |
| 5. | 2,701 – 2,850 | 5.5% |
| 6. | 2,851 – 3,000 | 6.0% |
| 7. | 3,001 – 3,150 | 6.5% |
| 8. | 3,151 – 3,300 | 7.0% |
| 9. | 3,301 – 3,450 | 7.5% |
| 10. | 3,451 – 3,600 | 8.0% |
| 11. | 3,601 – 3,750 | 8.5% |
| 12. | 3,751 – 3,900 | 9.0% |
| 13. | 3,901 – 4,050 | 9.5% |
| 14. | > 4,050 | 10.0% |

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 November 2024.

SEMAKAN SEMULA NILAI AMBANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA

Kedudukan Semasa

Levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas pengeluaran buah tandan segar sawit sekiranya harga pasaran minyak sawit mentah (*crude palm oil (CPO)*) melebihi nilai ambang yang ditetapkan. Mulai 1 Januari 2022, nilai ambang telah disemak semula dan levi di Sabah dan Sarawak telah diselaraskan dengan kadar di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

| Bil. | Lokasi | Nilai Ambang Harga CPO (RM/tan metrik) | Kadar Levi |
|------|----------------------|--|------------|
| 1. | Semenanjung Malaysia | 3,000 | 3% |
| 2. | Sabah dan Sarawak | 3,500 | 3% |

Cadangan

Bagi terus menyokong kelangsungan industri sawit negara, dicadangkan nilai ambang levi keuntungan luar biasa disemak semula bagi Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak seperti berikut:

| Bil. | Lokasi | Nilai Ambang Harga CPO (RM/tan metrik) | Kadar Levi |
|------|----------------------|--|------------|
| 1. | Semenanjung Malaysia | 3,150 | 3% |
| 2. | Sabah dan Sarawak | 3,650 | 3% |

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2025.

**PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS BRA MASTEKTOMI
UNTUK KEGUNAAN PESAKIT KANSER PAYUDARA**

Kedudukan Semasa

Bra mastektomi (*mastectomy bra*) untuk pesakit kanser adalah tertakluk kepada duti/cukai seperti berikut:

| Bil. | Produk | Kod Tarif | Duti Import | Cukai Jualan |
|------|---|--------------|-------------|--------------|
| 1. | Bra mastektomi (daripada kapas) | 6212.10.1100 | 0% | 10% |
| 2. | Bra mastektomi (daripada material tekstil lain) | 6212.10.9100 | | |

Cadangan

Selaras dengan nilai ihsan dan membantu meringankan tanggungan pesakit kanser payudara, dicadangkan pengecualian cukai jualan diberi ke atas bra mastektomi.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 November 2024 hingga 31 Disember 2027.

SEMAKAN SEMULA KADAR CUKAI JUALAN DAN PELUASAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

Kedudukan Semasa

Cukai jualan dikenakan ke atas barang bercukai yang dikilangkan di Malaysia dan barang yang diimport. Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, terdapat senarai barangan yang telah dikecualikan cukai jualan (kadar 0%) terutamanya barangan keperluan asas, manakala kadar cukai jualan bagi barangan lain telah ditetapkan pada kadar 5%, 10% atau kadar spesifik bergantung kepada jenis barang.

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan termasuk perkhidmatan bercukai yang diimport dan perkhidmatan digital seperti yang disenaraikan dalam Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) 2019. Kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan adalah 6%, 8% atau kadar spesifik bergantung kepada jenis perkhidmatan.

Bagi menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra perniagaan, layanan berikut telah diberikan:

- i. pengecualian cukai jualan ke atas input pengilangan yang digunakan oleh pengilang berdaftar untuk menghasilkan barang bercukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018;
- ii. pengecualian bagi transaksi antara perniagaan (*business-to-business (B2B)*) bagi perkhidmatan profesional, logistik, pengiklanan dan telekomunikasi;
- iii. pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan *maintenance, repair and overhaul (MRO)*; dan
- iv. kemudahan Pelepasan Kumpulan (*Group Relief*) di bawah cukai perkhidmatan.

Cadangan

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal, cukai jualan dan cukai perkhidmatan akan disemak semula seperti berikut:

- i. cukai jualan kekal tidak dikenakan ke atas barangan makanan asas yang digunakan oleh rakyat;
- ii. kadar cukai jualan dinaikkan bagi barangan bukan keperluan asas seperti barangan premium yang diimport; dan
- iii. skop cukai perkhidmatan diperluas merangkumi perkhidmatan baharu seperti transaksi perkhidmatan komersial antara perniagaan (B2B).

Bagi memastikan kelangsungan perniagaan tidak terjejas, Kerajaan akan melaksanakan sesi libat urus dengan pihak industri bagi menyediakan langkah imbalan serta memuktamadkan skop dan kadar cukai yang akan ditetapkan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Mei 2025.

e ISBN 978-967-12840-8-7



9 789671 284087